



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

**Shah Alam, Rabu 30 Mac 2011**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y. B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
PJK. (Sungai Panjang)  
**( Bercuti menunaikan Umrah )**

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datuk Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd. Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
**BENTARA**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
**PENOLONG BENTARA**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim.* Assalamualaikum Wrt. Wbt dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Selangor yang kedua belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA.**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat Penggal Kedua membentangkan kertas-kertas mesyuarat pertama kertas mesyuarat bilangan 11 tahun 2011 penyata Jawatan Kuasa pilihan Rang Undang-undang kebebasan maklumat Negeri Selangor 2010. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Pelek.

**Y.B TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG. PELEK)**

**TAJUK : PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TAPAK KEDIAMAN KG BARU CINA**

21. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah permohonan telah dikemukakan setakat ini ?
- b) Berapa permohonan telah diluluskan ?

**Y.B TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, setakat ini permohonan Lanjutan Tempoh Pajakan kediaman tapak Kg. baru Cina adalah 3171 permohonan dan yang diluluskan adalah 2207. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

Kawasan Hulu Selangor 60 permohonan. Lulus 16.

Kawasan Hulu Langat 1419 permohonan. Lulus 672.

Kawasan Sepang 123 permohonan. Lulus 76.

Kawasan Gombak 70 permohonan. Lulus 30.

Kawasan Sabak Bernam 829 permohonan. Lulus 737.

Kawasan Kuala Langat 287 permohonan. Lulus 261.

Kawasan Kuala Selangor 44 permohonan. Lulus 38

Kawasan Petaling 342 permohonan. Lulus 180.

Kawasan Klang 197 permohonan. Lulus 197.

Sekian.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Soalan Tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat daripada EXCO kita, Setakat ini permohonan 3171. kelulusan hanya 2207. lebih kurang seribu lebih yang masih belum diluluskan. Boleh tak kemukakan kenapa sebabnya tak diluluskan. Dan khususnya di kawasan Sepang. Permohonan 123 dan yang lulus sebentar tadi saya kurang jelas dengar tadi 36, ke 76 yang luluskan dan bakinya apa yang berlaku. Itulah soalan saya terima kasih.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih Sg. Pelek. Bagi Sepang saya ulang sekali lagi. 123 permohonan, 76 lulus. Bagi masalah yang dihadapi oleh Pejabat Daerah ialah :

1. kemungkinan ada kekurangan dokumen yang diperlukan untuk permohonan ini
2. Mereka memohon secara berkelompok. Jadi nampak angka besar sedikit, dan mereka sekali membuat permohonan.

Dua isu yang saya ingin terangkan kepada Yang Berhormat. Kalau di kawasan Yang Berhormat permohonan lanjutkan tempoh sila kemukakan kepada saya biasanya saya akan menyelesaikan masalah dengan secepat yang mungkin ataupun saya banyak kali turun padang untuk menyelesaikan masalah dengan penduduk tempatan. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**TUAN SPEAKER:** Tuan Speaker Soalan 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK** : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah kerajaan negeri ada merancang satu "master plan" untuk pembinaan rumah ibadat selain Islam ?
  - b) Berapakah pecahan tanah yang diluluskan untuk aktiviti agama Buddha, Hindu, Kristian di seluruh Selangor?
  - c) Apakah status terkini pembinaan kuil di Seksyen 23 Shah Alam ?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Sri Muda. Soalan berkaitan dengan rumah ibadat selain dari Islam ini, buat masa ini Kerajaan Negeri belum merancang untuk *master plain* bagi rumah ibadat selain dari Islam. Walau bagaimanapun, Jabatan Perancang Bandar Desa Negeri Selangor telah menyediakan kajian inventori kegunaan tanah rumah ibadah selain dari Islam Negeri Selangor. Di dalam kajian ini, JPBD

Negeri Selangor sedang membuat semakan dan penyelarasan terhadap data inventori rumah ibadat selain dari Islam dengan semua Jabatan Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Kita kena faham bahawa Negeri sentiasa memantau dan menyelesaikan isu berkaitan keperluan pembinaan rumah ibadat selain dari Islam di sesuatu tempat melalui Mesyuarat Jawatan Kuasa Hal Ehwal selain dari Islam.

Kita pun ada satu dasar Kerajaan Negeri bahawa setiap Pemohon dibenarkan merancang yang dikemukakan kepada pihak Berkuasa Tempat diwajibkan agar Pemaju menyediakan tapak keagamaan bukan Islam bagi pembangunan melebihi 100 ekar. Kita nampak sekarang kita tidak mencukupi dengan permohonan-permohonan yang dibuat oleh agama-agama selain dari Islam ini sebab penerimaan permohonan itu terlebih dari tanah yang kita ada sekarang.

Kita minta Pemaju-pemaju untuk sediakan tapak-tapak pelan pembangunan baru. Berikut adalah pecah tanah yang disokong untuk diluluskan kepada rumah ibadah selain dari Islam bermula dari 2008 hingga kini hingga jawatankuasa selain dari Islam untuk kelulusan Kerajaan Negeri. Untuk Tokong, kita telah memohon 33 telah disokong. Keluasan (hektar) diberi ialah 114 hektar. Untuk kuil kita telah sokong 41 buah. Keluasan (hektar) ialah 7.6 hektar. Untuk Gereja 12 buah. 4.7 hektar telah diluluskan. Untuk Gurdwara 4. 0.7495 hektar. Jumlah permohonan 90. Keluasan Hektar ialah 127.7618.

Dengan soalan yang berikut:

1. Pindaan pelan susun atur yang melibatkan tapak kuil di Seksyen 23 telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam pada 22hb. Jun 2010. Permit bangunan sementara kuil di Seksyen 23 juga telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam pada 20 Oktober 2010.

Satu mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh YB Puan Rodziah Ismail sebagai ADUN Tempatan pada 15hb Mac 2011 telah memutuskan satu perjanjian di antara Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Jawatankuasa Kuil dan Kerajaan Negeri disediakan sebelum kerja-kerja pembinaan jalan masuk tersebut dimulakan sebagaimana persetujuan asal bahawa pembinaan jalan masuk ke tapak cadangan disediakan oleh Pihak PKNS.

Kerja-kerja pembinaan bangunan kuil akan dimulakan selepas persetujuan bersama dicapai, saya ingat ini telah dicapai, bangunan pun telah dimulakan untuk di bangun di tempat itu antara 3 pihak Kerajaan ADUN / Parlimen, PKNS dan jawatankuasa Kuil berhubung dengan kos pembinaan keseluruhan dan bayaran semula pemindahan kepada pihak PKNS selepas bangunan kuil disiapkan.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, soalan 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(DUN TERATAI)**

**TAJUK: KEBERKESANAN TUISYEN RAKYAT**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peserta dalam setiap DUN yang menyertai program tuisyen rakyat tahun lepas.
- b) Cara-cara menyemak keberkesanan program ini.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : *Bismillahi rahmani rahim.* Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera dan terima kasih kepada Teratai. Saya akan menjawab soalan ini bersama soalan 146 dan 246 Dengkil dan Kota Damansara.

Bermula dengan 2009 Kerajaan Negeri Selangor telah proaktif telah meluluskan peruntukan RM3.5 juta kepada Jawatankuasa Pendidikan bagi menjalankan program Keberkesanan Tuisyen Rakyat Negeri Selangor (KTRS). Program ini mensasarkan Pelajar-pelajar yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berasal dari keluarga yang berpendapatan kurang dari RM1500.00 sebulan. Program Tuisyen Rakyat Negeri Selangor ini dijalankan di seluruh Negeri Selangor mengikut kawasan iaitu 56 DUN dengan setiap kawasan diberi kuota sebanyak 100 tempat peserta dan bagi meneruskan hasrat murni Kerajaan Selangor untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan pelajar yang lemah Kerajaan Negeri Selangor konsisten memberi peruntukan sama 2010 dan 2011 bagi meneruskan program ini. Pada 2011 permohonan untuk menyertai KTRS telah di mula pada 21 Februari 2011 seluruh Selangor dan Kelas Tuisyen mula diadakan pada 5hb. Mac 2011.

Walau bagaimana pun, saya hendak ingatkan ada sepuluh lagi kawasan DUN yang masih belum memulakan kelas tuisyen iaitu Permatang, Bukit Melawati, Kota Damansara, Kota Anggerik, Pandamaran, Seri Andalas, Kg. Tunku, Bukit Lanjan, Seri Kembangan dan Kajang. Jadi, saya minta kepada semua Ahli Dewan Negeri dan Yang Berhormat, sila ambil perhatian dan sehingga 18 Mac seramai 2,844 orang pelajar telah berdaftar untuk menyertai program tuisyen rakyat Selangor dengan bilangan lokasi sebanyak 110 buah tempat. Keberkesanan hasil pelaksanaan program tuisyen rakyat Selangor dapat dilihat daripada pelbagai segi. Daripada segi perkara berikut:

1. Daripada peningkatan pelajar menyertai program tuisyen rakyat Selangor dari tahun 2009 hingga 2010. Bagi tahun 2009 seramai 4,330 orang menyertai program ini. Pada 2010, 4,508 orang. Jadi jumlah keseluruhannya adalah seramai 8,841 orang. Keberkesanannya juga kita boleh lihat daripada keputusan peperiksaan pelajar di mana kita membuat perbandingan keputusan peperiksaan pelajar sebelum dan selepas menyertai program tuisyen rakyat Selangor ini. Perbandingan dilakukan dengan melihat keputusan peperiksaan seperti mana berikut:
2. Keputusan Penilaian Menengah Rendah, Keputusan peperiksaan akhir tahun tingkatan empat. Ujian prestasi pelajar anjuran PTRS. Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jadi kita melihatkan *trend* pencapaian mereka.
3. Perubahan sikap pelajar. Pengamatan yang dilakukan oleh koordinator Pembangunan Modal Insan yang menguruskan program tuisyen rakyat Selangor ada melaporkan mengenai perubahan sikap ditunjukkan oleh pelajar daripada negatif kepada positif. Dan saya hendak ingatkan di mana peserta ini adalah daripada golongan yang lemah. Bukan daripada mereka yang telah pun mencapai kecemerlangan A dan sebagainya. Jadi, tujuan kita ialah untuk memastikan mereka yang kalau kita tidak beri bantuan daripada golongan yang berpendapatan rendah, mereka kemungkinan tercicir daripada pelajaran mereka., dan bantuan daripada PTRS ini dengan kita memberikan tuisyen percuma ini akan melonjakkan pencapaian mereka selain daripada sikap *mind set*, *hard set* dengan izin untuk maju di dalam bidang pelajaran mereka, mereka juga positif

daripada serba serbi yang lain. Pelajar-pelajar adalah dipilih oleh KPMI yang dilantik mewakili setiap kawasan yang saya telah minta kepada Ahli Dewan Negeri sendiri memilih untuk mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat. Pelajar-pelajar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Pertama pemohon hendaklah mengisi borang permohonan menyertai program tuisyen rakyat Selangor yang diberikan secara percuma.
2. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah, kurang daripada RM 1,500.
3. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang lemah dalam pelajaran. Ini merujuk kepada keputusan peperiksaan akhir tahun Tingkatan Empat dan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pemohon di mana memperolehi gred D, C, B dalam empat pelajaran teras yang ditawarkan program tuisyen rakyat Selangor ini. Dan empat pelajaran tersebut adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Dan ingin saya sebutkan di sini, maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat juga saya telah lihat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia yang baru-baru ini di seluruh Selangor di mana ada lagi sekolah-sekolah di mana ramai juga pelajar-pelajarnya tidak lulus dalam Bahasa Melayu yang dianggap teras.
4. Borang permohonan hendaklah disahkan oleh Ketua Kampung (JKK), Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat bagi mengesahkan alamat pemohon. Kerana kita telah memberikan kuota bagi tiap-tiap kawasan DUN.
5. Borang yang telah dilengkapkan perlu dikemukakan kepada KPMI yang dilantik mewakili setiap kawasan DUN atau Pusat Khidmat Masyarakat di kawasan yang berdekatan.
6. Borang permohonan yang lengkap sahaja akan diproses oleh pihak pentadbiran. Kerana kita tidak mahu ada yang hanya main-main sahaja yang hendak masuk tapi kemudiannya mereka tidak benar-benar menyertai tuisyen kita.

Program tuisyen rakyat pada 2009 dan 2010 yang ditanya oleh Teratai ini nama kawasan DUN bilangan pelajar.

<b><u>Kawasan DUN</u></b>	<b><u>2009</u></b>	<b><u>2010</u></b>
Hulu Bernam	100	104
Kuala Kubu Bharu	100	65
Rawang	100	100
Batang Kali	80	50
Taman Templer	100	90
Batu Caves	85	65
Bukit Antarabangsa	100	100
Gombak Setia	85	88
Hulu Kelang	75	45
Lembah Jaya	89	75
Kajang	100	70
Cempaka	68	53
Semenyih	95	160
Teratai	85	35

Dusun Tua	95	100
Dengkil	35	100
Balakong	100	90
Bangi	100	95
Seri Kembangan	75	65
Seri Serdang	100	65
Kinrara	80	60
Damansara Utama	100	89
Bukit Lanjan	50	-
Tanjung Sepat	100	100
Sijangkang	100	100
Teluk Datuk	100	104
Morib	100	100
Sg. Pelik	100	100
Sg. Air Tawar	40	100
Sabak	70	100
Sg. Panjang	40	100
Sekinchan	79	85
Sg. Burung	100	100
Permatang	49	45
Bukit Melawati	100	100
Ijok	100	100
Jeram	100	100
Kuang	93	80
Subang Jaya	12	22
Seri Setia	57	90
Taman Medan	95	100
Bukit Gasing	8	20
Kg. Tunku	-	-
Paya Jaras	-	45
Kota Damasnara	60	35
Kota Anggerik	70	100
Batu Tiga	100	100
Meru	100	100
Sementa	100	100
Sg. Pinang	100	50
Selat Kelang	91	100
Pelabuhan Kelang	-	55
Pandamaran	51	45
Kota Alam Shah	57	81
Seri Andalas	74	57
Seri Muda	91	100

Dan cara mekanisma kita memilih, yang dipilih untuk mengukur keberkesanan tuisyen rakyat ialah perbandingan yang saya sebutkan tadi. Keputusan peperiksaan. Yang kedua kita mengambil maklum balas daripada koordinator Pembangunan Modal Insan, guru-guru program tuisyen rakyat Selangor sendiri, ibu bapa yang menjaga pelajar dan rakan sebaya pelajar, dan juga perbandingan pendaftaran pelajar mengikut tahun 2009, 2010 dan 2011 dan insya-Allah saya juga telah menulis kepada pengarah pelajaran, Jabatan Pelajaran Selangor di mana kita mahu mendapatkan sebenarnya keputusan SPM 2010 ini daripada sekolah-sekolah itu sendiri supaya kita melihat apakah sebenarnya pencapaian pelajar-pelajar yang menyertai program

tuisyen rakyat Selangor yang sebelum ini kita agak sukar untuk mendapatkan keputusan itu kerana apabila mereka telah meninggalkan sekolah kita sukar untuk mengesan mereka. Sekian.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER** : Lembah Jaya.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Tuan Speaker, soalan No. 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PELABURAN & PERDAGANGAN**

24. Bagaimana kah kita menjalankan “proses pemilihan pelabur” bagi pelabur-pelabur yang ingin melabur di negeri Selangor

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- Apakah pula kriteria pelabur yang kita terima?
- Apakah pula insentif yang kita berikan kepada mereka?
- Berapa banyak kah pelabur dari timur tengah yang telah melabur atau akan melabur di negeri Selangor?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih soalan yang diberi oleh YB Lembah Jaya. Lembah Jaya tanya macam manakah kita akan menjalankan proses pemilihan pelabur bagi pelabur-pelabur yang ingin melabur di negeri Selangor. Dan juga, apakah kriteria pelabur yang kita terima. Di sini saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak menetapkan sebarang kriteria bagi proses pemilihan para pelabur yang ingin melabur di Selangor. Secara dasarnya Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang bentuk pelaburan khususnya yang berkaitan dengan sektor-sektor industri seperti berikut :

- Electrical dan Electronic Industry.*
- Industry Life Science* yang termasuk *bio-technology, pharmaceutical* dan peralatan perubatan.
- Industri tenaga yang boleh diperbaharui khususnya solar.
- Insustri *machinery and equipment*
- Industri pengangkutan dan peralatannya
- Industri *Petrol Chemical dan Polimal*
- Industri yang berkaitan dengan laut dan juga pelabuhan
- Industri perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan seperti *ship yard*

9. Industri aero space
10. Industri perkhidmatan yang mana termasuk *business dan professional services. Integrated Logistic Services*
11. Perkhidmatan ICT, Perkhidmatan pengagihan, Perkhidmatan pendidikan dan latihan, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan.

Dan juga kita mengalau-alukan pelaburan dalam industri halal yang termasuk bahan mentah, yang makanan dan minuman, produk susu, produk bukan makanan. Dan juga termasuk pembungkusan, penyimpanan dan pengagihan barang halal dan juga aktiviti import dan eksport. Selain itu juga Kerajaan Negeri juga memberi penekanan kepada sektor industri yang berdasarkan teknologi tinggi yang berasaskan pengetahuan, pengintensifan modal dan mesra alam serta mesra dengan alam sekitar. Yang Berhormat Lembah Jaya juga bertanya tentang insentif yang kita berikan kepada pelabur. Jawapannya ialah Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang insentif berbentuk kewangan kepada para pelabur yang ingin melabur di Selangor kerana sebarang bentuk insentif hanya diberikan pihak Kerajaan Persekutuan melalui MITI dan MIDA. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri melalui agensi promosi pelaburan iaitu SSIC Berhad akan memberikan bantuan kepada para pelabur dalam membantu mendapatkan sebarang kelulusan pembangunan daripada jabatan-jabatan kerajaan secara percuma. Pihak SSIC Berhad akan memantau dan menyelesaikan mesyuarat teknikal bersama agensi-agensi yang terlibat bagi memastikan pembangunan yang dirancang oleh para pelabur dapat disiapkan dalam tempoh masa serta mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Yang Berhormat Lembah Jaya tanya berapakah pelabur dari Timur Tengah yang telah melabur atau akan melabur di Negeri Selangor. Jawapannya ialah bagi tempoh 2008 sehingga 2010 sebanyak 13 projek melibatkan pelabur dari Negara-negara dari Timur Tengah telah diluluskan oleh MITI dan MIDA di Negeri Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak 376 juta ringgit. Maklumat Negara-negara tersebut adalah seperti berikut:

<u>Negara</u>	<u>Bilangan Projek</u>	<u>Jumlah Modal Pelaburan RM</u>
Iran	3	163.8 juta
Syria	1	22 juta
Turkey	1	99.8 juta
United Arab Emirates	8	181 juta

Dan ini termasuk jumlah pelaburan dari Negara Timur Tengah di Negeri Selangor adalah 376.8 juta ringgit. Sekian.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**YB TUAN SPEAKER :** Ya! Batang Kali.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM :** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO Kawasan Industri Zurah Rasa, apakah zon yang ditetapkan. Zon apa. Kemudian, apakah strategi Bahagian Pelaburan Kerajaan terhadap kawasan tersebut, saya lihat kawasan tersebut infranya sudah cukup, sudah cantik tetapi terbiar begitu sahaja. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya zon zurah kawasan perindustrian zurah ini adalah untuk ‘Two Sembercinery’ dan ini memang telah

dirancang lama sebenarnya ia ditubuhkan dengan tujuan memindahkan kilang-kilang dari Sungai Besi untuk dipindahkan ke Zurah Industrial Park. Malangnya ialah pada 20 tahun lebih yang lepas, yang mana para pekilang di kawasan Sungai Besi mereka beli lot tanah tapi mereka tak pindah kilangnya dan sehingga sekarang memang ada tuan tanah di lot-lot Zurah Industrial Park tetapi malangnya mereka tidak ingin menubuhkan mendirikan kilang dekat sana. Jadi pada PKNS dan juga bagi SSIC, kami memang sentiasa memperkenalkan tempat itu kepada pelabur asing dan kita lihat pada 2-3 tahun yang lepas ini memang adanya kilang baru didirikan di Zurah Industrial Park. Jadi memanglah bagi PKNS, kami tidak kami sekiranya ada pelabur yang berminat kami akan berhubung dengan tuan tanah dan cuba memujuk mereka untuk jual tanah kepada pihak pelabur yang berminat di tempat itu, malangnya tidak begitu ramai pelabur berminat dengan tempat perindustrian di Zurah, tapi walau bagaimanapun kami masih akan gigih mempromosikan Zurah Industrial Park dan saya juga nak tarik perhatian di mana yang Persatuan Perdagangan dan Perindustrian Cina, khususnya Tan Sri Sung memang beliau pernah pada tahun lepas pernah pergi ke negara Cina, ke Taiwan untuk membantu kerajaan negeri untuk mempromosi Zurah Industrial Park. Jadi saya berharap dengan pertumbuhan ekonomi yang telah pun pulih pada tahun ni kami berharaplah lebih ramai pelabur akan masuk dirikan kilang mereka di Zurah Industrial Park.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Sg. Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD :** Tuan Speaker soalan tambahan. Pada keseluruhannya bolehkah Y.B jelaskan 3 buah negara yang p-paling banyak melabur di Selangor? Jenis pelaburannya dan jumlah pelaburan setiap satu setakat inilah, dan yang kedua setiap pelabur yang masuk ke Selangor ada tak cadangan daripada kerajaan negeri untuk membawa pelabur-pelabur itu ke Sg. Air Tawar?. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut kalau kita lihat pelaburan asing yang melabur di Selangor sejak tahun 2008 hingga 2010 mengikut saiz pelaburan kita lihat yang No.1 ialah Amerika Syarikat yang mempunyai 21 projek, jumlah pekerjaan peluang pekerjaan adalah 15,320 dan jumlah pelaburannya ialah 4.7 bilion. Yang kedua ialah Negara Germany terdapat 19 projek, peluang pekerjaan adalah 2,462 dan jumlah modal pelaburan adalah 3.5 bilion ringgit. Yang ketiga adalah Jepun. Jumlah projek ialah 56, peluang kerajaan adalah 4,039 dan jumlah pelaburan adalah 3.38 bilion ringgit. Ini diikuti dengan Singapura, projek 62, peluang pekerjaan ada 4,795, dan jumlah modal pelaburan adalah 1.83 bilion ringgit. Jadi ini adalah 4 negara asing yang utama yang memberi saiz pelaburan yang paling besar di negeri Selangor. Mengikut kalau Yang Berhormat berminat untuk mendapat lebih pelabur, atau pelabur asing kan datang ke kawasan Yang Berhormat mungkin nanti kita boleh bincang bersama macam mana kita boleh buat perancangan untuk membawa pelaburan asing ke tempat kawasan Yang Berhormat. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Memandangkan Selangor adalah nadi kepada perkembangan ekonomi negara maka kerisauan saya semenjak 3 tahun yang diterajui Pakatan Rakyat mungkin juga tidak boleh disalahkan kerana iklim pelaburan negara telah pun menjadi kelam kabut. Jadi soalan saya pada Yang Berhormat EXCO adalah memandangkan jawapan yang diberikan itu kebanyakan pelaburan itu dibawa oleh MITI atau MIDA apakah hasil usaha kerajaan Negeri Selangor sendiri secara dengan izin 'Off hand' pelaburan terbesar yang telah di bawa ke negara ini semenjak 3 tahun menerajui kerajaan negeri Selangor. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bukan MITI dan MIDA yang membawa masuk pelaburan yang pelaburan yang masuk ke negeri Selangor yang besar tu adalah pelabur yang pernah dengar tentang betapa baiknya kerajaan Pakatan di Selangor, itu sebab mereka berminat menanam pelaburan di Selangor.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Yang Berhormat Speaker, dengan izin..

**TUAN SPEAKER** : Nantilah dengar dulu.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tak soalan saya.

**TUAN SPEAKER** : Dengar dulu.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Jadi sebenarnya Yang Berhormat semalam tak ada berada di dewan sebenarnya semalam saya sudah jawab..

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Yang Berhormat yang tu yang semalam saya ada Yang Berhormat. Memang saya ada dia kata saya tak ada. Memang saya ada semalam.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Ya, sebenarnya kalau kita lihat saya tak buat pengiraan pada sejak tahun 2008 sehingga tahun 2010 yang Selangor merupakan negeri yang mempunyai jumlah pelaburan yang paling tinggi berbanding dengan kesemua negeri di Malaysia. Jadi yang apa Yang Berhormat tanya mana projek yang menanam pelaburan yang paling besar apa yang berlaku di Selangor ialah kita lihat ramai pelabur mereka sebenarnya mengembangkan syarikat kilang dan juga pelaburan mereka. Kalau sebab mereka menambah pelaburan di Selangor adalah kerana mereka rasa negeri Selangor di bawah kerajaan Pakatan Rakyat memang mesra dengan mereka. Mesra dengan pelabur asing khususnya jadi mereka menanam pelaburan dan di negeri Selangor kita lihat yang jumlah pelaburan domestik atau dalam negeri oleh warga Malaysia dan jumlah pelaburan asing sebenarnya agaknya sama agaknya sama. Jadi ini termasuk mereka yang telah pun menubuhkan kilang menanam pelaburan di negeri Selangor mereka kebanyakannya tidak enggan berpindah ke tempat lain lah dan mereka akan terus berkembang mengembangkan kilang dan juga pelaburan mereka. Jadi kalau Yang Berhormat berminat adakan itu statistik nanti saya akan hantar kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker soalan No.25.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

#### **TAJUK : HASIL KUARI**

25. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar
- a) Senaraikan jumlah hasil kuari mengikut jenis kepada Kerajaan Negeri daripada tahun 2007-2011.

- b) Senaraikan syarikat yang mendapat lesen mengeluarkan hasil kuari, serta tempoh lesen yang diberikan mengikut daerah.
- c) Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kuari di kawasan Bandar tidak akan menimbulkan kacau ganggu dan pencemaran kepada penduduk yang mendiami sekitar kuari?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Rawang menyertakan soalan mengenai hasil kuari. Saya nak jelaskan ada 2 jenis kumpulan kuari. Satu ialah kumpulan kuari melalui tanah hak milik. Kedua kumpulan kuari yang melalui pemberian lesen oleh Pejabat Hutan yang saya rasa soalan yang dikemukakan oleh Rawang adalah mengenai kuari-kuari yang di luar kawasan hutan. Terdapat 18 kuari yang memberikan hampir 4.5 juta setahun pendapatan kerajaan negeri dan kuari-kuari ini kita tidak berikan pemanjangan tempoh permit dengan cara yang lama kita bagi melalui satu bulan ke tiga bulan sahaja kerana kita ingin memantau tentang keadaan kuari tersebut yang seperti Yang Berhormat membuat soalan yang ketiga. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kuari di kawasan bandar tidak akan menimbulkan kacau ganggu dan pencemaran kepada penduduk yang mendiami sekitar kuari. Masalahnya Yang Berhormat yang saya nak jelaskan walaupun banyak wakil rakyat kita mempersoalkan perkara ini sebenarnya kuari adalah lebih awal daripada kawasan perumahan dan oleh sebab itu kelulusan meluluskan kawasan perumahan di sekeliling kuari adalah satu kelulusan yang tidak mengambil kira kekacauan yang akan berlaku. Oleh sebab itu, kita terdapat banyak permohonan oleh mereka-mereka yang baru menduduki kawasan perumahan itu untuk menutup kuari. Jadi orang yang mendapat permit kuari memberitahu kita dia yang pernah mendirikan kuari 10 tahun ataupun 15 tahun lebih awal daripada kawasan perumahan. Oleh sebab itu lah terdapat masalah kelulusan yang telah dibuat dan kebanyakannya kelulusan itu telah dibuat 5 atau 6 tahun dahulu dan menyebabkan keadaan ini walaupun bagaimanapun untuk kawasan gombak kesemuanya berada di kawasan Rawang iaitu Sri Rawang Sdn Bhd. Namanya pun senang, tempoh tamatnya 2008 dan kita adakan 'review' kemudian Kuari Permata dan Sunway Kuari Sdn Bhd juga di Mukim Rawang dan ini kita akan sesuaikan. Tapi terdapat dari segi keadilan bagaimana kita nak menyelesaikan masalah pemilik kuari dan juga masalah tempatan dan kelulusan perumahan yang mana kawasan perumahan itu dibina selepas kuari itu lebih lewat daripada penubuhan kuari tersebut dan sekarang penduduk-penduduk keliling kawasan kuari tersebut berpendapat kuari itu tidak patut didirikan di sana. Jadi ini satu isu-isu rakyat yang kita perlu selesaikan dan kita mengambil kira tentang berapa lama kuari itu akan dibenarkan dan bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah prihatinan rakyat. Perkara yang kedua selain daripada bising ialah jalan yang digunakan oleh lori-lori kuari yang sekarang memasuki kawasan-kawasan perumahan tersebut dan oleh sebab itulah mesin baru yang jika kita muh keluarkan kita juga menghendaki pemilik kuari membuat pelaburan untuk membina jalan terasing daripada jalan kawasan perumahan tersebut dan masalah ini akan berterusan sehingga kuari-kuari yang benar-benar tidak perlu lagi di kawasan dan keperluan negeri ditutup.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Rawang

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Daripada jawapan Yang Berhormat saya ingin bertanya sebab kita nampak sekarang proses perbandaran tidak dapat dielakkan dan kuari masih berada di sana dan apakah perancangan jangka panjang sebab kita pun faham hasil kuari memang salah satu pendapatan yang mendatangkan pendapatan yang tinggi kepada kerajaan negeri Selangor tetapi ada tak satu kajian ataupun 'projection' dengan izin tentang hasil kuari yang

masih ada di negeri Selangor dan apa perancangan untuk kita mengatasi 1 ‘win win situation’ antara hasil kuari dengan proses perbandaran yang berlaku di negeri Selangor ini.

**YAB DATO’ MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat. Daripada yang saya nyatakan hasil pendapatan negeri untuk kuari hak milik persendirian sangat kecil untuk menyelesaikan masalah 4 juta sahaja setahun. Jadi boleh jadi hasil daripada industri pasir yang kita ubahsuai sekarang akan menjadi 10 kali ganda daripada hasil kuari. Jadi kita rasa walau bagaimanapun kita mesti bertanggungjawab dari segi ‘private properties’ ini dipanggil ‘private properties’ yang mana mereka dulunya telah diberikan lesen-lesen untuk meneruskan kuari dan mereka juga tidak dalam apa segi tidak menyalahkan undang-undang dari segi penempatan tetapi boleh jadi yang saya tidak nak menyatakan perkara ini boleh jadi yang silap ataupun pejam mata ataupun dipejamkan mata ialah kelulusan untuk memberi kelulusan perancangan ataupun untuk membina kawasan perumahan di keliling kuari jadi sehingga sekarang ada orang datang berjumpa saya untuk mengatakan kuari ini tak sampai 50 ela daripada rumah saya. Jadi saya pun tanya masa beli rumah ada tak kuari tersebut. Jawapannya ada tapi saya tak tahu sampai begitu bising. Jadi macam dan bila saya semak sebenarnya kelulusan industri tak boleh 50 ela kelulusan industri mesti sekurang-kurangnya 500 ke 1000 meter, jadi kelulusan tapi bukan kelulusan yang saya sekarang kena kendalikan. Sudah rumah kalau saya kata tak lulus roboh rumah boleh jadi kalau di tempat wakil daripada Barisan juga saya ingat you pun datang buat rusuhan juga tapi jawapannya kita nak selesaikan perkara ini dan saya rasa dalam saya sudah memberitahu berapa pemilik kuari dalam masa 2020 yang akan datang atau pun 2025 yang akan datang lebih daripada 90% daripada kawasan Negeri Selangor ini kawasan Perbandaran selain daripada 30% daripada kawasan ini ialah Kawasan Hutan. Jadi oleh sebab itu jangkaan saya tak ada lagi kuari yang berada di Kawasan Perbandaran. Jadi oleh sebab itu lah kita mesti mengambil kira perancangan yang rapi dan adalah tidak adil juga kita terus menutup kuari dengan alasan dia telah mencerung dan sebenarnya ada orang menceroboh dia daripada dia menceroboh. Kedua kita juga berpendapat ada juga keperluan batu-batan yang mesti kita ambil kira sebab Pembangunan Lembah Klang atau pun Kuala Lumpur memerlukan begitu banyak batu-batan untuk Pembangunan di Daerah ini.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil

**YB DATO’ MARSUM BIN PAING** : Tuan Speaker, soalan no. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO’ MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK** : **KUOTA JUALAN DAN HARGA DISKAUN RUMAH**

26. Ada cadangan pemimpin Pakatan agar kuota 30 peratus jualan dan harga diskaun bagi Bumiputra dihapuskan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar:

- a) Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap cadangan tersebut?
- b) Apakah dasar jualan dan harga diskaun yang diguna pakai oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri?

c) Apakah kesan positif kepada rakyat jika cadangan tersebut dilaksanakan?

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat pada masa kini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menghapuskan 30 peratus kuota jualan malah masih mengekalkan dan memastikan bahawa kuota Bumiputera Perumahan sekurang-kurangnya [ada kadar minimum 30 peratus bagi setiap pembangunan harta tanah yang dijalankan. Ianya bagi memastikan setiap lapisan masyarakat di negeri Selangor mampu memiliki kediaman yang selesa untuk diduduki selaras dengan visi Selangor Negeri dalam, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan. Kerajaan Negeri juga masih mengekalkan diskaun kepada pembeli Bumiputera terhadap harta tanah-harta tanah yang dibeli. Diskaun yang diberikan kepada pembeli Bumiputera adalah sebanyak 7 peratus bagi harta tanah jenis rumah dan 10 peratus bagi harta tanah jenis komersial dan industri. Diskaun ini diberikan bertujuan menggalakkan lagi pembeli-pembeli Bumiputera untuk membeli seterusnya memiliki harta tanah-harta tanah yang berpotensi dan secara tidak langsung dapat menambah serta meningkatkan pemilikan harta tanah Bumiputera khususnya di dalam industri perumahan.

Sehubungan dengan itu, sebarang cadangan pemansuhan kuota 30 peratus dan diskaun Bumiputera dalam pemilikan harta tanah Bumiputera adalah tidak benar dan merupakan suatu tuduhan yang berniat jahat.

Bagi pembangunan yang dijalankan oleh anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri, mereka juga tidak terlepas daripada syarat-syarat yang dikenakan terhadap pemaju-pemaju swasta malahan mereka dikenakan syarat jualan minimum Bumiputera sebanyak 70 peratus. Begitu juga dengan diskaun Bumiputera yang diberikan adalah seperti yang ditetapkan oleh dasar Kerajaan Negeri iaitu 7 peratus bagi harta tanah jenis rumah dan 10 peratus bagi harta tanah jenis komersial dan industri. Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri juga dikehendaki membuat pengiklanan di akhbar-akhbar utama tempatan seberapa kerap bagi menggalakkan pembeli-pembeli Bumiputera membeli harta tanah yang diminati. Bukan itu saja, anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri terutamanya meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri perumahan.

Sehingga kini, prestasi jualan harta tanah khususnya rumah milik anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah amat menggalakkan dan berjaya menjual kesemua unit-unit rumah kuota Bumiputera sebanyak 70 peratus yang dikenakan kepada mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Apakah status mengenai projek rumah yang terbengkalai di Negeri Selangor khususnya di kawasan DUN Sg. Pelek? Ini adalah kerana hingga setakat ini saya masih ingat saya bangkitkan projek-projek yang terbengkalai di kawasan saya di sekitar Bandar Baru Salak Tinggi nampaknya sehingga hari ini tak ada apa tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan jadi saya ingin tahu apakah status projek yang terbengkalai ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, soalan ini saya rasa keluar daripada pokok dan mengikut Peraturan Tetap 74 Sub 3 saya tidak benarkan.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker, soalan no. 27

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : JALAN KAMPUNG-KAMPUNG**

27. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah Peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk pembinaan dan pemberian jalan-jalan kampung di Negeri Selangor dalam Tahun 2011 ?
- b) Daripada jumlah tersebut sila senaraikan jumlah peruntukan yang diluluskan mengikut mukim-mukim dan daerah-daerah di Negeri Selangor ?

**YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, seperti saya jelaskan dalam Dewan-dewan yang lalu Kerajaan Negeri sepatutnya peruntukan luar banar ini adalah di bawah peruntukan luar Bandar. Malangnya setelah Pakatan Rakyat mengambil Kerajaan peruntukan ini telah diambil oleh Persekutuan dan diserahkan kepada Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ada maklumat tentang projek tersebut.

- a) Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek kecil luar Bandar di seluruh daerah di Negeri Selangor bernilai RM8,524,966.46 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta Lima Ratus Dua Puluh Empat Ribu Sembilan Ratus Enam Puluh Enam dan Sen Empat Puluh Enam Sahaja). Senarai cadangan projek-projek tersebut diperolehi daripada sembilan (9) Pejabat Daerah di Negeri Selangor melalui permohonan yang dikemukakan sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), aduan penduduk serta pemantauan yang dibuat sendiri oleh Pejabat Daerah dan ianya juga dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri (ADN) di kawasan berkaitan. Pemilihan projek-projek ini adalah berdasarkan keperluan dan tahap kritikal sesuatu kawasan. Oleh kerana peruntukan kecil Kerajaan Negeri hanya mengambil kawasan-kawasan kritikal sahaja.

Peruntukan yang disalurkan ini adalah bagi pelaksanaan projek-projek kecil infrastruktur yang merangkumi penyelenggaraan jalan, longkang dan jambatan serta kerja-kerja baik pulih balai raya JKKK. Daripada keseluruhan jumlah peruntukan yang telah diluluskan, sejumlah RM4,858,026.82 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Lapan Ratus Lima Puluh Ribu Dua Puluh Enam dan Sen Lapan Puluh Dua Sahaja) telah diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah selaku Pengguna Projek.

Bagi membantu Kerajaan Negeri Sg Burong untuk memastikan bahawa peruntukan RM95 juta setahun yang biasa diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bahawa ikut Luar Bandar disalurkan kepada Pejabat Daerah supaya Kerajaan Negeri boleh memantau projek tersebut. Jumlah keseluruhan yang diluluskan bagi penyelenggaraan jalan-jalan kampung di Negeri Selangor mengikut daerah berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Projek</b>	<b>Jumlah RM</b>
1.	Petaling	21	709,000
2.	Klang	38	627,849
3.	Gombak	11	310,000
4.	Hulu Langat	13	293,989
5.	Sepang	22	427,300
6.	Kuala Langat	23	395,000
7.	Kuala Selangor	32	706,353
8.	Hulu Selangor	16	424,000
9.	Sabak Bernam	51	964,535

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Bharu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK : KEMPEN KONSERVASI AIR**

28. Kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan Kempen Konservasi atau Penyimpanan Air.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimakah mekanisme konservasi atau penyimpanan air ini dilakukan?
- b) Apakah perkembangan dan tahap keberkesanan kempen tersebut?
- c) Adakah kempen ini dapat memupuk budaya penjimatan air?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah mewartakan 17 tasik kolah dan bekas lombong untuk dijadikan sumber air alternatif atau pun sumber air tambahan. Tujuan pewartaan ini adalah untuk menyediakan sumber air yang alternatif dan tambahan dan selain daripada itu kita juga ada sumber air bawah tanah bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air sekiranya berlaku kemarau atau krisis air di Negeri Selangor. Pensampelan *sampling* tahap kualitinya telah dilakukan supaya boleh digunakan pada waktu kecemasan. Sistem penuaian air hujan, SPAH atau pun dengan izin "Rain Water Harvesting" juga telah digalakkan di beberapa kawasan seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

MBPJ melalui projek perintisnya Damansara Jaya, Resident and Owners Association, DJROA dimana pihak Resident Association telah memulakan sistem SPAH ini yang dilancarkan pada 6 November 2011. DJROA juga telah memulakan aktiviti pekebunan Taman Herbal di Pusat Komuniti dan menggunakan sistem SPAH. Selain daripada itu terdapat juga satu projek di Sekolah Kebangsaan Sri Kelana Petaling Jaya di mana pelajar-pelajar melalui Kelab Alam Sekitarnya telah juga membuat satu sistem SPAH. Selain daripada itu Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuat satu keputusan dasar iaitu setiap Pembangunan Baru yang berlandas dengan izin *Landed Property* di beri syarat untuk mengadakan sistem penuaian air hujan di semua pembangunan tersebut. Dan MPPJ juga ada satu sistem di mana insentif diberi kepada setiap pembangunan baru yang menepati sistem GBI Green Building Indeks di mana mereka ada beberapa tahap dari gangsa kepada platinum, mereka akan diberi diskaun melalui *fund* yang khas iaitu *infrastructure fund*. Pihak Lembaga Urus Air Selangor, LUAS sendiri akan mempergiatkan lagi promosi penggunaan sistem penuaian air hujan SPAH pada tahun ini bersama dengan beberapa pihak. Jadi semua PBT telah disyorkan untuk adakan projek sistem penuaian hujan. Selain daripada itu secara amnya mekanisma konservasi atau pun penyimpanan air oleh LUAS adalah menjurus kepada kesedaran penjimatan air dan juga pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air. Ada beberapa program yang dijalankan oleh Lembaga Urus Air LUAS.

- 1) Program Sambutan Hari Air Sedunia dan pada tahun ini adalah diadakan pada 2hb April 2011 dengan tema dengan izin "Water for Cities Responding To The Urban Challenge". Objektifnya adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dalam keperluan penggunaan air dan Kempen Air juga dilancarkan. Selain daripada itu pada tahun 2011 Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna juga akan melancarkan satu program untuk menjimatkan air di kalangan pengguna-pengguna.
- 2) Ada juga satu program pemuliharaan sumber air melalui kitar semula melalui sisa minyak masak. Orang ramai digalakkan untuk mengumpul sisa minyak masak hasil daripada kegunaan dapur di satu pusat pengumpulan dan menjual sisa terkumpul ini. Program ini mendidik memeliharaikan sumber air dan menghargai air yang digunakan daripada membuang sisa minyak masak ke dalam singki dan seterusnya akan mengalir ke sungai dan akan mendatangkan pencemaran.
- 2) Terdapat juga satu program yang dipanggil 'Kuah-Kuah Luas'. Peserta didedah dengan faktor-faktor menyumbang kepada pencemaran sungai seterusnya diberi tunjuk ajar bagaimana untuk mengukur kualiti air sungai secara kimia dan biologi serta diterapkan juga penggunaan dan penjimatan air. Peserta adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi, komuniti dan pengilang.

Akhirnya melalui program dan kempen yang disebut dan juga program lain yang dijalankan oleh Lembaga Urus Air Selangor bersama dengan beberapa jabatan di negeri Selangor, kita bukan saja dapat memupuk budaya penjimatan air malah pendedahan dan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air dapat mewujudkan rasa tanggungjawab untuk memastikan sumber air sentiasa dalam keadaan baik dan berkualiti. Seterusnya rasa penghargaan kepada keperluan air dan penggunaannya boleh di capai antara kalangan penduduk dan juga industri.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat Bukit Lanjan, saya ingin bertanya, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah inisiatif tersebut, yang mana banyak juga diadakan dalam DUN Seri Setia, misalnya program di sekolah Seri Kelana dan juga Program Kitar Semula Minyak Masak. Cuma saya fikir dalam pengalaman saya dalam kawasan Seri Setia kita lihat isu minyak masak ini agak serius, yang mana walaupun premis-premis makanan dikehendaki menggunakan perangkap minyak atau ‘gris trap’ dengan izin, tetapi kalau ada pun mereka Cuma ada untuk memenuhi syarat, tetapi tidak pernah diguna pakai. Adakah inisiatif agar kita mewajibkan, ada pemantauan yang lebih ketat di peringkat PBT untuk memastikan penggunaan ‘gris trap’ ini, dan kitar semula minyak masak untuk premis-premis makanan untuk menjaga keadaan air negeri Selangor.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Yang Berhormat Seri Setia. Sebenarnya di bawah PBT, iaitu Majlis Bandar raya Petaling Jaya, terdapat satu dasar di mana kalau satu premis makanan khasnya didapati tidak menepati syarat-syarat termasuk tidak menggunakan ‘gris trap’ dan juga tidak menjaga kebersihan premis makanan tersebut, dengan izin *there's a three straight role*. Kalau mereka membuat salah hanya tiga kali sahaja, selepas itu premis itu akan di tutup secara segera. *That's no options for appeal*. Jadi ini adalah satu perkara di mana penguatkuasaan di bawah MBPJ juga perlu diperketatkan lagi. Isu di mana bolehkah bekas-bekas yang mengumpul minyak masak yang digunakan, bolehkah ianya diletak di kawasan premis makanan, saya rasa tidak ada masalah, Cuma mungkin ini memerlukan satu *co-ordination*, koordinasi antara biasanya JMB premis bangunan tersebut dengan satu syarikat yang diberi tanggungjawab untuk mengumpulkan sisa minyak tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SERI SETIA)**

**TAJUK : ISU POLIS BANTUAN**

29. Pertanyaan kepada Menteri Besar.

- a) Adakah Kerajaan negeri fikir bahawa idea pelaksanaan polis bantuan yang ditolak kerajaan pusat sebagai pandangan yang relevan dalam membasmikan jenayah?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, Seri Setia membangkitkan tentang isu polis bantahan, bantuan, yang nak kita bantah. Adakah cadangan untuk membentuk polis bantuan, kita mula nak lakukan. Kita telah majukan kepada kerajaan pusat pada 04 Disember 2009 melalui Majlis Bandar raya Petaling Jaya, kerana kita rasa Bandar raya Petaling Jaya mempunyai keupayaan dana dan juga pentadbiran untuk mengurus bersama-sama dengan kerajaan persekutuan untuk menyediakan polis bantuan dengan memenuhi visi ataupun harapan Kerajaan Perumahan Kerajaan Tempatan yang membolehkan penduduk dapat rasa aman dan tenteram kerana jenayah dapat dikawal iaitu yang dibuat oleh Majlis dengan mewujudkan apa yang dipanggil dalam bahasa Inggeris dengan izin ‘Crime Based Mapping’ iaitu satu cara untuk memantau keadaan-keadaan jenayah yang berlaku dan dengan itu kita akan dapat bersama-sama dengan Pihak Berkua Tempatan untuk menyediakan satu konsep

yang dipanggil ‘*Crime Lab : Reducing Crime*’ untuk negara Malaysia, dan ini adalah untuk menolong pihak polis yang kita rasa tidak mempunyai jumlah kakitangan ataupun warga kerja yang cukup untuk melakukan ini dan dengan cara itu dengan adanya polis bantuan yang disediakan oleh Bandar raya Petaling Jaya. Dengan cara itu kita dapat mengurangkan tekanan kepada pihak polis dan membolehkan kita melakukan pemantauan jenayah-jenayah di kawasan tersebut. Malangnya Kementerian Dalam Negeri tidak meluluskan perkara ini walaupun mengatakan jenayah perlu dipantau dan dikurangkan. Jadi ini satu perkara yang sangat penting.

Hari ini Ketua Pembangkang Dewan tak hadir, saya harap dia akan hadir, sebab saya akan menjawab bagaimana peranan polis dalam kes video ataupun di pejabat Menteri Besar. Jadi saya nak terangkan itu, supaya dia sendiri tahu, kalau nak menangkap orang yang mencuri, kita tidak boleh orang mencuri pula yang jadi penyiasat. Jadi oleh sebab itulah kita nak esok ingatkan rakan-rakan supaya salah satu daripada usaha yang nak saya lakukan ialah saya menunggu pihak dari pembangkang untuk membangkitkan isu ini , supaya ini menjadi contoh bagaimana jenayah ini mesti dilakukan dengan tertib dan baik.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan, Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kalau kita lihat, polis bantuan ini bukanlah satu perkara baru, misalnya ada di FELDA, di Pelabuhan, di lapangan terbang malah di kawasan Yang Berhormat Subang Jaya di Bandar Sunway, pemaju dapat mempunyai polis bantuan mereka untuk membantu mengurangkan jenayah. Jadi adakah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merasakan sebab Kementerian Dalam Negeri dan Bukit Aman menolak permohonan Kerajaan Negeri Selangor dan MBPJ adalah di atas sebab politik.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Saya berharap dan berdoa supaya polis tidak termasuk dalam kumpulan mempolitikkan tanggungjawab mereka. Jadi itu yang sangat penting, kerana kejayaan Malaysia bukan mereka-mereka ini menjalankan tugas dengan cara berpolitik dan saya tidak percaya seorang polis yang berkhidmat untuk keseluruhan rakyat akan memikirkan perkara ini. Tapi, saya berdoa dan berharap perkara ini mesti kita pantau dan selesaikan supaya tidak ada ladi diskriminasi yang tidak tentu arah dilakukan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Bangi berpendapat kemungkinan tidak dibenarkan polis bantuan ini, oleh sebab penggunaan istilah polis, Bangi mencadangkan supaya kita istilah lain, seolah-olah polis merasakan kita mengambil tugas mereka. Sebab kita ada, umpamanya pengawal keselamatan, BADAR dan sebagainya. So, Bangi mencadangkan supaya istilah polis itu jangan digunakan. Mungkin kita boleh pilih istilah lain macam peronda malam ke, pemantau keselamatan. Kerana fungsi-fungsi sedemikian banyak dilakukan dan dibenarkan. Jadi elak dari penggunaan istilah polis itu supaya polis merasa tugas mereka tidak di perkecilkan dan diambil alih oleh kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Atau bahasa Indonesia, polisi.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat daripada Bangi, seperti yang diterangkan oleh Seri Setia, polis bantuan di Selangor, ada. Di kawasan-kawasan yang dibenarkan. Di syarikat-syarikat yang dibenarkan membuat kawalan, bukan suatu perkara yang tidak ada. Tinggal lagi apabila kerajaan negeri melalui Majlis Bandar raya Petaling Jaya mengemukakan permohonan tersebut. Itu saja.

Kedua, kita tidak boleh tukar nama kerana polis bantuan ini termasuk dalam akta keselamatan secara keseluruhan. Sebab mesti ada *training*, uniform dan juga perkakas-perkakas, saya tidak nak ngatakan senjatalah, perkakas-perkakas yang perlu ada. Jadi oleh sebab itulah dia tak boleh nak tukar nama, nanti kalau tukar nama..

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, kita boleh wujudkan akta baru, yang boleh menghalalkan dari segi kawalan peronda malam ke, pengawal keselamatan, jangan kita ikut yang akta yang menyebabkan kita tidak dapat laksanakan benda ni, polis bantuan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya minta maaf, Yang Berhormat dari Bangi. Akta keselamatan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan dan kalau akta pun kita lakukan dia tidak akan boleh dilaksanakan. Tetapi kita berharap, saya rasa kita berharap, saya berpendapat perkara ini mesti kita selesaikan bersama perkara keamanan dan keselesaan ini termasuk dalam NKRA daripada yang dibuat oleh untuk pembangunan di Lembah Kelang dan dia telah membuat perangkaan-perangkaan tentang bagaimana pemantauan dan mengurangkan jenayah mesti dilakukan. Jadi, saya rasa kita mesti berbincang secara profesional dan buat masa ini mengikut *research*, kajian yang kita lakukan, polis, warga polis yang diperlukan untuk dalam masa yang diperlukan sekarang ialah mereka terdapat 50,000 lagi yang perlu, yang belum diisi. Jadi bukan satu perkara yang katakan kita membuat cadangan ini, kerana kita rasa kita perlu kerana hendak menambahkan pengawalan tetapi kita tahu pihak polis sendiri menghadapi masalah untuk mengisi keperluan untuk seluruh negara Malaysia. Angka yang diberi hampir 50,000. jadi oleh sebab itu kita tidak hendak membebankan pihak polis tetapi menolong mereka meringankan perkara ini dan apabila mereka sudah dapat jumlah pegawai-pegawai dan warga kerja yang cukup. Kalau polis bantuan ini tidak perlu tak payah sebab polis bantuan ini kosnya dibiayai oleh Majlis Bandar raya Petaling Jaya. Dibiayai melalui cukai pintu.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Mohon penjelasan. YAB Menteri Besar saya mohon penjelasan permohonan menubuhkan Polis Bantuan yang dipohon tadi yang telah didebatkan. Jadi saya hendak bertanya kepada YAB Menteri Besar di dalam ucapan YB Bukit Antarabangsa semalam ada menyebut bahawa, sebenarnya dalam menghadapi masalah menangani jenayah, ini polis telah berusaha dengan sedaya mungkin dan memperkenalkan konsep bandar selamat semalam malangnya YB Bukit Antarabangsa kata konsep bandar selamat yang dirancang melalui Majlis Perbandaran Selayang yang untuk membantu mengurangkan kadar jenayah sebagainya tetapi dituduh sebagai rancangan menjatuhkan kerajaan negeri, Jadi yang mana betulnya? YB yang sama dengan kerajaan negeri, mohon untuk buat Polis Bantuan tetapi Kerajaan memperkenalkan konsep bandar selamat yang telah dibuat di beberapa kawasan dan terbukti berjaya yang ini Bukit Antarabangsa pula tuduh rancangan untuk menjatuhkan kerajaan. Jadi saya pun tidak faham. Apa pendapat ataupun pandangan Kerajaan Negeri tentang perkara ini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih rakan kita dari Permatang. Saya rasa saudara mesti melihat daripada proses pelaksanaan bukan sahaja tujuan. Proses pelaksanaan kalau saya hendak melakukan beberapa, apa yang dipanggil program keselamatan di kawasan Permatang. Saya juga mesti memanggil ketua-ketua kampung dan juga wakil negeri untuk

bersama-sama membincang untuk memberitahu tentang apa yang hendak kita lakukan. Jadi program merakyatkan ekonomi kita mengambil kira kesemua. Kita ambil peluang kepada semua dan ini yang dibangkitkan, itu proses. Proses seorang pegawai di Selayang telah diberi tanggungjawab berasingan dengan ke tugas dia di dalam pihak berkuasa Selayang. Tugas dia ialah memanggil untuk keselamatan. Keselamatan adalah untuk dia, memanggil orang-orang dari pihak UMNO dan juga orang-orang tertentu untuk membincangkan mengenai keselamatan, adakah ini cara yang terbaik? Adakah pegawai ini mendapat ganjaran untuk melakukan perkara yang tidak betul? Adakah Ahli Majlis dijemput untuk berbincang perkara ini.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : YAB Dato' Menteri Besar kalau itulah penjelasan YAB Dato' Menteri Besar, kalau mengambil contoh di Permatang pembangunan dibawa. Kenapa pula dalam kes begini, apa juga peruntukan yang ada dalam DUN Permatang yang diberi sebab Permatang di bawah DUN Barisan Nasional saya sendiri sebagai wakil rakyat tidak pernah dipanggil pun untuk berbincang tapi sebaliknya Pusat Khidmat PKR yang menguruskan kewangan dan peruntukan sebagai DUN Permatang. kenapa tidak menghormati saya sebagai wakil rakyat yang dipilih di sana?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Itu sebab, sebab apa, kita telah minta kerajaan Persekutuan untuk memperuntukkan setiap parlimen kita kongsi bersama, jadi kenapa tidak dilakukan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek, tunggu dulu. Sini lain. Ini bukan ucapan. Ini jawapan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ini jawapan. Saya hendak terangkan. Ini sudah melebihi daripada ... tapi hendak saya terangkan bahawa ini akan menimbulkan keadaan pentadbiran proses. Jadi kalau seorang yang bekerja di satu organisasi dia dijaga oleh dua (2) kepala maknanya dua kuasa yang menentukan untuk dilakukan. Hari ini dia berkiblatkan kepada persekutuan esok dia juga bekerja di bawah kawalan YDP. Adakah proses ini adalah satu proses yang baik? Kedua, saya hendak bangkitkan keselamatan untuk semua dan kita jemput semua orang tapi dari segi peruntukan, penjagaan peruntukan kita tidak mempersoalkan peruntukan itu daripada persekutuan dan dipantau oleh persekutuan. Kita tidak mempersoalkan perkara itu. Tetapi kita persoalan daripada segi organisasi, tak kan lah! ADUN dari Rawang atau pun ahli parlimen untuk kawasan tersebut tidak berminat untuk bersama-sama untuk memberi pemikiran dan usaha untuk menyelesaikan masalah keselamatan. Jawapannya kalau betul, mengapa terdapat, terdapat demarkasi tersebut.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**YB TUAN YAP LUM CHIN:** Tuan Speaker, soalan tiga puluh (30).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : BANTUAN KERAJAAN NEGERI KEPADA SJKC/SJKT/SAR**

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa buah sekolah yang telah memohon dan mendapat kelulusan bantuan ini dari 2009 hingga 2010?

b) Adakah kerajaan mempunyai bantuan-bantuan lain selain daripada bantuan tersebut?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Balakong yang mahu tahu tentang bantuan Kerajaan Negeri kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina , Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Agama Rakyat. Prinsip Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk menjadikan Selangor hub ilmu dan hub pendidikan, dan dalam mencapai matlamat tersebut beberapa perkara telah diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Keadaan infrastruktur dan kemudahan pendidikan yang ada disekolah-sekolah.
2. Peningkatan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru di sekolah.
3. Kualiti para pelajar terutama dari aspek akademik dan salasilah.
4. Kelincinan dan pengurusan sekolah yang bersistematis dan efektif.

Oleh itu program agihan dan bantuan pendidikan sekolah-sekolah ini adalah merupakan di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memantapkan elemen-elemen di atas agar visi kerajaan, agar visi pendidikan Kerajaan Negeri Selangor agar tercapai. Dalam lingkungan kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri seperti Yang Berhormat semua tahu, telah lihat pengaruh dan penglibatannya. Jumlah permohonan dan jumlah permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2009 dan 2010 mengikut jenis sekolah adalah seperti berikut: Untuk Sekolah Agama Rakyat RM6Juta telah diperuntukkan dan bagi 2009: jumlah permohonan adalah sebanyak 169 dan jumlah permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 146. 2010: Jumlah permohonan untuk Sekolah Agama Rakyat adalah 280 dan jumlah permohonan yang diluluskan ialah 252. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina RM4Juta diperuntukkan dan RM2Juta untuk Sekolah Menengah Cina. 77 permohonan dan 77 diluluskan. Jumlah permohonan pada tahun 2010 adalah sebanyak 100 dan 100 diluluskan. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil RM4Juta diperuntukkan. Pada 2009 kita mendapat 97 permohonan Jumlah permohonan diluluskan adalah sebanyak 97. 2010: permohonan adalah sebanyak 97 dan jumlah permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 97. Jadi jumlah keseluruhan untuk 2009 19Juta kita mempunyai jumlah permohonan 343 dan diluluskan sebanyak 320. Jumlah permohonan 2010 sebanyak 477 meningkat 1134 jumlah permohonan diluluskan adalah sebanyak 449. Jadi di antara tiga jenis sekolah itu tadi, kita lihat 100% kita luluskan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kerana kedua-dua sekolah ini adalah sekolah yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Pelajaran dan telah disahkan dan tiada masalah langsung dari segi pendaftaran. Masalah permohonan daripada Sekolah Agama Rakyat yang tidak boleh kita luluskan ialah pertama mereka tidak memberikan borang permohonan yang lengkap dan juga kebanyakan yang kita hadapi ialah sekolah-sekolah agama ini memang tidak didaftar dari mana-mana pihak. Dan inilah pertama kali kita dapat mereka ini muncul untuk meminta bantuan daripada Kerajaan Negeri atau pun tidak pernah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri ataupun mana-mana kerajaan sebelum ini. Jadi mereka yang kita lihat tidak lengkap dan juga ada baru wujud dan kita hanya memproseskan yang telah pun kita dapat Insya-Allah telah dilihat, telah dipantau dan telah dilawati sekolah-sekolah tersebut yang telah wujud dan perlu diberi bantuan.

Kedua, selain daripada bantuan pendidikan kepada sekolah-sekolah yang diperuntukkan iaitu RM16Juta seperti yang saya sebutkan di atas melalui bantuan fizikal, Kerajaan Negeri Selangor juga telah membantu dari segi memberi latihan T.O.T. Training Of Trainees untuk guru-guru

pada Sekolah Agama Rakyat iaitu proses P.A.P. Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Yang kedua, kita lihat juga yang mana guru-guru telah pun mengajar di Sekolah Agama Rakyat ini selama ini tidak pernah mendapat latihan perguruan. Jadi ini sebabnya Kerajaan Negeri Selangor sebabnya terpanggil untuk memberikan mereka latihan daripada guru-guru pakar yang memang diakui. Yang Ketua, Kerajaan Negeri Selangor juga telah memberi derma siswa Yayasan Selangor kepada pelajar-pelajar cemerlang daripada keluarga miskin dan juga melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin kita telah memberi bantuan sekolah-sekolah yang berada dalam kawasan ladang dan subsidi tambang bas kepada anak-anak pekerja ladang. Bantuan pemberian buku teks juga telah diberi kepada semua pelajar dari golongan miskin untuk seluruh Selangor pada tahun ini dan juga bantuan pemberian beg sekolah telah pernah diberikan pada tahun 2010. Kerajaan Negeri juga telah pun membina dua belas (12) tadika rakyat untuk semua kaum. Sekian terima kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat Selat Kelang saya ingin mengutarakan soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana telah memberi peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Cina dan Sekolah Agama Rakyat dengan peruntukan yang kita beri kini sekarang Kerajaan Pusat baru-baru semalam turun di Teluk Datuk mengekori dasar kita memberi juga, baru start beri kepada kerajaan kepada sekolah-sekolah walaupun mereka lambat tetapi kita memaklumkan. Soalan saya, memandangkan peruntukan yang disalurkan khususnya saya dapat jawapan daripada Yang Berhormat, Sekolah Agama Rakyat ini agak ketinggalan daif. Adakah Kerajaan Negeri bercadang dengan dana yang ada untuk menambah peruntukan khususnya Sekolah Agama Rakyat ini bagi membaiki dan memperluaskan menolong mereka bagi meningkatkan infrastruktur mereka. Sekian terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Sekinchan yang begitu prihatin dan juga untuk tambahan Sekinchan sebenarnya untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil mempunyai 27 buah itu set, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ada 200 lebih untuk Sekolah Agama Rakyat ada 500 dan pada 2009 / 2010 kita telah mengkhususkan untuk memberi bantuan dengan hanya kepada sekolah yang tidak mendapat bantuan dari mana-mana pihak, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Dan di antara yang kami tidak boleh luluskan ialah sekolah KAFA di mana mereka mendapat daripada segi elaun guru KAFA daripada JAKIM dan juga Kerajaan Negeri, jadi kita kata tidak termasuk kategori yang diberi prioriti padahal mereka juga daif. Begitu juga dengan sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang seperti tarafnya seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina. Itu pun kita tidak akan beri bantuan lagi kerana kita tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Jadi RM6Juta untuk diagihkan kepada semua. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lihat pun untuk 2009 kita telah membantu 146 Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina 77, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil 97 padahal dia punya roadshow atau nisbah itu dia tidak lengkap. Pada 2010 pula meningkat lebih 100 Sekolah Agama Rakyat yang kita luluskan maknanya 252, 2010 jumlah yang kita Sekolah Jenis Kebangsaan Cina meningkat 100, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil 97. Jadi saya sangat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sekinchan kerana begitu prihatin dan saya sendiri secara peribadi memang mahukan melihat mereka ini diberikan tumpuan yang sewajarnya dan kita semua Ahli Yang Berhormat berdoalah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai rezeki yang lebih dan kita sedaya upaya mengagihkan khusus untuk Sekolah Agama Rakyat ini di mana jumlahnya sebenarnya adalah 500 buah. Terima Kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER : Sekinchan**

**YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan no. 32.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PENGERUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG**

32. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bagaimakah pencapaian prestasi Pengerusi JKKK Kampung tradisi ,Kampung Baru dan Bagan serta Kampung tersusun ?
- b) Sila nyatakan apakah bentuk usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan peranan dan mutu perkhidmatan mereka terhadap masyarakat setempat ?
- c) Apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan secara holistik untuk meningkatkan kebajikan Pengerusi JKKK termasuk menaikkan elauan yang sedia ada dan juga memberi ganjaran kepada mereka yang dapat menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang ?

**YB TUAN HAJI YAAKOB B. SAPARI : Tuan Speaker bagi menjawab soalan dari Sekinchan. Pencapaian prestasi Ketua-ketua Kampung Tradisi telah dinilai mengikut proses penilaian prestasi Ketua Kampung Negeri Selangor yang telah dirancang dan ditetapkan berdasarkan kriteria-kriteria dan prosedur penilaian. Berdasarkan penilaian prestasi Ketua Kampung Negeri Selangor yang dinilai, hamper semua Ketua Kampung Negeri Selangor melaksanakan tugas-tugas dengan cemerlang dan baik. Mereka juga memberikan kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi dalam tugas harian ataupun tugas semasa ke semasa selain mempunyai rekod peribadi yang baik dan bersih. Secara purata, prestasi Ketua-Ketua Kampung berada pada tahap 85 %. Dengan prestasi yang ditunjukkan, Kerajaan Negeri berkeyakinan Ketua-ketua Kampung yang dilantik ini mampu untuk membawa agenda perubahan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri.**

Sementara itu, bagi Pengerusi JK Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun, penilaian prestasi telah dijalankan pada tahun 2010 iaitu pada bulan Jun dan majority Pengerusi JK berada di tahap yang memuaskan. Hasil daripada keputusan penilaian tersebut, Kerajaan Negeri telah menyenaraikan calon-calon Pengerusi JK yang baru yang dibentangkan di MMKN ke 3/2011 yang diadakan pada 19 Januari 2011 yang lalu. MMKN telah menimbang dan meluluskan pengekalan dan penggantian Pengerusi JK Kampung Baru / Kampung Bagan / Tersusun Negeri Selangor bagi tahun 2011/2012, yang mana seramai 9 orang Pengerusi JK yang baru akan dilantik dan 68 orang Pengerusi JK yang lama akan dikenalkan.

Di antara bentuk-bentuk usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bag mempertingkatkan peranan dan mutu perkhidmatan mereka terhadap masyarakat setempat adalah seperti berikut:-

- i) Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM5,800.00 bagi setiap kampung dalam perlaksanaan aktiviti atau program di kampung masing-masing.

- ii) Mengadakan seminar motivasi dan kursus-kursus yang dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan serta dapat diaplikasikan dalam tugasan harian. Program seperti SPIES Ketua Kampung, Kursus Kepimpinan dan juga penjelasan dasar-dasar Kerajaan.

Seterusnya menganjurkan Pertandingan Anugerah Ketua Kampung Tradisi Terbaik 2011 dan Pertandingan Rumah Tradisional Tercantik 2011. Melalui pertandingan-pertandingan ini, secara tidak langsung dapat melahirkan Ketua-ketua Kampung Tradisi yang terbaik dalam semua aspek serta dapat mengekalkan rumah tradisional tercantik pada masa kini.

Seterusnya pihak Kerajaan telah merancang secara holistik dalam meningkatkan kebajikan Ketua-ketua Kampung, Kampung Tradisi, Kampung Bagan dan Kampung Tersusun. Kenaikan Ketua Kampung Tradisi dan Pengerusi JKKK Kampung Baru, Kampung Bagan, Kampung Tersusun dari RM450.00 ke RM800.00 mulai Januari 2011. Dengan kenaikan ini, beban perbelanjaan bulanan yang melibatkan komitmen dari Ketua Kampung dapat diringankan.

Seterusnya ganjaran kepada Ketua Kampung Tradisi yang menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang akan dianugerahkan melalui Pertandingan Anugerah Ketua Kampung Tradisi Terbaik 2011.

Pada bulan lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan Takaful tiga puluh ribu kepada Ketua Kampung, Ketua Kampung Tradisi, Ketua Kampung Baru, Ketua Kampung India dan Ketua Kampung Orang Asli. Inilah usaha yang julung-julungnya diadakan di Negeri di Malaysia yang mana Selangor mendahului negeri lain. Tidak ada sebuah pun negeri Barisan Nasional yang menawarkan ganjaran Takaful sebanyak tiga puluh ribu. Kerajaan negeri tidak memberikan ganjaran secara khusus kepada Pengerusi JKKK Kampung Baru, Kampung Bagan, Kampung Tersusun yang menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang akan tetapi Kerajaan Negeri menyediakan ganjaran secara keseluruhan, ini untuk Kampung Baru Cina. Kepada setiap Kampung Cina seperti peruntukan wang tunai sempena Sambutan Tahun Baru Cina sebanyak RM3,000.00 bagi setiap kampung dan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM1,000.00 pada tahun 2010. Pada keseluruhannya prestasi Ketua Kampung adalah memuaskan.

**YB TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Tuan Speaker soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Waktu perbahasan telah tamat.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Sambungan usul menyembah titah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### **III. USUL MENYEMBAH TITAH UCAPAN TERIMA KASIH SERTA MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR**

**TUAN SPEAKER** : Kita mempersilakan Bangi, semalam sudah banyak cakap minta juga disingkatkan bagi peluang kepada orang lain. Silakan.

**YB TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker, Bangi ingin menyambung ucapan semalam iaitu dalam soal pembangunan Negeri Selangor. Di dalam membina pembangunan Negeri Selangor kita hendaklah mencari akal tradisi terutama dari segi imej dan budaya Negeri Selangor iaitu membina sejarah umpamanya daripada aspek membina

sejarah kesultanan Selangor yang kesan sejarahnya banyak terdapat di Kuala Langat yang saya telah mewakili Yang Berhormat Dato' Dr Hasan Mohamed Ali pergi ke sana dalam tiga minggu yang lepas. Dan kesan sejarah di sini nampaknya di abai dan tidak dibina dan di promosi sewajarnya. Tempat di sini perlu dibina sebagai kawasan sejarah yang dapat menarik pelancongan, tempat-tempat latihan untuk memajukan tempat ini barang kali perlu dijudikan tempat-tempat latihan bagi agensi-agensi Kerajaan wajar di dirikan di sini umpamanya lokasi perniagaan seperti chalet, hotel yang boleh menarik pelancongan di sana. Akar tradisi juga perlu digali dan dibina dari sejarah kesultanan di Klang dan hubungan dengan negeri-negeri seperti Melaka, Johor, Riau dan Markasa.

Di samping imej Selangor dibina dari Kuala Lumpur, sebagai tempat perusahaan bijih timah dan pusat perniagaan, perusahaan industri dan berbagai-bagi kegiatan yang menjadikannya pusat pemerintahan Negara. Tidak kurang pentingnya sejarah tempatan dari identiti masyarakatnya yang benda ini boleh dikaji, dilihat daripada utara Sabak Bernam hingga ke Selatan, Hulu Langat. Dan kegiatan masyarakat dari kegiatan pertanian, perikanan, perusahaan kecil dan besar, mereka menjadi imej Selangor. Begitu juga dari rumah-rumah tradisi, pakaian, peralatan, permainan dan sebagainya. Juga boleh dibina daripada seni bina, rumah-rumah tradisi, makanan seperti umpamanya sate dan sebagainya, kraf, perahu dan berbagai-bagi jenis pakaian dan sebagainya.

Dan imej-imej setempat dapat diangkat ke peringkat negeri umpamanya imej Shah Alam sebagai pusat pentadbiran, Sekinchan hingga ke Tanjung Karang sebagai Pusat pertanian, Klang Bandar pelabuhan, Kuala Selangor sebagai pusat perusahaan laut, nelayan, PJ, Subang dan sebagainya sebagai pusat industri dan perniagaan, Bangi pusat pendidikan, Kajang umpamanya sate, Sepang pintu masuk Negara dan juga bidang komunikasi, Hulu Langat keaslian alam semula jadi yang menjadi daya tarikan pelancongan. Dan penduduk-penduduk di negeri tersebut juga yang terdiri dari berbagai-bagi kaum yang boleh di bina sebagai imej budaya perbezaan kaum setempat. Bagi mempromosi umpamanya kita katakan Kajang dengan Bangi kita berpendapat antara tol Kajang dan Bangi perlu ada outlet jalan masuk dan didirikan sate bagi memudahkan pelancong dan pengguna jalan raya PLUS berhenti rehat dan menikmati sate Kajang bagi menarik golongan/ menikmati sate Kajang.

Bagi menarik golongan intelektual Universiti perlu, universiti-universiti yang banyak umpamanya yang terdapat di kawasan Hulu Langat dan juga Kajang, Bangi perlu ada kegiatan-kegiatan ilmiah di luar daripada Kampus mereka kerana kampus-kampus ini biasanya bagi orang ramai tidak mudah untuk masuk ke dalamnya secara bebas. Jadi kita berpendapat terutama di Bangi sebuah Pusat Konvensyen bertaraf kalau tidak lima bintang, tiga bintang perlu didirikan di Bangi bagi menjadikan pusat persidangan keilmuan, kegiatan kebudayaan dan berbagai pertemuan. Setakat ini kita hanya menyewa di sana sini sahaja bangunan-bangunan atau pun tempat-tempat persidangan yang sebenarnya tidak selesa. Bangi, Kajang sebagai gerbang selatan dan juga pintu masuk ke Putrajaya hendaklah ditingkatkan imej sebagai tempat yang menarik dengan kemudahan-kemudahan serta daya tarikan agar tidak jauh ketinggalan dari Putrajaya yang memang kalau kita banding sekarang jauh dari segi pembangunan dan sebagainya. Pada hal dia tempat pintu masuk ke Putrajaya tetapi tempat ini tidak diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan sebagai tempat masuk ke Putrajaya dan juga Kerajaan Negeri.

Di dalam melihat tradisi unsur-unsur moden haruslah dijana di dalam pembinaan Selangor. Selangor negeri idaman maju, sejahtera dan berkebajikan. Shah Alam adalah contoh yang terbaik di dalam membina Selangor moden. Dilihat dari segi pembangunan juga fizikal dia adalah terdiri dari elemen-elemen moden, bangunan-bangunan seperti bangunan SUK atau Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Dewan negeri MBSA dan beberapa yang lain telah moden bercampur dengan elemen grikco roman sebagai mencerminkan barangkali juga

kita ada pengaruh barat dan juga bangunan moden bercampur dengan imej bangunan Masjid Salahuddin, JAIS dan juga beberapa yang lain, elemen keislaman, pusat-pusat perniagaan adalah mesra alam dan amat moden. Apa yang menarik Shah Alam bukan sahaja mesra alam tetapi Bandar dalam taman yang mementingkan kehijauan dan penjagaan alam sekitar. Tempat-tempat lain seharusnya berpandukan imej Shah Alam ini kalau dapatlah. Bandar dan imej kemajuan Selangor patut mencontohi Shah Alam dan mungkin juga perbandaran Subang boleh juga dimasukkan juga sebagai satu Bandar yang bersih dan menarik dan ini sekurang-kurangnya dari segi pandangan saya. Yang agak teratur, menarik, manakala tempat-tempat yang lain tidak sebaik kedua-dua Bandar utama dari segi susun atur, kebersihan dan sebagainya.

Bandar-bandar yang lain haruslah mempunyai pelan struktur dan pembangunan yang mesra alam, mementingkan kehijauan dan mementingkan keselesaan. Di dalam hal ini kebersihan dan kehijauan perlu diberi keutamaan, kebersihan di bawah PBT termasuk MPKJ dan beberapa tempat lain, kita dapatti kita masih di bawah taraf rendah yang terus dihujani dengan berbagai kritikan walaupun usaha menjadikan Bandar bersih dan sebagainya dilancarkan tetapi imej masih dianggap tidak bersih. Di dalam hal ini kita berpendapat monopoli alam flora dari segi pembersihan dan sebagainya mendapat apa yang kita ini kontrak sebagainya hendaklah dipecahkan dengan diberi hak autonomi kepada Kerajaan Negeri dan PBT-PBT mentadbir tempat masing-masing. Kontrak-kontrak yang perlu diberi kepada kontraktor yang lain, tidak hanya dimonopoli oleh Alam Flora. Bagi keselesaan penduduk menikmati taraf air yang murah dan berpatutan urusan air hendaklah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri. Penyaluran air dari luar hendaklah atas keperluan kepentingan rakyat, bukan atas dasar keuntungan syarikat-syarikat konsesi.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor juga menyatakan bahawa baginda menyedari bahawa pertemuan antara politik tidak mungkin akan berlaku secara 100% persetujuan dan telah diakui bahawa sistem semak dan imbang itu diperlukan bagi memastikan semua kepentingan diteliti. Bangi berpendapat bahawa politik kita terlampaui politiking. Sepanjang tahun kita bercakap soal politik. Bukan setakat politik tetapi perbelanjaan berpolitik pilihan raya kecil dan besar memakan peruntukan yang besar. Sebab itu barangkali kita perlu mencari suatu cara yang mengurangkan politik ini dan kita bekerja untuk memajukan negeri daripada berkonfrontasi tidak menyokong antara satu sama lain, hatta, walaupun perkara itu didapati baik tetapi kalau pembangkang bersifat pembangkang mereka akan menentang apa saja polisi yang dilakukan oleh kerajaan negeri. Dalam bahagian penutup ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuanku berharap semua perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan matlamat Selangor negeri idaman maju, sejahtera dan berkebajikan tercapai. Sebab itu Selangor berada di hadapan. Maju dalam bidang industri seharusnya mendahului negeri-negeri yang lain. Kita mendapat maklumat Pulau Pinang terhadapan dari segi industri tadi dikatakan Selangor terkedepan tapi dari segi statistik industri di sana menghasilkan 12.23 bilion sedangkan Selangor 10.64 bilion. Kita seharusnya maju dalam bidang pendidikan menjadi tarikan pada pelajar luar dan dalam negeri datang belajar di tempat kita. Di dalam ini pengajian peringkat agama sendiri pun harus dipertingkatkan kita sekarang mengalami kekurangan pengajian pada peringkat menengah sebab itu perlu ditingkatkan pada peringkat ini barangkali dengan memberi hak kepada pengusaha-pengusaha swasta mendirikan sekolah-sekolah menengah agama yang lebih berprestasi tinggi bagi memberi peluang pada pelajar-pelajar dalam dan luar negeri datang belajar dalam bidang agama di samping bidang-bidang yang lain. Kita mesti maju juga dalam bidang komunikasi dan transpotasi supaya menjadi satu bandar yang maju. Maju dalam budaya dan seni yang dapat mengharmonikan jiwa bahkan maju dalam bidang sukan yang memang prestasi sebahagian sukan dicapai oleh negeri Selangor tetapi perlu dipertingkatkan lebih lagi. Perlu dibanyakkan

kemudahan sukan untuk rakyat umpamanya bagi meningkatkan kesihatan masyarakat dan mengelakkan golongan muda terjebak dalam masalah sosial dan memajukan Selangor dalam berbagai-bagai bidang. Bangi menyokong ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum WBT. Terlebih dahulu Sungai Burong ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian membahaskan ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Dewan yang mulia ini sempena Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri kedua belas pada tahun 2011. Sungai Burong sentiasa menjunjung kasih dan mendukung sikap dan pendirian Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa menekankan pentadbiran negeri yang telus, ikhlas, cekap dan profesional dan bertanggungjawab demi kesejahteraan dan kemakmuran negeri Selangor dalam jangka pendek dan panjang. Sikap ini bukan sahaja ditunjukkan dalam titah ucapan baginda di Dewan yang mulia ini tetapi semua kesempatan yang diberikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Tuan Speaker, Sungai Burong amat tertarik dengan perbahasan yang telah dikemukakan oleh Bukit Antarabangsa semalam dan ingin memberikan beberapa respons tapi malangnya Bukit Antarabangsa tidak ada pada hari ini. Walau bagaimanapun Sungai Burong amat tertarik apabila Bukit Antarabangsa telah menyebutkan dalam sebuah majalah antarabangsa yang telah membangkitkan tentang wujudnya kroni di bawah senarai orang-orang yang terkaya di Malaysia. Tapi sebenarnya Bukit Antarabangsa juga terlupa bahawa salah seorang daripada orang terkaya walaupun tidak disebutkan dalam majalah tersebut beliau adalah Dato' Seri Anwar Ibrahim. Saya sebenarnya tidak menyangka....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat Tuan Speaker saya sebenarnya berterima kasih atas.....

**TUAN SPEAKER** : Tak minta laluan ke?

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Ya. Nak minta laluan.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Saya baru nak mula nanti saya bagi laluan. Insya-Allah. Saya Sungai Burong sebenarnya tidak menyangka perkara ini. Tetapi apabila bekas Setiausaha Sulit Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri, saudara Anwar Saari telah menyamakan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan Hosni Mubarak bekas Presiden Mesir. Saya ingat ini perkara main-main macam Sekinchan tunjuk kepala begitu. Saya pun percaya juga. Tetapi selepas saya buat sedikit semakan pada maklumat-maklumat yang saya perolehi saya yakin dan percaya ada kebenarannya kata-kata Anwar Saari ini.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. Saya cuma memberikan peringatan ya. Saya bukan nak buat apa-apa. Dari segi peraturan kalau mana-mana ADUN kalau membuat tuduhan walaupun apa yang dicakap di sini di kecualikan daripada didakwa di mahkamah tetapi sekiranya didapati fakta tidak betul adalah pendakwaan yang tidak berdasas maka jika ada ahli yang membuat usul ia boleh dirujuk kepada jawatankuasa hak dan kebebasan. Ini saya ingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat bukan kepada Sungai Burong sahaja bila buat pertuduhan di sini walaupun tidak boleh dituduh di mahkamah tapi boleh dihadapkan kepada jawatankuasa hak dan kebebasan sekiranya didapati fakta ini tidak berdasas. Itu peringatan saya.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Saya cuma sebutkan apa yang Anwar Saari sebutkan. Dan kemudian apabila saya semak orang mungkin tidak berapa tahu bahawa individu ketiga terkaya di Malaysia ialah Tan Sri Lee Sin Cheng ketua kumpulan IOI iaitu salah satu peneraju pengendali ladang kelapa sawit terbesar di dunia. Kekayaan beliau dianggarkan lebih kurang RM 3.2 bilion. Sebenarnya IOI ni telah/pernah diterajui oleh bapa kepada Penasihat PKR Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bapa Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah bekas Ahli Parlimen dan Bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Selepas beliau bersara beliau telah menjadi Pengurus IOI Group di mana Tan Sri Lee Sin Cheng adalah pemilik dan pemegang saham utama. Berita Harian pada 8 Disember 1998 melaporkan bahawa bapa Anwar Ibrahim memiliki 20 syarikat. Ketika Dato' Seri Anwar Ibrahim menuduh Dato' Seri Dr. Mahathir mengamalkan kronisme, nepotisme bekas Timbalan Perdana Menteri itu membisu terhadap kepentingan perniagaankekayaan rakan rapatnya. Sebelum Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri masa itu beliau adalah model Angkatan Belia ABIM Malaysia nama ayahnya sebagai tokoh korporat tidak timbul. Bila Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi menteri terutama sekali sebagai Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri, Timbalan Perdana Menteri tuah Pak Ibrahim melonjak naik. Pada masa itu IOI ada tanah yang banyak di berbagai-bagai negeri malah di Sabah sehingga dikatakan harta IOI melebihi 50 ribu hektar. Utusan Malaysia melaporkan pada 19 Jun 1998 sebagai berkata dalam senarai saham bapa dan dua adik-beradik Dato' Seri Anwar dicatat sebagai mendapat saham bumiputera oleh kerajaan. Bapanya Dato' Ibrahim Abdul Rahman, adik beradiknya Farizan dan Marzuki memegang saham berjumlah lebih kurang 7.1 juta unit saham dalam tiga syarikat. Pada 2 Mei 1998 Dato' Ibrahim Abdul Rahman memiliki 250 ribu saham Pengkalan Holding Berhad dan 3,790,500.00 saham Nissan Industrial of Seasoning Corporated. Manakala adik-beradik Dato' Seri Anwar, Farizon memiliki 250,000 saham Pengkalan Holding Berhad dan Marzuki memiliki 2,000,800 saham Tunas Corporation. Dilaporkan juga sewaktu Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri. Saham IOI Group telah meningkat secara mendadak. Jadi pada pendapat saya tidak hairan bila Dato' Anwar Saari bekas Setiausaha Sulit Dato' Seri Anwar yang telah keluar dari PKR menyamakan Anwar Ibrahim seumpama kekayaan Hosni Mubarak. Kerana itu saya nak buat kesimpulan sedikit. Kerana itu sebenarnya kronisme wujud juga di mana-mana. Tak kira dalam Barisan Nasional, dalam PKR dan nepotisme wujud juga di dalam PKR. Kita tahu nepotisme yang diamalkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Jadi apakah kesimpulan yang dibuat oleh Bukit Antarabangsa semalam adalah juga mengenai dirinya sendiri yang merupakan kroni kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Silakan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat Tuan Speaker kalau saya nak mencelah pertama, saya ingin bertanya kepada Sungai Burong, tuduhan yang dibuat itu di ambil daripada orang-orang yang sudah gila talak. Yang sudah kecewa dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan sebab-sebab tertentu sedangkan fakta yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa di ambil dari majalah antarabangsa. Saya fikir dua kredibiliti antara dua itu kita boleh bandingkan sendiri. Malah kalau diungkapkan dari Berita Harian dan Utusan Malaysia pun lebih baik dari apa yang disebutkan oleh Anwar Saari tadi. Itu pertama saya nak tanya. Penilaian terhadap fakta yang dibangkitkan. Dan kedua saya juga ingin bertanya apakah tuduhan yang dibuat itu tidak dilihat tentang pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan dalam kerajaan negeri Selangor pada hari ini di bawah pentadbiran Dato' Menteri Besar yang mana isu seperti ini tidak timbul lagi. Jadi saya harap Sungai Burong dapat memberikan penjelasan.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Terima kasih. Sebenarnya ramai sahabat-sahabat kroni PKR yang dulunya setia dan rapat dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim telah keluar sejak kurang dari 7 Parlimen tak silap saya la dan ramai lagi la. Jadi saya rasa rakyat boleh buat penilaian tentang perkara ini. Berhubung dengan perkara ini sudah timbul lagi terpulanglah pada penilaian yang telah dibuat. Saya ingat rakyat dah cukup matang dan

sedar tentang perkara-perkara yang berlaku di semasa ini. Isu-isu yang berkaitan dengan kronisme, isu-isu berkaitan dengan nepotisme, isu berkaitan dengan korupsi, isu berkaitan dengan salah laku moral yang ada yang boleh dibuat penilaian.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker saya ingin.....

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong. Sungai Burong. Ya, Kampung Tunku ada apa?.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya nak minta penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sungai Burong. Jadi tadi Yang Berhormat Sungai Burong berbincang tentang berbagai-bagai masalah dan isu nepotisme dan juga kronisme yang melibatkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang Dewan Rakyat. Saya ingin bertanya kalau Yang Berhormat mempunyai bukti adakah Yang Berhormat dan saya mencabar adakah Yang Berhormat bersedia untuk melaporkan kes ini kepada SPRM dan juga PDRM. Kalau Yang Berhormat sedia, saya rasa boleh teruskan. Kalau Yang Berhormat tidak bersedia saya rasa tidak ada manfaatnya untuk kita berbincang dan berbahas tentang perkara ini di Dewan yang mulia ini. Saya mencabar adakah Yang Berhormat bersedia untuk melaporkan perkara ini ke SPRM atau PDRM. Silakan.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengulas apa yang Bukit Antarabangsa cakap tentang kronisme. Jadi saya tambahlah fakta-fakta yang saya perolehi dari *research* tersebut dan terpulanglah penilaian yang dibuat rakyat tentang perkara tersebut. Saya rasa rakyat bijak menilai perkara ini.

Tuan Speaker, Sungai Burong ingin meneruskan pembentangan perbahasan pada pagi ini dengan menyentuh tentang kedudukan prestasi kewangan Selangor.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, saya nak penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ada apa? Nak penjelasan lagi?

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Tuan Speaker, saya dah bagi....

**TUAN SPEAKER** : Terpulanglah.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Habis saya bercakap yang tentang yang Negeri Selangor ini saya berhenti sekejap saya bagi peluang Yang Berhormat untuk bertanyakan soalan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. Dia tak bagi.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Sebab dia tak berani. Tak apalah saya hormat keputusan Yang Berhormat dan saya hormat keputusan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ini keputusan dia. Jadi soal berani atau tak berani itu lain la. Ini tugas saya kalau dia tak bagi saya tak boleh bagi.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Tuan Speaker saya bukan tak berani. Saya nak bercakap sikit tentang isu. Lepas ni saya boleh bagi peluang. Saya boleh reserve sekejap sebab saya takut masa saya berbahas ini hilang kecuali Tuan Speaker bagi jaminan bagi peluang saya menghabiskan ucapan saya ini.

**TUAN SPEAKER** : Jangan salahkan Tuan Speaker. Jangan salahkan saya. Jangan libatkan Speaker. Gaduhlah kalau nak gaduh tapi jangan libatkan Speaker.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Tuan Speaker, saya ingin memperkatakan tentang prestasi kewangan ekonomi berdasarkan kepada sumber-sumber yang kita perolehi daripada laporan Unit Perancang Ekonomi Selangor. Nampaknya fokus kerajaan negeri adalah lebih banyak kepada agenda pembahagian dan *distribution* dengan izin dan bukan kepada pertumbuhan atau *growth* dengan izin. Bagaimana kita hendak membahagi hasil negeri kepada rakyat jika tidak ada pertambahan hasil yang besar yang berlaku dalam pertumbuhan ekonomi tinggi dan rancak. Adalah didapati keluaran dalam negara kasar (KDNK) per kapita berdasarkan harga semasa di negeri Selangor telah menurun kepada 0.8% daripada RM302,200.9 juta pada tahun 2008 kepada RM300,747.7 juta pada tahun 2009. Pendapatan per kapita menurun sebanyak 1.6% dan pendapatan per kapita (prioriti kuasa beli) menurun sebanyak 6.6%. Pengangguran naik daripada 3.1% pada tahun 2000 kepada 3.6% pada suku kedua tahun 2009. Pungutan hasil negeri menurun daripada RM 1.764 bilion pada tahun 2009 kepada RM 1.3 bilion pada tahun 2010. Anggaran. Iaitu sebanyak RM 463.8 juta atau sebanyak 26.3%. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan mengalami defisit pada tahun 2009 dan 2010. Jika dibandingkan dengan tahun 2007 dan 2008. Pada tahun 2007 terdapat lebihan sebanyak RM 131.88 juta. Dalam tahun 2008 terdapat lebihan sebanyak 49.10 juta. Tetapi dalam tahun 2009 berlaku defisit sebanyak RM 65.96 juta tau penurunan sebanyak 9.8%. Dalam tahun 2010 terdapat defisit sebanyak 256 juta anggaran. Kedudukan Kumpulan Wang Yang Disatukan pula menurun daripada RM 1.424 bilion pada tahun 2008 kepada RM 1.319 bilion pada tahun 2009 naik sebanyak 7.3%. Faktor utama defisit akaun hasil disatukan dan penurunan kumpulan wang disatukan ialah kerana peningkatan perbelanjaan mengurus berjumlah RM 362.58 juta atau pun 24.7% lebih tinggi berbanding dengan peningkatan kutipan hasil negeri sebanyak RM 247.52 juta. Kedua, peningkatan pemberian dalam negeri terutama pemberian geran kepada Menteri Besar Incorporation (MBI) bagi pembelian hutang Syarikat Talam Corporation Berhad daripada Selangor Industrial Corporation (SIC) berjumlah RM 391.99 juta. Ketiga, ialah pembayaran elauan tetap kakitangan kontrak dan kakitangan baru sebanyak RM 6.42 juta iaitu kira-kira 11.8%. Dan yang keempat ialah pinjaman kerajaan negeri kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) sebanyak RM 150 juta bagi membiayai bekalan air percuma 20 meter padu. Pelaksanaan dan kawalan bajet 2009 dan 2010 juga didapati sangat lemah. Bajet 2009 telah meningkat daripada kelulusan asal sebanyak RM 1.4 bilion kepada RM 1.52 bilion. Iaitu penambahan sebanyak RM 120 juta atau 86%. Tambahan RM 43 juta untuk belanja mengurus dan RM 77 juta untuk pembangunan. Bajet 2010 telah meningkat daripada 1.3 bilion kepada RM 1.494 bilion iaitu pertambahan sebanyak RM 194 juta atau 14.9%. Yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini sebanyak tiga kali tambahan. RM 187 juta ataupun 96.39% untuk belanja mengurus dan RM 7 juta atau 3.61% untuk belanja pembangunan. Prestasi lemak pengurusan kewangan dan pembangunan ekonomi Selangor adalah kerana kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar gagal untuk merancang dan menguruskan belanjawan negeri dengan cekap, telus, berintegriti dan bertanggungjawab. Pertambahan belanjawan sebanyak RM 194 juta bagi tahun 2010 ialah kerana peningkatan belanja mengurus bagi tahun 2010 sebanyak RM 187 juta. Iaitu 96.39% daripada peruntukan 2010.

Sejak pengambilan alih kerajaan Pakatan Pembangkang PKR pada tahun 2008 kenaikan perbelanjaan negeri naik mendadak kerana kenaikan belanja mengurus khususnya pemberian dalam negeri dan emolumen. Emolumen bertambah kerana kerajaan negeri tidak percaya dengan kemampuan pegawai-pegawai dalam yang ada dan telah mewujudkan banyak jawatan-jawatan baru dan kontrak. Penasihat-penasihat dan pembantu-pembantu yang tidak perlu di samping meletakkan kroni-kroni politik dalam agensi-agensi dan syarikat-syarikat kerajaan.

Tuan Speaker, saya ingin mengulangi kenyataan Sungai Burong dalam tempoh tiga tahun pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat pembangkang PKR kerajaan negeri lebih mengutamakan pendekatan populis politik daripada kesejahteraan pertumbuhan ekonomi ini dalam jangka panjang.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya minta penjelasan. Terima kasih. Sungai Burong sudah bercakap sampai 1 muka surat lebih.

**TUAN SPEAKER** : Bersabarlah.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya juga tidak bersabar untuk bertanya soalan ini. Kalau Yang Berhormat berkata bahawa kerajaan negeri Selangor mengalami defisit dan sebagainya, saya ingin bertanya mengapa Yang Berhormat pernah sekali menjadi Penggerusi kepada Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC). Kenapa Yang Berhormat tidak memainkan peranan Yang Berhormat sebagai Penggerusi PAC. Bukan sahaja menegur tetapi membentulkan keadaan ini. Sedangkan Yang Berhormat memilih untuk membawa isu di sini tetapi dalam masa yang sama melepaskan jawatan sebagai Penggerusi PAC ini dan menegur tetapi pada akhirnya tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan. Kalau Yang Berhormat sebagai Penggerusi PAC, Yang Berhormat boleh menegur dan mungkin boleh memperbetulkan keadaan ini. Jadi saya ingin bertanya mengapa Yang Berhormat melepaskan peluang ini. Adakah Yang Berhormat lebih berminat untuk membawa isu-isu ini di dalam Dewan untuk kepentingan politik Yang Berhormat sendiri. Saya ingin bertanya apakah jawapan Yang Berhormat.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Dah?

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya silakan.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Apa kena mengena dengan PAC. Saya Ahli Dewan Undangan Negeri. Saya berhak untuk membahaskan dalam dewan ini tiada sapa boleh menyekat.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ini adalah satu platform yang lebih bagus. Ini menunjukkan Yang Berhormat bermain politik.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Sabar. Sabar. Saya bagi penjelasan. Saya bagi jawapan. Itu yang pertama. Yang kedua saya bagi penjelasan kenapa saya menolak menjadi penggerusi saya dah jelaskan dalam Dewan yang lepas dan telah diterima. Saya menghormati Penggerusi saya. Dia menjalankan tugas dengan begitu baik. Yang ketiga, saya masih ahli PAC. Saya boleh membangkitkan isu-isu dalam PAC. Tidak menghalang dan hakikatnya saya sebagai ADUN Sungai Burong duduk dalam PAC boleh membantu PAC untuk perkara-perkara berhubung dengan perjalanan kewangan negeri Selangor tetapi pada hari ini saya duduk dalam perbahasan membincangkan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan dalam persidangan pada kali ini. Ini adalah forum-forum untuk ADUN Sungai Burong sebagai pembangkang. Tak boleh ke?.

Terima kasih. Boleh saya teruskan Tuan Speaker?.

Tuan Speaker, Yayasan Selangor selaras dengan ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang Pentadbiran Negeri yang berwibawa berasaskan nilai-nilai urus tadbir yang baik, Sungai Burong ingin membangkitkan tragedi malang yang menimpa Yayasan Selangor yang telah didapati oleh bahagian audit dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan yang telah mengalami defisit sebanyak RM 7.4 juta sehingga November 2010.

Tuan Speaker, Yayasan Selangor telah ditubuhkan pada 5 November 1970 dengan tujuan utama untuk memberi peluang-peluang dan kemudahan pelajaran, biasiswa dan latihan untuk warga negara Malaysia dan rakyat Selangor khasnya terutama di kalangan pelajar-pelajar di luar bandar. Yayasan Selangor merupakan badan amanah kerajaan yang memerlukan tahap pentadbiran yang berintegriti tinggi terutama dalam aspek pengurusan dan kawalan kewangannya. Tahniah kepada Bahagian Audit dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah menjalankan pemeriksaan audit di Yayasan Selangor, berikutan dengan beberapa orang yang telah dibangkitkan di sidang Dewan Undangan Negeri baru-baru ini. Di antara penemuan audit ini, berhubung dengan pengurusan perbelanjaan. Pengurusan, dari sudut pengurusan perbelanjaan, dan kawalan kewangan sangatlah lemah dan tidak berhemah. Tidak menurut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan, melakukan pembaziran dan terdapat penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Sebanyak 12 jenis urus tadbir Yayasan Selangor telah dikenal pasti, telah dibuat tidak mengikut peraturan dan ketelusannya diragukan. Daripada jumlah tersebut, 4 program didapati terlalu berlebih-lebihan, dan membazirkan wang rakyat, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1,592,900.00. Pertama, sambutan Majlis Ulang tahun yang ke 40 yang telah diberikan kepada Syarikat, Yayas, Tetuan Drif Z Enterprise berjumlah RM996,472.00. Kedua, majlis berbuka puasa pada 21/8/2010 yang telah diberikan kepada syarikat Raiha Enterprise berjumlah RM167,400.00.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia ada apa. Penjelasan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Ya..ada..nak bertanya..

**TUAN SPEAKER :** Nak minta penjelasan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Ya. Pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Sila.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya pada Sg. Burong dan saya ucapan terima kasih kerana bangkitkan isu masalah yang dihadapi oleh Yayasan Negeri Selangor, tapi tidakkah Sg. Burong fikir, tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri, bagi mengatasi masalah ini jauh lebih cepat dan pantas berbanding dengan tindakan kerajaan Persekutuan menangani masalah PKFZ.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya bercakap dalam Dewan Undangan Negeri Selangor mengenai isu negeri Selangor. Izinkan saya bercakap tentang Yayasan Selangor yang telah diamanahkan kepada rakyat Selangor untuk memberikan pendidikan pelajaran yang terbaik.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Itu tidak menjawab soalan ya.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS :** Defisit, Defisit 7 juta boleh membelanjakan pendidikan yang terbaik kepada tidak kurang daripada dua ribu anak-anak di negeri Selangor.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** YB Tuan Speaker , saya nak tanya...

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS :** Itulah jawapan saya. Ya..

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tapi tidak menjawab yang saya kemukakan.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Itu saya rasa tak menjawab . Terpulang pada jawapan sama ada puas hati atau tidak puas hatilah.. Ya..

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker , minta laluan.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Bolehlah nanti bertanding di Parlimen, bentangkan ya isu itu, di soalan yang lain.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. Sekin...aa..Kajang ada apa?

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Ada nak minta laluan, nak buat pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Nak minta laluan jugak.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Ada dua lagi, ada dua lagi. Lepas ni saya bagi ..ya..

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Ada berkaitan, berkaitan dengan Yayasan Selangor, hal Selangor juga.

**TUAN SPEAKER** : Ya, sekejap lagi. ya yang ketiga. Nanti putus, putus dia punya jumlah tak dapat. Itu yang saya risau. (ketawa ramai) Yang ketiga, majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri , 4/10/2010 berjumlah 380,476.00. Jangan bimbang, saya hanya melaporkan apa yang audit buat ya. Kalau tak betul, kita kena mintalah supaya diperbetulkan dengan segera. Dan pastikan bahawa Y.A.B. Menteri Besar sebagai Ketua Negeri bertanggungjawab mengenai perkara ini. Dan yang keempat, ialah Majlis Korban Perdana, oleh syarikat SDF Media dan Events, berjumlah 48,552.00 yang jumlah besarnya sebanyak RM1,592900.00.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Yang Berhormat, Kajang berdiri lagi tu.

**YB DATO' HJ. MOHD SHAMSUDDIN BIN HJ. LIAS** : Kejap. Jap, ya. Perbelanjaan sebanyak RM1.59juta adalah terlalu tinggi. Membazir, tidak perlu dan bertentangan dengan matlamat penubuhan Yayasan. Kos tinggi kerana semua majlis tersebut dikendalikan oleh syarikat pengurusan acara (Event Management) dengan izin. Tiada masalah sebenarnya untuk menjalankan sendiri oleh warga kerja Yayasan Selangor. Yang ketiga ,jumlah, daripada jumlah sebanyak 1.592,900.00 sejumlah 1,108,972.00 ataupun 69.62% telah dibayar sebelum majlis diadakan. Syarikat SDF Media dan Event Sdn Bhd dilantik untuk mengurus tiga acara berjumlah RM608,552.00 secara rundingan terus dan tidak terus . Mungkin ini adalah sebuah syarikat kroni. Sambutan majlis ulang tahun ke 40 Yayasan, belanjawan 2010, belanjawan 2010 tidak menyediakan peruntukan untuk sambutan ulang tahun ke 40 Yayasan. Aktiviti dirancang oleh Timbalan Pengurus pengurusan. Diluluskan oleh Pengurus Besa dan tidak dibawa untuk kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah. Perbelanjaan sebanyak RM996,472.00 didapati terlalu tinggi. Pertama pertandingan memancing berjumlah 178,200.00 Kedua pemberian cenderahati dan pakaian 200,6040.00 Ketiga pembelian 10ribu naskhah Al-Quran berjumlah 225,000.00 dan keempat jamuan makan malam 387,232.00. Jumlah besar RM996,472.00. Majlis jamuan perdana telah diserahkan kepada Tetuan Drift Z Enterprise dengan kos sebanyak RM285,000.00. Sebanyak RM270,500.00, ataupun 91% telah dibayar sebelum majlis berlangsung. Yayasan juga telah membelanjakan sebanyak RM396,370.00 untuk 10 jenis perbelanjaan pendahuluan. Ini bererti sebanyak 666,870.00 ataupun 66.92% telah dibayar sebelum majlis sambutan ulang tahun ke 40 Yayasan yang akhirnya terpaksa dibatalkan berikutan kemurkaan DYMM Sultan. Ini merupakan satu pembaziran yang tidak boleh dimaafkan. Peraduan Memancing sempena ulang tahun ke 40 Yayasan, sempena ulang tahun ke 40 Yayasan, Yayasan Selangor telah mengadakan pertandingan memancing pada 14

November 2010 di Taman Rekreasi Seksyen 7 Shah Alam disertai 700 peserta dengan bayaran RM50.00 bagi setiap satu joran atau Rm80.00 bagi penggunaan joran. Yayasan Selangor telah melantik Syarikat SDF Media dan Event Sdn Bhd sebagai pengurus tanpa melalui proses sebut harga. Syarikat tersebut telah dikehendaki menyediakan butiran kerja dan jumlah perbelanjaan. Menurut surat Yayasan Selangor pada SDF Media and Event Sdn Bhd. Bil YS/PLB/05/SMP Jld 11 bertarikh 13 Oktober 2010 Ilham Marzuki bersetuju tanpa pindaan atas cadangan kertas sebanyak RM179,000.00 tersebut. Di sini kita melihat bagaimana kelemahan Pengurus Besar yang telah begitu dipertahankan oleh YAB Menteri Besar telah tidak mengkaji kesesuaian dengan kemampuan kewangan Yayasan Selangor. Malangnya , kemudian menurut surat pelantikan sejumlah RM125,300.00 ataupun 70% daripada kos keseluruhan telah dibayar dalam tempoh 7 hari daripada tarikh surat pelantikan. 20% ataupun 35,000.00 telah dibayar kepada , oleh Yayasan Selangor kepada syarikat SDF Media and Events Sdn Bhd selepas selesai membuat pengesahan tempahan acara, penyertaan pengacara dan jemputan. Yayasan juga telah membayar sebanyak RM23,100.00 hadiah wang tunai dan RM31,180.00 untuk tujuan iklan dan promosi. Malangnya Yayasan Selangor telah menjelaskan hampir kesemua iaitu RM178,200.00 atau 99.5% telah dibayar sebelum pertandingan dimulakan. Amalan ini menunjukkan tadbir urus kewangan yang tidak cekap. Satu perbelanjaan yang tidak diuruskan dengan berhemah. Jumlah kutipan yang berjaya dikutip daripada pertandingan memancing adalah sebanyak RM37630.00 sahaja jika dibandingkan dengan perbelanjaan sebanyak RM179,000.00 jelas menunjukkan Yayasan Selangor telah mengalami kerugian sebanyak RM141,370.00 kerana program ini tidak mendapat sambutan rakyat Selangor. Mereka menjangkakan seramai 1200 orang akan mengambil bahagian, malangnya hanya 7 orang sahaja yang berminat. Adakah kos iklan juga menepati objektif ataupun tidak. Di samping itu sejumlah RM16000.00 hasil daripada kutipan memancing telah pula dimasukkan ke dalam akaun Persatuan Yayasan Selangor selepas diarahkan oleh Timbalan Pengurus Besar dalam mesyuarat Persatuan Yayasan pada 20/10/2010 di mana Timbalan Pengurus Besar adalah juga Yang Dipertua Persatuan tersebut. *Konflik of interest..*tiada kelulusan diperolehi daripada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan. Jelas ini adalah keputusan yang membelakangi, membelakangi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor sehingga tarikh audit pada 1 Disember 2010 kutipan sebanyak 21,570.00 masih disimpan di tangan Timbalan Pengurus Besar. Majlis jamuan Aidilfitri , pengendalian majlis ini diberikan kepada Syarikat SDF Media Event Services cara lantikan terus dengan kos RM280ribu, 81ribu dengan pendahuluan sebanyak RM266,090.00 ataupun 95% telah dibayar selepas 2 hari daripada tarikh pelantikan dan sebelum majlis dibuat. Kemudahan dan keistimewaan Pengurus Besar Yayasan Selangor, Pengurus Besar Yayasan Selangor dilantik oleh YAB Menteri Besar, walaupun dia bukan pilihan utama panel. Dia kemudian telah dinaikkan pangkat daripada JUSA C pada 15/3/2010 kepada JUSA B pada 15/4/2010 selepas satu bulan dilantik. Menerima 2 bulan bonus tahun 2010 walaupun baru bertugas selama 8 bulan sedangkan syarat bonus hendaklah bertugas sekurang-kurangnya 12 bulan. Mendapat kemudahan kereta baru, Toyota Cambry 2.4(A), mendapat dua telefon bimbit bernilai RM5500.00 walaupun hanya layak sebuah telefon dengan harga RM2000.00 saja. Menerima bonus ahli Lembaga Pemegang Amanah sebanyak RM5,000.00 walaupun bertentangan dengan perlombongan Yayasan. Menerima eluan mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Yayasan tidak sepatutnya dibayar kepada Pengurus Besar. Dan menggunakan kuasa Eksekutif untuk memberikan kerja-kerja kepada syarikat-syarikat terpilih secara rundingan terus.

Tuan Speaker, contoh-contoh terpilih yang Sungai Burung bangkitkan tadi adalah sebahagian daripada penemuan-penemuan Jabatan Audit Dalam SUK yang jelas membuktikan ketidakcekapan, ketidaktelusan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pengurusan harian Yayasan Selangor yang tidak berkesan. Pemantauan dipihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan yang diketuai sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ingin

menarik perhatian 3 perkara penting dalam rumusan dan laporan Audit seperti berikut : Yang pertama, pihak Audit terdapat Tadbir Urus Korporat Yayasan Selangor adalah tidak memuaskan kerana pengurusan yang ada tidak membantu Yayasan mempertingkatkan kecekapan. Operasi Yayasan tidak diurus dengan sempurna terus dan bertanggungjawab, setakat akhir Bulan November 2010 kedudukan kewangan Yayasan telah mengalami defisit sebanyak RM 7.41 juta. Ketiga, Lembaga perlu membuat pertimbangan untuk menamatkan kontrak Pengurus Besar dan Timbalan Pengurus Besar, pengurusan atau alasan kedua-dua tidak dapat menjaga kepentingan dengan alasan kedua-dua tidak dapat menjaga kepentingan Yayasan kerana kebanyakan dari keputusan yang dibuat seolah-olah dibuat untuk kepentingan diri. Tindakan mereka yang enggan mematuhi arahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar enggan mematuhi arahan dan prosedur akan menyebabkan Yayasan Selangor kehilangan moral sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri di samping menjelaskan kemajuan dan pembangunan matlamat sebenar penubuhan Yayasan tersebut.

Tuan Speaker, setakat ini hanya Timbalan Pengurusan Besar sahaja yang telah diberhentikan kerja. Yang Amat Berhormat Menteri Besar masih mempertahankan Pengurus Besar dan memberi peluang beliau sehingga kontraknya tamat pada 2012. Selepas itu akan dikaji semula. Soalnya apakah yang istimewanya Pengurus Besar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tidak, tapi kita tidak pelik kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang melantik beliau walaupun bukan pilihan utama panel temuduga. Panel telah membuat keputusan tepat dengan tidak memilih beliau dan kesannya hari ini banyak masalah berlaku dalam tempoh yang singkat ketika menjadi Pengurus Besar. Keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memilih beliau telah terbukti satu keputusan yang salah tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar masih mahu terus mempertahankan beliau. Rumusan dan syor-syor Jabatan Audit adalah pandangan profesional selepas membuat pemeriksaan audit di Yayasan Selangor. Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak terlibat dalam membuat pemeriksaan audit. Yang Amat Berhormat Menteri Besar hendaklah menghormati laporan Jabatan Audit kalau tidak jabatan mana lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar mesti percaya. Inilah masalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, di mana profesionalisme, integriti dan kebertanggungjawaban Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang selalu mendabik dada sebagai Ahli Korporat hebat. Bukankah tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar membelakangkan pendapat profesional dari Jabatan Audit dan yang paling penting membelakangkan harapan murni Duli Yang Maha Mulia seperti ditekankan dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada keberanian Jabatan Audit dalam menjalankan pemeriksaan secara terperinci , membuat rumusan dan syarat-syarat tersebut demi kepentingan Yayasan Selangor dan rakyat Selangor amnya. Saya menghormati dan bersetuju dengan pendirian mereka, Pengurus Besar mesti pergi. Benarkan sikap negatif dan definisi...beliau serta maklumat dalam kakitangan pegawai Yayasan sendiri, kehadirannya tidak diperlukan lagi. Mengikut kenyataan akhbar beliau sendiri bertanggungjawab mengenai laporan Audit tersebut. Beliau sanggup ditamatkan kontrak tapi hendaklah mengikut keadilan sejagat yang diiktiraf dunia. Kenyataan akhbar Yang Amat Berhormat Menteri Besar amaran kepada anak syarikat Kerajaan Negeri jangan salah guna kuasa dah khianat amanah rakyat, tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan jika terbukti penyalahgunaan kuasa. Tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempertahankan Pengurus Besar, baru pegang jawatan tahun lalu dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Tapi pelantikan Pengurus oleh Besar Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah kerana berdasarkan pengalaman luas beliau. Dengan pelantikannya baru satu bulan telah dinaikkan pangkat daripada Jusa C kepada Jusa B. Tidak pernah berlaku dalam mana-mana perkhidmatan kerajaan. Yang Berhormat Adun Sri Muda juga ada mengatakan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan tegas ke atas pegawai, kakitangan awam dan ahli-ahli yang terbabit dalam penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan. Adakah ini semua cakap-cakap

tidak serupa bikin. Ia perlulah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Kalau kita mengakui terdapat kesilapan yang besar Yayasan Selangor dan mereka yang terlibat harus dipertanggungjawabkan maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar harus dan mesti memikul tanggungjawab sepenuhnya dan tidak boleh disalahkan lagi. Tuan Speaker, Sungai Burung ingin mengulas aksi-aksi Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pegawai Besar mengenai defisit RM 7.41 juta. Nampaknya mereka berdua tidak begitu serius dengan isu defisit tersebut. Yang Amat Berhormat Menteri Besar cakap defisit bukan satu perkara yang luar biasa, Yayasan Selangor mengalami defisit pada 2005 sebanyak RM 10 juta, 2006- RM 8 juta, lebihan surplus 2007 sebanyak RM 40 juta, 2008- RM 28 juta, 2009- RM 25 juta dan defisit 2010 RM 44 juta. Lebihan tahun 2007, 2008 dan 2009 boleh menampung defisit 2010. Tapi Pengurus Besar cakap sebelum dia ambil Yayasan Selangor defisit lebih besar dan banyak ketelusan dalam Kerajaan Barisan Nasional. Syarikat Sime Darby defisitnya jauh lebih besar , beliau bersikap *negative deny sindrom* dengan izin. Kalau Ketua Eksekutif Sime Darby terpaksa berundur dan pecat apakah istimewanya Pengurus Besar Yayasan Selangor. Inilah persoalannya. Tapi sebenarnya defisit 7.41 juta adalah defisit Yayasan Selangor bukan defisit biasa. Defisit berlaku bukan kerana program-program yang berfaedah, DUN Sungai Burung menyokong sekiranya defisit berlaku tetapi kita dapat memberikan faedah terbaik kepada pelajar-pelajar di Negeri Selangor dan rakyat di Negara Malaysia ini sepenuhnya. Kalau kita dapat menzahirkan lebih ramai pendidik-pendidik di negeri ini dan sebagainya. Tetapi defisit yang berlaku kerana pembaziran, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Sekarang ini terpulanglah kepada rakyat untuk memberikan penilaian. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER :** Meru

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN :** Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Meru mengambil bahagian dalam membahaskan usul dalam menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Meru ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Hari Pertama Mesyuarat Pertama Penggal ke -4 Sidang Dewan Negeri Selangor kali ke-12 yang berlangsung pada hari Isnin 28 Mac yang lalu. Meru percaya bahawa pemastautin rakyat Negeri Selangor seluruhnya berasa yakin dan percaya akan kebijaksanaan Duli Tuanku dalam memberikan nasihat dan pandangan kepada kerajaan bagi membolehkan seluruh rakyat di Negeri ini memperoleh manfaat di atas kemakmuran dan kekayaan Negeri Selangor. Adalah tidak dapat dinafikan peranan penting dan besar yang dimainkan oleh seorang Ketua Negara atau yang disebut sebagai sultan atau raja yang memerintah sesebuah Negeri atau Negara. Di dalam bahasa Arab istilah khalifah atau umara' digunakan untuk pemerintah sementara khilafah untuk pemerintahan. Islam mengiktiraf dan menghargai peranan besar dan penting yang dimainkan oleh pemerintah dan raja-raja dalam sesebuah negeri atau negara. Dalam konteks ini Imam Ghazali telah menjelaskan peranan sebenar pemerintahan iaitu antaranya sebagai pengawal atau pelindung kepada undang-undang yang mentadbir sesebuah negeri atau negara. Kata Imam Al-Ghazali dengan izin... yang bermaksud "Ketahuilah bahawa syariat itu adalah dasar dan pemerintahan itu adalah pelindungnya, sesuatu yang tidak ada dasar akan runtuh dan sesuatu yang tiada pelindungnya akan menjadi sia-sia". Rasulullah S.A.W juga pernah menyebut dalam sebuah hadis dengan izin ...yang bermaksud : " Dua golongan dari kalangan manusia apabila baik maka baiklah rakyatnya sekiranya rosak, rosaklah rakyatnya, itu al-ulama dan al- umara", ulama dan pemerintah, hadis riwayat Abu Nuib sebab itulah kita bersidang sebelum ini untuk mencadangkan pindaan enakmen undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 ataupun Perlembagaan Negeri ianya bertujuan untuk mengembalikan prinsip Raja Berperlembagaan yang asal yang pada tahun 1953 telah dipinda oleh Mantan Menteri Besar

Selangor. Pindaan Perlembagaan Negeri yang dibuat oleh pimpinan UMNO pada 1993 itu sebenarnya telah memadam terus kuasa Sultan Selangor. Dalam hal ini sama ada pimpinan UMNO tak faham perlembagaan atau pura-pura tak faham atau tidak konsisten dalam pendirian mereka atau ketiga-tiganya sekali. Penolakan usul tersebut juga membuktikan bahawa UMNO lah yang sebenarnya tidak menghormati langsung Institusi Raja-Raja Melayu dan tetap menghalang Raja-Raja Melayu daripada memainkan peranan yang sepatutnya dalam Institusi Raja Berperlembagaan. Yang peliknya UMNO dan BN pulalah yang sebenarnya derhaka dan biadab terhadap Raja-Raja Melayu. Mereka menuduh Pakatan Rakyat yang derhaka dan biadab. Mereka yang menggadai bahasa dan tanah Orang Melayu, mereka menuduh Pakatan Rakyat yang menggadaikannya. Mereka yang menghakis kuasa-kuasa orang Melayu, mereka menuduh Pakatan Rakyat yang cuba menghakisnya. Jenis manusia seperti ini yang suka cakap tak serupa bikin, mengata orang dia yang lebih wujud di dalam semua masyarakat dunia dan semua lapisan masyarakat cukup meluat dan bosan dengan sikap *double standard* dan kepura-puraan mereka ini. Dalam Bahasa Arab sendiri ada pepatah Arab yang menempelak golongan ini dengan izin ....(*dia yang pukul aku tapi dia pula yang menangis, dia fitnah aku tetapi dia pula yang membuat aduan*). Rakyat telah berubah tuan-tuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian Meru juga menyeru rakyat Selangor khususnya dan rakyat Malaysia amnya untuk menilai sejurus dan bijak siapakah sebenarnya yang bersungguh-sungguh untuk mengembalikan hak sultan dan siapakah yang menjadi penderhaka yang menentangnya. Benarlah kata-kata Profesor Zainal Kling bahawa kepimpinan UMNO kini dilanda dengan sindrom 3L iaitu Lagak, Lalai dan Lena. Mereka bukan sahaja berlagak seolah-olah mereka masih berkuasa tetapi mereka juga terlena dibuai mimpi tanpa menyedari bahawa rakyat di sekeliling mereka telah berubah. Rakyat telah berubah untuk menolak pemimpin yang berlagak sebagai gengster dalam ucapan dan tingkah laku mereka. Pemimpin yang diselimuti dengan rasuah dan pemimpin yang menggadai titik peluh rakyat bagi membina empayar mereka sendiri. Apa kata pemimpin UMNO, Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Zamidi, Naib Presiden UMNO pun pernah menyebut bahawa UMNO mengalami pendarahan dalaman dan perlu seketika ubat untuk memulihkannya. Apa kata Dr. Mahathir bahawa UMNO itu busuk hingga ke ususnya *return to the core* dengan izin. Sikap hipokrit UMNO ini jelas ternampak dalam rekod mereka yang secara konsisten manafikan kuasa-kuasa Raja Melayu terutamanya pada tahun 1983, 1993 dan terkini pada tahun 2011 sebab itu saya juga hendak menyebut sendiri Tuan Speaker tentang Raja-Raja Melayu yang telah termaktub di dalam *hansard* dan termaktub juga di dalam akhbar. Pada tahun 1991 dalam Persidangan Agung UMNO Sultan Kelantan dihentam secara terbuka kerana kononnya menyebabkan UMNO tersungkur kalah di Kelantan. Media pro UMNO mengkritik Sultan Pahang secara terbuka apabila Menteri Besar ketika itu iaitu Dato' Rahim Bakar berselisih dengan Sultan Pahang. Selepas pilihanraya 2008, 23 daripada 24 orang Adun Terengganu membuat ugutan memboikot Majlis Angkat Sumpah Dato' Mohamad Said, pada Februari 2009 pula penyokong UMNO lah yang telah membuat demonstrasi mengatakan Sultan sebagai binatang. Kenapa pihak polis tidak bertindak menangkap mereka yang menghina sultan ini. Kemudian Tan Sri Rahim Tamby Chik meminta supaya amalan panggilan patik yang digunakan sewaktu berkomunikasi dengan Sultan dihentikan memadai dengan hanya menyebut saya tuanku sahaja. Berita ini terkeluar bukan di dalam surat khabar Harakah tetapi di dalam surat Khabar Berita Harian 11 Februari 1993. Meru juga ingin merujuk titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada muka surat 4 yang berbunyi sempena penggal baru ini beta berharap kita semua akan bekerja dengan niat yang baik serta memberi kerjasama yang perlu kepada pimpinan negeri yang diketuai oleh Memanda Menteri Besar Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim. Menyentuh mengenai kerjasama atau bahasa Arab disebut Tahaluf di antara Islam dan bukan Islam bukanlah sesuatu yang baru di dalam Islam. Suka saya mengatakan di sini bahawa kerjasama itu bukan semuanya dibolehkan di dalam Islam seperti juga makanan, ada makanan yang dibenarkan ada makanan yang tidak dibenarkan, minuman ada minuman yang orang Islam boleh minum ada minuman yang orang

Islam tidak boleh minum. Sebab itu berbalik kepada kerjasama adakala kerjasama itu dibenarkan dan ada kala tidak dibenarkan sama sekali. Kami dalam PAS sebagai sebuah gerakan Islam pastinya melandasi tindakan kami berasaskan Nas, Al Quran dan Sunnah ataupun Ijtihad para-para Ulama apabila berhadapan suatu kes yang tidak ada nas yang jelas. Yang dimasukkan dengan Ijtihad ini pengertian dan kesungguhan mengeluarkan pendapat atau hukum tanpa bercanggah dengan prinsip Nas yang sedia ada.

Di dalam Al-Quran ada disebut, dengan izin ‘*Wataawanu Alalbirri Watthaqwa, Wala Taawanu Alal Ithri Wal Udwan*’. Dalam surah Al-Maidah, Ayat 2. Al-Imam Al-Awi menyebut bahawa ayat ini memberikan hak, perwarisan dan ayat ini membenarkan kerjasama ataupun tahalluf yang berasaskan ketaatan kepada Allah. Menolong orang yang dizalimi dan jalinan persaudaraan kerana Allah merupakan perkara yang di benar dan dianjurkan oleh agama. Ayat di dalam surah Al-Maidah ini juga jelas menunjukkan dua (2) keadaan iaitu kerjasama yang dibenarkan dan kerjasama yang tidak dibenarkan. Kerjasama UMNO dengan MCA dan MIC lainnya dalam bentuk Barisan Nasional. Barisan Nasional pula telah berpeluang memerintah lebih 50 tahun negara ini. Kononnya UMNO menjadi tulang belakang kepada Barisan Nasional. Tetapi saya nak ingin nak bertanya kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Eh, dah tak ada dah? Seorang sahaja tinggal? Tak apa. (Ketawa).

Apakah Islam menjadi lebih baik sepanjang mereka memerintah?

Apakah sistem pentadbiran negara bebas dari rasuah dan penyelewengan kuasa? Apakah sistem demokrasi yang diamalkan boleh terus saksama dan adil?

Apakah negara menjadi lebih aman dan sejahtera daripada jenayah?

Apakah pertumbuhan ekonomi dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat?

Persoalan yang Meru kemukakan ini mesti dijawab dengan jujur dan telus. Jangan hanya kerana hanya mahu menegakkan benang yang basah atau membiasahkan benang yang tegak, lalu mengemukakan 1001 dalih. Usah nak melihatkan usaha Barisan Nasional mempertahankan agama, pemimpin mereka mempersendakan agama Islam itu. Dibiarkan begitu sahaja. Terbaru sebagai contoh yang mudah, apabila Presiden MCA, Chua Soi Lek memperlekeh tindakan Cikgu Normala Shamsudin yang tidak bersalam dengan lelaki ajnabi dalam Pilihan raya Kecil Tenang. Saya lihat pemimpin UMNO hanya mampu senyum seperti saling redha-meredhai apa yang dilakukan oleh Chua Soi Lek. Mungkin mereka berkata “Ah, ini perkara kecil”. Lalu bagaimana pula tindakan Timbalan Presiden UMNO, Dato’ Muhyidin Yassin yang menempelak Kerajaan Kelantan kerana mengharamkan industri judi di negeri itu. Yang peliknya, Chua Soi Lek pula yang menyokong.

Meru ingin bagi tahu lagi tentang kerjasama yang telah berlaku di antara PAS dan DAP. Meru mengajak seluruh rakyat khususnya umat Islam untuk mengkaji kebijaksanaan Baginda Rasulullah S.A.W. bertindak melalui sirah perjuangan Baginda demi menyelamatkan ummah sekali gus menyalaikan obor menerangi kegelapan jahiliah. Bukankah di dalam Al-Quran, Allah telah berfirman, dengan izin ‘*Wama Arslnaka Illa Rahmata Lil Alamin*’ - “Dan tidaklah kami mengutus kamu wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat lil Alamin”. Laungan kasih buat seluruh alam.

Antara tindakan bestari Baginda Rasulullah S.A.W. ialah Baginda telah mengadakan kerjasama sosial dan politik dengan golongan non-muslim pada waktu itu untuk tujuan mempertahankan hak dan menentang segala bentuk kezaliman. Suatu peristiwa yang telah dibentangkan oleh Dr. Yusof Al-Qardawi sebagai pimpinan tersohor yang saya sempat berjumpa di Qartum baru-

baru ini ialah tentang perjanjian Fudhul. Perjanjian Fudhul ini adalah satu perjanjian kerjasama yang dimeterai zaman Nabi untuk menghentikan kezaliman daripada berleluasa di Mekah. Ketika itu, Rasulullah S.A.W. baru berusia 17 tahun dan belum diangkat menjadi Rasul. Bermakna perjanjian suhur ini dilakukan bersama dengan orang yang non-muslim. Ianya tercetus apabila berlaku penindasan yang dilakukan oleh Al-Arshy bin Wail, seorang yang kaya-raya dan ternama di kota Mekah yang membeli barang-barang dagang orang-orang tetapi enggan membayarnya. Pimpinan Arab Quraisy dan berbagai Kabilah yang lain telah berkumpul di rumah Abdullah bin Juddan, lantaran beliau adalah seorang yang sangat dihormati dan yang paling tua di kalangan mereka ketika itu. Mereka telah bermesyuarat dan akhirnya bersetuju untuk bekerjasama bagi memerangi segala bentuk kezaliman dan penindasan yang belaku di kota Mekah ketika itu. Selepas puluhan tahun berikutnya, apabila pimpinan Rasul berusia 40 tahun dan apabila kota suci Mekah dibebaskan oleh Rasulullah dan Islam memerintah kota suci itu, Nabi Muhammad S.A.W. teringat tentang peristiwa yang berlaku ketika Baginda berumur 17 tahun. Apa kata Rasulullah? Apa kata Rasulullah? Dengan izin, (**Bahasa Arab**) – Sabda Rasulullah S.A.W. “*Aku telah menyaksikan di rumah Abdullah bin Juddan, adanya satu perjanjian atau kerjasama yang aku tidak akan membataalkannya sekalipun aku diberikan seekor unta merah dan sekiranya perjanjian atau kerjasama itu diulangi, dan aku sendiri dijemput untuk memeterainya, pasti aku akan hadir dan menyetujuinya.*”

Kenapa UMNO dan Barisan Nasional marah sangat PAS bekerjasama dengan DAP? Kenapa pula UMNO sendiri yang berselimut TOTO dengan MCA dan MIC? Bukankah MCA itu juga Cina dan MIC itu India atau ada lebih Cina dari MCA atau yang terlebih India daripada MIC sendiri. Ingat! UMNO pernah menang besar dan memiliki majoriti kerusi berbanding parti Gerakan di Pulau Pinang suatu ketika dahulu. Tetapi malangnya UMNOlah yang menyerahkan kerusi Melayu itu, Ketua Menteri itu kepada parti Gerakan. Lebih daripada tiga (3) penggal Pilihan raya, UMNO yang menjadi Kerajaan tidak pernah menambah kerusi Melayu di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis pada setiap kali persempadanan semula kawasan Pilihan raya dilakukan. Sebaliknya menambah kerusi di negeri-negeri lain, akhirnya mengurangkan peratus majoriti dan penguasaan Melayu di Parlimen. Bukankah UMNO yang menjadi alat atau boneka kepada pihak lain yang sebenarnya.

Meru mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah menganugerahkan hak milik tanah kepada peneroka-peneroka tanah sebelum ini yang telah dipinggirkan oleh Kerajaan BN sebelum ini atas dasar perbezaan pegangan politik. Nampaknya rakyat di Bukit Botak, Kampung Beremban, Alam Perdana dan banyak kawasan lagi boleh menarik nafas lega kerana penantian mereka selama berpuluhan tahun kini berakhir dengan usaha murni yang telah dijalankan oleh Pakatan Rakyat sejak mengambil alih pentadbiran negeri Selangor pada Mac 2008. Namun, Meru berasa sedih dan kecewa kerana ada peneroka-peneroka tanah di Kampung Bukit Cerakah yang asalnya seramai 20 orang, empat (4) orang telah meninggal dunia, kini tinggal seramai 16 orang sahaja. Yang di bawah PTD, Pejabat Daerah Petaling yang setakat ini belum lagi mengecapi nikmat ini walaupun telah lebih 30 tahun menunggu. Walaupun lebih dari sepuluh kali masalah wak-wak Jawa ini diketengahkan dalam Mesyuarat JKT di Petaling namun, dengan izin, ‘until now’ tak nampak lagi apa-apa keputusan yang diterima. Masalah ini dibangkitkan sejak Pejabat Daerah Petaling di bangunan lama sehingga telah berpindah ke Pejabat Daerah yang baru, namun sijil pemilikan tanah belum lagi berpindah ke tangan mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tanah-tanah yang dikeluarkan geran oleh Kerajaan Negeri Selangor yang lepas yang telah diberikan sebahagian kepada mereka ini langsung tak pernah mengusahakan tanah-tanah tersebut. Ada yang diberikan kepada kroni-kroni wakil rakyat yang lalu dan juga kepada ahli keluarganya. Jadi, Meru berharap selepas ini

satu tindakan yang telus, ikhlas dan cepat dapat diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dan PTD Petaling khususnya untuk menangani isu peneroka-peneroka di Kampung Bukit Cerakah ini dan tidak lagi berjanji manis sahaja kepada mereka setiap kali dialog atau mesyuarat diadakan.

Meru juga merujuk titah DYMM Sultan Tuanku pada muka surat 2 yang berbunyi, "Jadilah wakil rakyat yang bertanggungjawab kerana ianya akan dipersoalkan dan dihakimi kelak." Titah ucapan ini membuktikan kepada kita semua betapa prihatinnya DYMM Tuanku terhadap aspek amanah dan rohani dalam membentuk akhlak atau peribadi seseorang yang bukan sahaja dinilai oleh rakyat, malah juga '*Insya'Allah*' akan diadili di akhirat kelak. Selama tiga (3) tahun, Pakatan Rakyat diizinkan Allah untuk memerintah negeri Selangor ini, peringkat demi peringkat kita telah cuba dan berjaya memupuk, dengan izin, '*God feeling factor*' ke jiwa rakyat. Bagi masyarakat Islam, aktiviti-aktiviti ceramah, kuliah, tazkirah di masjid-masjid dan surau, '*Alhamdulillah*' dapat dipertingkatkan dan rakyat beragama Islam dari semua kategori umur dapat kita saksikan memenuhi ruang-ruang masjid dan surau untuk menimba ilmu agama yang disifatkan sebagai Ad-Din atau '*the way of life*'.

Meru ingin menyampaikan salam dan ucapan terima kasih daripada guru-guru KAFA di DUN Meru kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Y.A.B. Tan Sri Khalid bin Ibrahim yang telah meluluskan elaun sebanyak RM300.00 sebulan kepada guru-guru kelas Al-Quran dan Fardhu Ain KAFA yang bertugas di sekolah rendah agama dan sekolah rendah agama integrasi di seluruh Selangor. Dengan tambahan elaun RM300.00 ini menjadikan elaun bulanan guru-guru KAFA di SRA dan SRAI di seluruh Selangor, '*Alhamdulillah*' sebanyak RM1,300.00 sebulan. Tambahan elaun ini melibatkan 3935 guru KAFA yang mengajar di 208 buah SRA dan 11 buah SRAI di seluruh Selangor. Kenaikan bulanan ini melibatkan peruntukan tambahan Kerajaan Negeri lebih RM14 juta setahun. Membuktikan Menteri Besar berpegang kepada janjinya dan sekali gus menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat amat prihatin dan serius dalam usaha untuk memartabatkan pengetahuan Islam yang syumul kepada umat Islam dari peringkat sekolah rendah lagi. Walaupun usaha ini kemudiannya cuba ditiru dan di ciplak oleh Y.A.B. Perdana Menteri di mana ketika berucap di dalam pembentangan bajet 2011 di Parlimen, beliau berjanji untuk menaikkan imbuhan guru KAFA dari RM500.00 ke RM800.00. Namun hingga ke hari ini, janji itu tinggal janji sahaja. Saya diberitahu bahawa RM0.01 sen pun belum diberikan kepada guru-guru KAFA ini. Inilah yang dilaung-laungkan dalam media-media konsep UMNO bahawa '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'. Meru masih ingat semasa pemerintahan BN di Selangorlah, hampir-hampir ke semua sekolah agama rakyat ditutup, ekoran peruntukan bantuan diberhentikan. Ada seorang ahli EXCO Agama, hari ini tak datang. Dari parti UMNO pada masa itu, yang membuat cadangan kepada Kerajaan Persekutuan agar menarik semula peruntukan untuk guru-guru KAFA dengan alasan guru-guru KAFA adalah penyokong pembangkang ketika itu. Maknanya kalau hendak ikut mantan EXCO tersebut, memadailah guru-guru KAFA tersebut dibayar elaun cuma RM238.30 sebulan. Tiba-tiba sekarang, UMNO berkakok menyatakan mereka yang memperjuangkan Islam dan nasib orang-orang Melayu.

Menyebut tentang manifesto. Saya sebut sikit sahaja, saya akan berakhir sekejap lagi, '*Insya'Allah*'. Manifesto ni sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, samalah dengan janji dan juga sasaran semua parti-parti yang bertanding mereka mesti ada janji-janji. Mereka lupa, dulu masa Pak Lah menjadi PM, apa kata Pak Lah? Janji Pak Lah :-

- i. Meningkatkan tahap keselamatan peribadi untuk setiap individu - tahun 2004. Janji ini juga untuk mengurangkan indeks jenayah negara. Realitinya jenayah naik 45% untuk :-
  - Tahun 2004 - \_\_\_\_ kes.

- Tahun 2007 - 224 kes.

Kes rogol juga naik. 112% dari empat (4) wanita dirogol sehari kepada 8.5 wanita dirogol setiap hari.

- ii. Janji Pak Lah juga mengisyiharkan kempen memerangi rasuah secara habis-habisan tahun 2004. Pak Lah juga berjanji meneruskan usaha memerangi rasuah tanpa gentar atau pilih kasih, awal tahun 2008. Realitinya kedudukan Malaysia jatuh dalam indeks persepsi rasuah, jatuh dari tangga 37 ke tangga 43. Eric Chia dibebaskan dan 18 VIP terlibat secara rasuah tidak didakwa hingga ke hari ini.
- iii. Pak Lah juga berjanji meningkatkan kualiti pendidikan tahun 2004 dan akan memberikan lebih autonomi dan sumber untuk membolehkan Institusi Pengajian Awam mencapai tahap global. Tetapi realitinya kedudukan Universiti Malaya menjunam dari tahap 89 pada tahun 2004 sehingga terkeluar dari senarai pada tahun 2007.
- iv. Dan akhirnya, Pak Lah juga berjanji untuk memberikan ruang untuk rakyat menyuarakan pendapat. Realitinya, beratus-ratus orang awam ditangkap dari tahun 2004 hingga 2007 kerana menunjuk perasaan secara aman. Puluhan rakyat dipukul kerana membantah kenaikan harga barang dan ada rakyat yang ditembak di Batu Buruk.

Sekian.

**YB PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker?**

**TUAN SPEAKER : Kota Damansara.**

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker, terima kasih. Kota Damansara memohon membahaskan usul menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.**

Tuan Speaker, Titah Tuanku tidak panjang tetapi padat dan berasas. Penuh semangat pembangunan, kemanusiaan dan berkebajikan. Tuanku amat prihatin terhadap rakyat yang miskin dan terpinggir dan terasing. Kota Damansara tertarik dengan Titah Tuanku, mirip kepada amalan dan hasrat sosialis. Kota Damansara ingin mengupas Titah Tuanku. Antara petikan-petikan Titah Tuanku yang membayangkan keprihatinan Tuanku.

Program yang memberi impak kepada erti hidup bernegara bukan hanya memenuhi syarat bagi kelulusan perbelanjaan; Hasil negeri untuk rakyat; Program Merakyatkan Negeri Selangor; 'Cleaner, Greener and Safer Selangor', (dengan izin); Pendekatan dari bawah ke atas / *Bottom Up Approach*; Mahu para wakil rakyat sentiasa bersuara berdasarkan kepentingan negeri dan rakyat negeri; Masyarakat dibangunkan secara menyeluruh; Kerajaan yang prihatin kepada rakyat.

Juga Titah Tuanku bahawa Kerajaan tidak melindungi sesiapa yang berlaku curang terhadap amanah. Ditegur dan didakwa sesiapa yang menyeleweng. Pada Kota Damansara, rasuah memiskin rakyat kerana wang rasuah (yang diberi kepada orang yang menerima) akan diperah pada rakyat ataupun menindas rakyat sebagai pekerja dan juga pengguna.

Tuanku menegur birokrasi yang remeh dan menebal. Pegawai tidak seharusnya bersifat elitis seharusnya menjadi pemangkin ataupun *catalyst*, (dengan izin).

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, boleh sambung selepas waktu rehat kerana waktu sudah menunjukkan pukul 1.00.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**YB TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Sebentar tadi saya menyebutkan Tuanku “menegur birokrasi yang remeh” dan menebal. Juga saya menyebutkan dari segi, bersifat elitis dan juga kita berharap bahawa pegawai-pegawai termasuk wakil rakyat, sebagai pemangkin dalam pembangunan. Membanggakan kedudukan dan kuasa adalah satu kelemahan. Bagaimana pula dengan pendirian pegawai-pegawai terhadap rakyat miskin. Adakah mereka dipandang sebagai aset / keistimewaan ataupun liability / sebagai satu bebanan. Kerana pandangan ini akan menentukan bagaimana mereka berhubung dengan masyarakat miskin. Mungkin sifat sambil lewa ini ada berkaitan dengan *attitude* terhadap masyarakat miskin. Seperti misalan juga di Kota Damansara. Berapa kali dalam dewan telah saya sebutkan masalah JKR Selangor. Jalan raya Sg. Buloh - Airport, lampu tak menyala waktu malam dah berbulan-bulan; jalan raya rosak tak diperbaiki; kalau dibaiki secara remeh saja; penghadang lampu di Seksyen 3, lampu isyarat dah pecah. Itu pun saya sudah timbulkan dalam Pejabat Daerah tetapi tidak nampak ada apa-apa perubahan dan kita menerima berbagai-bagai kompleks seolah-olah memaksa kita membawanya ke dalam mahkamah melalui Order 53, *mandamus*, untuk memaksa mereka melakukan kerja mereka. Ini sudah berlaku dan masih berlaku. Kalaulah kita mengatakan JKR sabotaj Kota Damansara, mungkin kita boleh mengatakan sedemikian, kerana sudah banyak kali disebutkan.

Juga Titah Tuanku ” jangan hanya bersifat akademik, haruslah terjemahkan dalam bentuk tindakan”. Begitu juga dari segi aspek akademik. Kemungkinan kita akan memandang kemiskinan itu secara abstrak ataupun kita *romanticize* atau dianggap sebagai *academic exercise*, (dengan izin). Bermaknanya kita hanya menceritakan tetapi tidak melakukannya dengan penuh keinsafan. Seperti kata Karl Marx, juga seorang Sosialis, “ peranan intelektual dan filosof bukan hanya menterjemahkan dunia ini dengan berbagai cara, namun lebih penting lagi adalah berusaha mengubahkannya.

Titah Tuanku lagi “pembangunan yang holistic”, lestari mampan, *sustainable development*. Khususnya *sustainable development* ini berkaitan juga di Kota Damansara dari segi masalah alam, masalah banjir, masalah puting beliung, masalah taufan. Mungkin patut ada satu kajian untuk mencari laluan angin ini. Mungkin ada pembangunan yang telah kita lakukan hingga menyebabkan angin lalu secara deras hingga bangunan atau pun PPR yang tingkat tertinggi juga, bumbung boleh tercabut. Dari segi pembangunan holistik juga kita harus mengambil kira penyertaan rakyat dalam pembangunan dengan secara serius. Memperkasakan rakyat dengan maklumat ilmu, analisis dan juga tindakan sepertimana juga Titah Tuanku, “pendekatan dari bawah ke atas”, *bottom up approach*, kerana diharapkan hasrat, pandangan rakyat patut direalisasikan. Juga harus difikirkan dari segi holistik ini, semangat berdikari dan juga harga diri kerana kalau rakyat dapat berdikari dignity atau harga diri meningkat. Kita juga harus mengikis kan budaya pautan dan kerap kali budaya pautan ini disengajakan kerana mungkin kepentingan politik. Kita wujudkannya supaya mereka mengharap-harapkan kepada kita supaya mendapat undi dari mereka. Walhal kita harus membantu mereka berperingkat-peringkat mengajar ataupun membimbing mereka supaya mereka dapat berdikari.

Titah Tuanku juga “mengimbangkan pembangunan dan kebajikan”. Kita harus mengimbangkan antara ekonomi dan social; teori dan praktis. Ini juga adalah konsep, apa yang dipanggil, konsep dielektika, mengimbangkan yang bercanggah dalam Bahasa Inggeris *unity of opposites*. Mencapai seperti mana Titah Tuanku *win-win*, kedudukan *win-win*.

Titah Tuanku juga menyatakan “mencari titik tengah dalam memacukan pembangunan agar tidak ada yang tertinggal jauh dan tidak merasa nikmat pembangunan”. Rakyat tidak harus menderita sepetimana juga, pernah Kota Damansara menyebutkan, khususnya dari segi pengagihan dari Zakat. Kalau kita pandang Zakat, mendapat pungutan yang besar. Kalau diagih dengan baik kemungkinan besar tidak ada masyarakat miskin di dalam Selangor ini.

Titah Tuanku juga “memantau perlaksanaan gaji minima oleh Kerajaan Persekutuan”. Mungkin tidak ada gaji minima ini adalah disengajakan. Kerana kalau tidak ada gaji minima, maknanya keuntungan akan meningkat. Dan perkara ini juga Kota Damansara telah menimbulkan dan membangkitkannya dalam dewan yang mulia ini. Dan MB telah berjanji untuk melaksanakan dari segi gaji minima. Dan juga Kota Damansara telah menyebut berkenaan pegawai kontrak yang sudah lama menjadi pegawai kontrak tapi tidak disahkan dalam jawatan. Kerana ini kita anggapkan sebagai satu penganiayaan.

Titah Tuanku juga menyebut betapa kayanya Selangor. Kadar pertumbuhan negara pada 2010, adalah 7.02 peratus. Negeri Selangor menyumbang pengeluaran dalam negara kasar KDNK adalah 21 peratus.

Titah Tuanku, “tidak wajar melebarkan jurang kekayaan”. “Jangan mementingkan keuntungan sahaja hingga menyebabkan rakyat tertinggal” ataupun hanya melakukan ala kadar sahaja. Bermakna kalau dibiarkan begitu, yang kaya menjadi lebih kaya yang miskin menjadi papa kedana. Bermakna, sistem yang ada atau sistem yang menindas ini, menuju ke arah monopoli / membolot. Dan akhirnya menimbul krisis ekonomi dan juga krisis sosial. Statistik Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah menunjukkan jurang pendapatan di antara golongan kaya dan miskin. Dalam Asia Tenggara, Malaysia dapat nombor satu. Dalam Asia kita dapat nombor dua, belakang Papua New Guinea. Bermakna jurang kaya amat luas di Malaysia. Lagi sekali yang kaya menjadi kaya, yang miskin papa kedana. Kita sentiasa dihantui oleh krisis ekonomi, inflasi yang meningkat, wang tempatan yang dilaburkan di luar Negara, “iklim pelaburan yang tidak menentu”, keadaan kehakiman yang tak selamat, pencabulan hak asasi dan seterusnya.

Titah Tuanku juga menyatakan “mendahulukan kepentingan rakyat dan negeri”. Rakyat adalah pekerja, mereka yang bekerja, rakyat yang bekerja itu adalah pekerja. Dan bermakna mereka juga menampung keluarga mereka. Maka itulah kita juga menganggapkan bahawa pekerja adalah tulang belakang pada ekonomi Negara. Kita harus memberi segala bantuan, segala pertolongan agar mereka dapat berdikari, dapat bergerak menampung keluarga masing-masing dan menyertai di dalam pembangunan negara. Mereka yang ditindas, menjadi miskin dan apabila mereka menjadi miskin, jiwa mereka tertekan. Tekanan melimpah pada masyarakat dan keluarga hingga menimbul masalah sosial. Gara-gara kerakusan kapitalis merebut keuntungan, membelakangkan kemanusiaan dan alam sekitar. Kita harus memberi hak pada yang memerlukan, mengambil kira keluhan rakyat dari segi tanah TOL dan perumahan. Di Kota Damansara ada masalah dari segi *nursery* di Sg. Buloh di mana satu masa dulu orang tengahnya, PKPS. Masa kita masuk. Kita mahu orang nurseri ini memiliki TOL supaya tidak payah bayar tiap-tiap bulan pada PKPS. Tetapi saya dapat khabar Yayasan Selangor kini menjadi orang tengah. Dan kita mengatakan, kita berharap agar mereka dapat TOL untuk berniaga dan bolehlah menampung apa yang patut. Tidak payah bayar bulanan. Kita mengambil alih dari satu *middleman* ke satu *middleman*. Maknanya masalah tidak dapat kita

selesaikan. Kita berharap perkara ini harus diambil kira kerana sekarang ini di Kota Damansara penduduk rimas kerana pada peringkat awal kami katakan kami akan perjuangkannya. Sekarang kami menghadapi kebuntuan di mana janji kami tidak dapat kami kotai.

Titah Tuanku juga “iklim ekonomi juga tidak menentu” kerana kita dialami krisis. Dasar perdagangan kita, lebih *export-oriented* (dengan izin), maka kerap kali kita mengabaikan pertanian. Walaupun kita sekarang, seperti mana juga Titah Tuanku mengatakan “integrasi teknologi dalam amalan pertanian”. Mungkin kita ingin mengimbangkan dari segi industri dan pertanian. Kita juga tahu bahawa krisis ekonomi berulang datang dalam 11 atau 12 tahun. Kita tahu kita harus bersedia. Kalau pekerja dibuang kerja, adakan tabung perlindungan pekerja supaya mereka dapat cari kerja baharu dan dapat menampung keluarga mereka. Ini adalah sifat yang harus ada kalau kita bersifat berkebajikan.

Titah Tuanku “peluang pekerjaan sebagai petunjuk pembangunan yang paling bermakna”. Konsep ini amat bagus. mengharapkan kepada *per capita income*, bermakna kalau dalam satu pulau seperti mana yang saya katakan dulu, ada dua orang. Satu ada dua juta, satu lagi tak ada duit, bila dipuratakan dua-dua adalah jutawan. Kerana Negara kita kaya tetapi yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin papa kedana. *Foreign exchange* dan juga saham boleh di manipulasikan. Tapi dari segi peluang pekerjaan memang berkaitan dengan *quality of life* (dengan izin) Itu petunjuk yang bagus. Terima kasih dari segi apa yang telah diutarakan.

Titah Tuanku juga tentang “kuasa membeli rakyat miskin”. Bila rakyat miskin, tidak ada kuasa untuk membeli barang. Ini bermakna kemiskinan melemahkan kuasa membeli; bermakna juga penindasan terhadap pekerja yang tidak ada pelajaran / ilmu menimbulkan masalah. Perkara yang lain, wang tidak mencukupi untuk menghantar anak ke sekolah. Pada 2001 hingga 2009 di Malaysia, 68.7 peratus menamatkan pendidikan menengah berbanding Korea Selatan 96.4 peratus. Juga 29.7 peratus rakyat Malaysia yang memasuki Universiti berbanding Korea Selatan 96.1 peratus.

Ini juga berkaitan dengan dasar Kerajaan pusat terhadap penswastaan pendidikan yang menimbulkan masalah di atas nama keuntungan. Ini juga bermakna pendidikan sudah menjadi komoditi seperti mana juga tenaga pekerja sudah menjadi komoditi, boleh dijual beli dalam pasaran. Bermakna juga pendidikan sudah menjadi sumber keuntungan. Sekarang terlalu banyak kolej dan universiti swasta. Tidak ada *quality control*. Terbuka kepada sesiapa walaupun mereka tidak mempunyai kelulusan, *qualification* yang cukup. Kerana ini telah berlaku di dalam negara jiran di dalam fakulti perubatan. Dia buka kepada sesiapa yang nak masuk dalam universiti. Nak jadi doktor, bayar yurannya. Bila masuk tahun ketiga dia akan mengadakan satu peperiksaan yang sungguh hebat. Boleh dikatakan sebahagian besar akan gagal. Bermakna pada *first three years* (dengan izin) dia dikatakan telah mengutip keuntungan. Dan ini juga berlaku pada swasta sekarang di mana siapa boleh masuk dan mungkin mereka tidak berjaya. Bermaknanya mereka yang akhirnya tak kekal masuk universiti, pernah minta pinjaman PTPTN. Macam mana nak bayar balik. Maknanya dasar untuk mengambil *student* dalam kolej dan universiti swasta ini adalah berdasarkan kepada keuntungan, (*it becomes an invention to make profit*). Dan juga masalahnya nak masuk university, lebih kurang RM50,000 hingga RM100,000 dan nak kena bayar balik. Dah lulus, gajinya tak tinggi. Masalahnya juga nak *service loan*. Kadang-kadang kita pertikaikan juga. Kadang dah lulus susah nak bayar balik mungkin juga ada yang nak cari kesempatan.

Ada Belia PSM (Parti Sosialis Malaysia) membuat satu kajian di Selangor dan Penang. Yuran sekolah dulu rendah dan sekarang ini dah naik 35 hingga 45 ringgit. Yuran sekolah menengah sudah naik 60 ke 80 ringgit. Yuran PIBG naik lebih kurang 100 ringgit. Tadika yuran

pendaftaran adalah dari 300 hingga 400 ringgit. Yuran bulanan 50 hingga 100 ringgit. Namun 1.3 juta rakyat pendapatan kurang RM 700 dan garis kemiskinan ialah RM 720. Masalah rakyat yang bekerja di mana gaji minima tak menentu; hidup mereka juga tak menentu; tidak ada / hilang pekerjaan; potong gaji; OT tak dapat dalam keadaan krisis ekonomi. Zakat juga ada masalah, saya juga dapat aduan di mana Zakat liat sangat nak bantu PPR kerana katanya maklumat selalu tak betul. Itu bukan isu. Kalau maklumat tak betul hantarlah pegawai pastikan kalau kita betul-betul mahu membantu mereka yang miskin. Kalau nak katakan mereka oportunitis, oportunitis berlaku kepada semua tingkat dari bawah sampai ke atas. So, kalau kita benar-benar nak bantu kita cari. Kalau tak betul kita tak beri. Tapi ada yang memang memerlukan bantuan. Ini yang penduduk warga Kota Damansara sebut kepada saya dan saya nak dapatkan kepastian. Ada satu soalan saya masukkan ke dalam mengenai perkara ini.

Pengalaman saya juga Kota Damansara. Sering mendapat aduan / permohonan khususnya tak cukup wang untuk membayar yuran, buku, kenderaan, pakaian, tuisyen, masalah berhutang. Bermakna semua masalah berhutang sejak lahir. Mak bapak berhutang, peringkat sekolah, universiti, dapat kerja, berumah tangga masih berhutang. Masalah along, masalah bank, masalah sindiket. Sindiket juga berlaku terhadap orang dah beli rumah tapi tak dapat bayar. Tengok-tengok rumah dah dilelongkan dan mereka tidak diberi tahu rumah mereka dah dilelongkan. Mereka datang kepada kami dan kami berusaha mendapatkan sesuatu ataupun menangguhkannya dengan pelbagai cara. Tetapi perkara ini tidak patut berlaku. Tetapi ini tidak patut berlaku. Pendek kata rakyat tidak mampu menghantar anak ke sekolah. Justeru Kota Damansara memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor agar lebih prihatin terhadap masalah rakyat yang miskin yang inginkan anak mereka mencapai potensi ke pengajian tinggi. Kota Damansara mencadangkan pendidikan percuma untuk semua di Selangor bermula dengan rakyat miskin sejajar dengan titah Tuanku "hasil negeri untuk rakyat", mengagihkan kesejahteraan Negara, negeri secara adil.

Malangnya kita masih terperangkap dalam acuan sistem kapitalis yang menindas dan memangsakan mereka yang terpinggir. Kerana sistem ini menghancurkan kemanusiaan dan alam; memiskinkan lagi rakyat yang sudah miskin; mempertuhankan kepada keuntungan; dan mengakibatkan jiwa tertekan, terpinggir dan terasing. Justeru kita harus mempertikaikan acuan yang menindas ini.

Semoga Titah Tuanku dilaksanakan dengan baik, tertib dan adil. Tuan speaker Kota Damansara menyokong usul menjunjung kasih titah Sultan Selangor.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA** : Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Teratai mengambil bahagian dalam menjunjung kasih atas Titah Ucapan Tuanku. Tuan Speaker, sudah tiga tahun Teratai mewakili penduduk-penduduk di Pandan Perdana memohon satu tapak kawasan lapang di Pandan Perdana untuk dijadikan sebagai sebuah Sekolah Kebangsaan (Cina). Ini adalah kerana 90% penduduk di sekeliling adalah terdiri dari Kaum Cina. Taman Perumahan di Pandan Perdana adalah di sebelah Pandan Perdana ada Taman Cheras Indah, Taman Maju Jaya, Taman Semerlin Perkasa semua ini juga terdiri dari penduduk Kaum Cina, walau pun ada sebuah sekolah kebangsaan Pandan Perdana yang berada di sebelah perumahan Pandan Perdana tetapi kebanyakannya Kaum Cina tidak minat menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini. Kapasiti sekolah Pandan Perdana anggar untuk

900 pelajar tetapi sekarang hanya 400 pelajar yang belajar di sana sahaja. Di manakah pergi yang lain-lain pelajar di sekitar Pandan Perdana. Jadi saya ingin menegaskan bahawa Sekolah Cina ini bukan hanya untuk penduduk Cina sahaja tetapi untuk kaum Melayu, Indian, Kadazan, Iban dan lain-lain. Ia merupakan sebuah sekolah untuk semua rakyat Malaysia. Oleh itu Teratai ingin meminta supaya pihak kerajaan boleh mewartakan sebidang tanah di Lot 5201 Jalan 6/3 Pandan Perdana untuk kegunaan Sekolah Cina. Memandangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menolong Bukit Antarabangsa memohon sebuah sekolah, saya juga ingin menyeru jasa baik Yang Amat Berhormat supaya memohon sebuah sekolah aliran Cina di Pandan Perdana. Sebab sekolah itu juga merupakan sekolah kebangsaan.

Tuan Speaker, isu yang kedua Teratai ingin bawa ialah mengenai *little napoleon* dengan izin di MPAJ. Ia lagi bermaharajalela dan pangkatnya lebih tinggi daripada YDP. Dalam sidang yang lalu Teratai telah membangkitkan isu yang mana ada seorang Pengarah yang memangku dua jawatan dalam empat bahagian di MPAJ. Masalah ini belum di atasi tetapi Pengarah tersebut menunjukkan sikap angkuh baru-baru ini. Saya diberitahu oleh penduduk bahawa Pengarah ini tidak menghormati Ahli Majlis, dalam ucapan perasmian Pertandingan Restoran Bersih Zon 20 pada 14hb Mac di Dewan Komuniti Cheras Indah beliau berucap seperti berikut: 'Tempoh perkhidmatan Dorothy Chong sebagai Ahli Majlis sampai akhir tahun ini iaitu Disember 2011. Pembaharuan pelantikan Ahli Majlis ini ialah berdasarkan prestasi sama ada beliau memuaskan atau tidak.' Siapakah Pengarah itu, mengapakah beliau boleh berucap begitu angkuh dan sompong. Seolah-olahnya lantikan ahli majlis adalah lantikan daripada beliau dan bukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Lantikan Ahli Majlis adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor dan bukan YDP atau pun Pengarah. Ahli Majlis merupakan *Board of Director* dengan izin untuk PBT. Pengarah tersebut haruslah mengikut arahan Ahli Majlis dan bukanlah terbalik. Saya meminta supaya Pengarah ini meminta maaf kepada Ahli Majlis tersebut secara terbuka kerana kelakuan ini merupakan penghinaan kepada Ahli Majlis PBT terutamanya Ahli Majlis MPAJ Zon 20. Selain daripada itu, Pengarah yang sama enggan bekerjasama dengan penduduk untuk menyelesaikan masalah. Apabila menimbul isu penjaja di Pandan Perdana, beliau berkata ini sudah jadi isu politik tugas saya sudah habis, siapakah yang menimbulkan isu politik, dan siapakah yang memainkan isu politik, siapakah yang cuba mencari alasan tanpa bekerja. Di samping itu Teratai juga pernah menulis dua kali surat yang sama ini dalam masa tiga bulan tetapi tidak ada jawapan langsung kepada Teratai. Saya berasa kecewa kerana pembayar cukai yang membayar gaji Pengarah itu tidak bekerja bersungguh-sungguh dan tidak bekerjasama dengan Ahli Majlis dan ADUN. Tuanku dalam titah ucapan telah pun mengingatkan kita masyarakat awam mestilah merasai perkhidmatan sebagai pembantu yang memudahkan urusan mereka diselesaikan. Tetapi ada sebahagian di antaranya tidak bekerjasama dengan Wakil Rakyat dan Ahli Majlis dan di sebaliknya menghina Ahli Majlis. Dengan sikap sompong dan angkuh akhirnya rakyat yang rugi kerana masalah tidak dapat di selesai.

Tuan Speaker, baru-baru ini terdapat sekumpulan ahli UMNO yang membuat protes terhadap Teratai kerana MPAJ yang memindahkan penjaja yang haram di Taman Muda. Saya diberitahu oleh ahli UMNO bahawa mereka adalah dipanggil oleh seorang Pegawai yang penting di MPAJ untuk mengadakan protes itu. Sebenarnya dalam kes ini tiada seorang pun yang merupakan para penjaja dan peniaga tetapi pemilik gerai yang haram atau pun dikata tauke belakang ialah ahli UMNO. Memandangkan ada sebahagian kakitangan kerajaan masih sibuk telah bermain politik dan tidak berkhidmat untuk rakyat. Saya meminta supaya kerajaan mengambil tindakan yang keras terhadap pegawai ini.

Tuan Speaker, Teratai ingin masuk ke isu perkuburan Islam yang dirancang di Bukit Permai Dua dan Sungai Siputih. Sebagai Wakil Rakyat tidak kira kaum, agama atau latar belakang, Teratai faham ada perlu untuk kaum Islam untuk mengadakan tapak kubur. Satu perkuburan yang dicadangkan di Bukit Permai 2 atau namanya Sungai Siputih, Teratai rasa adalah tidak sesuai dan dia tidak menghormati si mati Islam ini disebabkan tapak tersebut merupakan satu lembah dengan cerun dan ada sungai. Tapak yang ada sekarang merupakan tapak pembuangan sampah sarap, selepas 20 tahun diisi oleh sampah sarap sebahagian lembah telah menjadi tapak rata. Di samping itu tapak ini merupakan tapak penternakan dan sembelih babi dan ia hanya ditutup tiga tahun yang lalu. Dalam syarat Draf Rancangan MPAJ 2020, tapak perkuburan Islam tidak boleh berbatu, tempat tidak banjir dan tanah rata, tetapi syarat-syarat ini tidak diikuti oleh Pegawai MPAJ. Nampaknya ada pihak di MPAJ tidak jujur memberi gambaran kepada kerajaan. Teratai didapati juga kubur ini sepatutnya dibina di Hulu Langat adalah di Batu 11 ke batu 14 sebelum ini dan pada zaman Barisan Nasional tetapi apa yang berlaku ialah tanah tersebut telah dijual kepada pemaju dan membina rumah mewah-mewah. Jadi Teratai berharap supaya kerajaan mencari satu tapak atau pun masukkan tapak perkuburan yang dicadangkan itu ke dalam hutan supaya ia boleh memenuhi syarat kubur Islam dan di samping itu Teratai sudi tolong untuk mencari tapak yang suci dan menghormati orang-orang Islam.

Sebelum Teratai mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru supaya pihak kerajaan mengambil berat pandangan dan cadangan ADUN sebelum membuat keputusan. Dalam Titah Ucapan Tuanku yang berbunyi seperti berikut: ‘Pendekatan dari bawah ke atas ini adalah cara baik kerana lazimnya penduduk tempatan lebih memahami keperluan situasi mereka. Prinsip ini juga boleh digunakan dalam pemerintahan kerajaan iaitu pandangan Ahli Dewan Negeri yang berkaitan haruslah diutamakan supaya keputusan yang dibuat tetap dan bermanfaat kepada penduduk setempat. Sebelum saya mengakhiri satu isu lagi, saya ingin membangkitkan dalam Dewan ini mengenai Perpustakaan di Dewan yang mulia ini yang berada di Dewan Annex. Walaupun isu kecil saya rasa harus diambil berat oleh semua pihak sebab surat khabar yang ada sekarang hanya dalam bahasa Melayu dan *English*. Dulu ada satu surat khabar bahasa Cina tetapi sekarang sudah hilang tidak ada di order lagi dengan izin. Jadi rasa pengurusan perpustakaan ini tidak berapa prihatin kepada rakyat ataupun pelawat-pelawat yang memerlukan membaca surat khabar dalam bahasa yang berlainan. Jadi kalau boleh saya mencadangkan kepada pihak Barisan EXCO supaya dewan ini diserah kepada bawah jagaan Speaker atau Dewan di sini supaya mereka memahami keperluan ADUN atau pun pelawat-pelawat ke dewan dengan keperluan mereka. Dengan ini Teratai menyokong usul. *Thank you.* Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuang.

**YB PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini ingin menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang tidak jemu-jemu memberi nasihat dan menegur kerajaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk kami ADUN Barisan Nasional supaya memikul amanah yang diberikan kepada kami dengan jujur, ikhlas dan bertanggungjawab demi kesejahteraan rakyat dan negeri Selangor yang tercinta ini. Dalam kesempatan ini saya bertanggungjawab untuk membangkitkan beberapa isu penting yang melibatkan prestasi kerajaan pakatan rakyat sejak tiga tahun memerintah negeri Selangor. Seperti rakan-rakan saya yang lain, saya akan juga memfokuskan beberapa isu integriti dan urus tadbir baik kerana

inilah juga isu-isu pokok yang sentiasa dibangkitkan dan dipolitikkan oleh pakatan pembangkang di parliment dan di dewan undangan negeri pimpinan Barisan Nasional sekarang. Di negeri Selangor giliran kerajaan pakatan rakyat pula dinilai oleh rakyat yang telah memilih mereka berdasarkan janji-janji manis dalam pilihan raya ke-12 tetapi terbukti gagal dilaksanakan sepenuhnya bukan dalam tempoh 100 hari tetapi dalam tempoh yang lama tiga tahun atau 1,095 hari.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan semula isu pasir yang masih gagal ditangani oleh kerajaan negeri walaupun sudah banyak kritikan dan pendedahan dan penyelewengan di pihak agensi kerajaan khususnya Kumpulan Semesta dibuat oleh pelbagai pihak. Isu yang terbaru melibatkan pengorekan pasir secara berleluasa di kawasan seluas 7,243 hektar di Mukim Tanjung 12 di mana sebahagian besarnya terletak dalam tanah hutan simpanan Kuala Langat. Mukim Tanjung 12 membabitkan tujuh buah kampung yang diwartakan dalam hutan simpan Kuala Langat Utara iaitu Kampung Orang Asli Pulau Kembas, Pulau Cheding, Bukit Cheding, Bukit Kechil, Bukit Pra, Busut Baru, Tanjong Rabuk dan Bukit Kemandol. Tanah tersebut merupakan tanah warisan, tanah adat dan tanah rayau kepada kira-kira 4,000 penduduk orang asli Temuan sejak ratusan tahun lalu dan telah diwartakan sebagai tanah simpanan orang asli sejak tahun 1927. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli melalui mesyuarat majlis kerajaan negeri 29 November 1995. Walaupun kerajaan negeri mempertahankan aktiviti perlombongan pasir di kawasan itu sebagai sah kerana kononnya kerajaan negeri telah mengeluarkan permit kepada KSSB tetapi kegiatan perlombongan pasir secara besar-besaran oleh KSSB tanpa kawalan dan pemantauan boleh menjelaskan alam sekitar dan kerosakan besar dengan menjadikan lubang-lubang besar dalam bangunan sepuluh tingkat. Tuan Speaker, kerajaan pakatan rakyat Selangor yang sebelum ini berjanji mahu membela hak dan nasib orang asli ternyata hanya bermain wayang kulit malahan Y.A.B. Ijok dengan angkuh mencabar kira-kira 4,000 penduduk orang asli suku Temuan di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat supaya membawa perkara ini ke mahkamah sekiranya menganggap pencerobohan yang dilakukan oleh mereka. Janganlah terlalu sompong dan selalu angkuh. Tidaklah perlu bawa mahkamah sebenarnya. Boleh bincang baik-baik dengan orang asli.

Tuan Speaker, satu perkara lagi yang saya teringin sangat untuk membawa ialah isu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Saya ingin menyentuh pentadbiran dan arah tuju Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang sejak tiga tahun kebelakangan ini mula lari daripada matlamat penubuhan. PKNS ditubuhkan pada tahun 1964 sebagai agensi pembangunan kerajaan negeri terutama dalam sektor harta tanah dan perumahan, pembangunan kawasan perindustrian dan bandar-bandar baru. Di samping terlibat secara langsung dalam berbagai-bagai program merealisasikan matlamat dasar ekonomi baru termasuklah ‘Program Pembangunan Usahawan Bumiputera di negeri Selangor’. PKNS memfokus kepada pembangunan sosioekonomi sementara Kumpulan Darul Ehsan memfokus kepada bidang perniagaan dan harta tanah dalam mana keuntungan adalah KPI utamanya. Walaupun menghadapi banyak cabaran dan halangan, PKNS telah memainkan peranan yang penting dalam tempoh 45 tahun kewujudannya membangunkan negeri Selangor sehingga muncul sebagai sebuah negeri maju 2005. Ibu negeri Selangor (Shah Alam) dan yang menempatkan dewan undangan negeri yang bersejarah ini adalah salah satu model kejayaan PKNS dalam merancang dan membangunkan bandar-bandar baru di Selangor. Tapi malangnya apabila pakatan pembangkang mengambil alih pimpinan kerajaan Selangor ini mereka tidak lagi mengutamakan garis panduan yang dibuat berasaskan dasar ekonomi negeri Selangor dan menjadikan PKNS sebagai badan korporat yang meletakkan keuntungan maksimum sebagai tujuan utama operasinya dan mula secara berperingkat-peringkat menghentikan program sosioekonomi yang menjadi teras utama penubuhan antaranya. Di antara penyelewengan

dasar dan juga penyalahgunaan kuasa pengurusan PKNS adalah seperti berikut. Meminggirkan dan menghentikan pelaksanaan dasar dan garis panduan dasar ekonomi baru.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Mengurangkan projek-projek sosioekonomi terutama pembinaan rumah-rumah sederhana rendah dan kos rendah.

**TUAN SPEAKER** : Yang berhormat.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : mengutamakan keuntungan maksimum projek-projek hartanah.

**TUAN SPEAKER** : Yang berhormat. Ya, Sri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Mohon laluan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Silakan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat, saya ingin bertanya. Jika benar PKNS ini dikatakan sejak di bawah pakatan rakyat hanya menjadi sebuah badan korporat, bagaimana PKNS dapat melaksanakan projek-projek rakyat termasuk misalnya penyelesaian isu Bukit Botak di bawah pentadbiran Y.A.B. Tan Sri Khalid?

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Bukit Botak ini Y.B. Speaker, dulu RM42,000 sekarang ni jadi RM100,000 (hampir RM100,000). Tang mana menyelesaiannya? Ini menyusahkan rakyat sebenarnya. Saya nak sambung lagi. Nak sambung lagi. Contohnya projek di Jelatek Dato' Keramat, projek pembangunan semula kawasan perumahan kos rendah Jalan Jelatek. Harga seunit Mini Studio Apartmen RM600,000. Barangkali Y.B. daripada Sri Setia boleh beli. Kondo apartmen dua bilik RM900,000, kondo apartmen tiga bilik RM1.5juta. Siapa nak beli ni? Kuota 70 peratus bumiputera dan 30 peratus bukan bumiputera dimansuhkan, tidak ada rumah mampu milik berharga bawah RM300,000. Saya nak cerita. Tunggu lagi. Banyak lagi ni. Sebahagian besar penduduk adalah golongan muda berpendapatan sederhana dan kurang daripada RM3,000 sebulan. Apakah mereka ini mampu untuk membeli rumah yang saya sebutkan ini?

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : beri laluan.

**TUAN SPEAKER** : Yang berhormat.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Hulu Kelang. Silakan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Y.B. Kuang. Adakah Y.B. Kuang hadir dalam sidang yang lepas di mana Hulu Kelang telah menimbulkan isu ini dan telah dijawab dengan begitu berkesan dan tepat oleh Menteri Besar.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Terima kasih. Saya hadir. Kalau tak hadir, sudah tentu saya kena macam Badrul juga. Saya hadir, jadi ada perkara lain lagi ok. Oleh kerana dah sentuh yang itu, saya nak beritahu ni. Penyelewengan-penyelewengan melantik syarikat-syarikat yang berkaitan untuk menubuhkan *tele marketing*. Tiga syarikat dipilih.

Agensi pekerjaan People Source Malaysia Sdn. Bhd. dibayar RM975,400 satu. My E-Zone Sdn. Bhd. RM960,000. Yang ketiga, Pink Technologist RM371,000. Kelulusan dibuat sebut harga, tak buat pun dalam mesyuarat tender. Saya nak bagi tahu lagi yang peliknya *Pink Technology* ini sebuah syarikat baru yang dikatakan berpengalaman untuk menjaga *tele marketing* PKNS. Diwujudkan 19 Mac 2010 ya. Dan yang hairannya boleh bayar dulu sebelum perjanjian ditandatangani sebanyak RM219,300. perjanjian belum sain lagi, mana pergi peguam-pegawai PKNS ni mana? Saya nak bagi tahu lagi invois lebih awal dari kelulusan sebut harga ya. Bagi *People Source* sebut harga 17 Ogos 2010, invois 17 Ogos 2010. Sama. Sama tarikh, Hulu Kelang. *People Source* lulus sebut harga 17 Ogos 2010, invois 13 Ogos 2010 (lebih awal empat hari). Hebat meniaga. Kemudian *Pink Technologist* sebut harga lulus 17 Ogos 2010, invois 12 Ogos 2010. Cukup la tu. Saya ada banyak, saya ada banyak ni. Itu PKNS saja. Kalau saya bentang hari ini, dua hari belum tentu habis.

Y.B. Speaker, saya nak sentuh bagaimana melantik pegawai-pegawai kontrak dan perunding-perunding pada syarikat pengurusan yang menjalankan kerja-kerja yang sebenarnya boleh dilaksanakan oleh kakitangan yang sedia ada di PKNS. Inilah akibatnya perbelanjaan PKNS melambung tinggi. Saya nak sentuh, dulu saya dah sebut tapi tidak ada tindakan Hulu Kelang. Maka itu saya sebut lagi. Pengurus Besar gaji RM20,000, sekarang ni jadi RM40,000. saya nak sebut, saya sebut sekali lagi. Kemudian, tanggungan nak bayar gaji pengurus besar empat anak syarikat terpaksa tangguh. Ini pelantikan ni. Pegawai-pegawai kontrak yang sebenarnya tak patut lantik kerana kakitangan PKNS dah cukup semuanya yang mempunyai kebolehan. 45 tahun membina PKNS bukan dua, tiga tahun. 45 tahun. Tak perlu nak lantik lagi. Pelantikan Radhan Nadarajah (ada kat New Zealand pejabatnya), New Zealand. Gaji RM20,000 duduk pejabat di New Zealand. Tee Lim Yang (kontraktor juga) RM10,000 sebulan, Teoh Leong Peng (perunding) RM10,000 juga, Faridah Rohani (Pegawai Perhubungan) RM7,500 buat speech untuk Pengurus Besar (sama taraf Menteri Besar – Pengurus Besar). Ada tukang buat speech. Dan banyak lagi. Patrick Lai RM10,000. dua pegawai khas Pengurus Besar, dua pegawai khas Pengurus Besar RM18,500. Ini hebat belanja ni. Y.B. Speaker, saya rasa perbelanjaan ini perbelanjaan melampau oleh PKNS dan kita disuarakan, dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku kelmarin supaya jangan melindungi orang yang bersalah ini. Pelantikan PKNS Holdings sebagai perunding kumpulan pemasaran bagi menyediakan pelan induk projek Bernam Jaya dan Selangor Sign Park 2 dengan bayaran sebanyak RM1.35 juta tidak perlu kerana boleh diselaraskan sendiri oleh PKNS. PKNS Holdings tidak ada pegawai-pegawai profesional yang berpengalaman barangkali. Macam mana hendak pantau kerja-kerja tersebut? Dan pelantikan Dr. Armand sebagai perunding pembangunan hartanah. Ini orang mana ni? Saya ada ni semua ya. Pelantikan Dr. Armand bukan rakyat kita. Bukan rakyat kita. Rakyat Lebanon. Dan dibayar RM935,000. Wah, belanja besar nampak? Jawab Menteri Besar. Pegawai-pegawai kontrak yang diketuai oleh Pengurus Besar PKNS datang daripada syarikat-syarikat swasta dan tidak biasa dan berpengalaman dengan pelbagai peraturan kewangan kerajaan, kecenderungan kebelakangan, membelakangkan peraturan-peraturan yang telah diterima pakai oleh PKNS atas alasan kecekapan dan pentadbiran ala korporat. Laporan dan penemuan Jabatan Audit Negara cawangan negeri Selangor ke atas enam perkara yang dibangkitkan dalam dewan Selangor 9 November 2010 mendapati bahawa pada keseluruhannya pengurusan kewangan PKNS adalah tidak memuaskan kerana ketidakcekapan pengurusan serta garis panduan kewangannya tidak jelas.

Tuan Speaker, saya telah menerima satu dokumen khas mengenai banyak kes-kes penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pengurusan baru PKNS dan anak-anak syarikat (7 dokumen yang ada dengan saya sekarang). Yang sungguh merunsingkan kita. Kalau nak baca satu persatu saya katakan tadi sudah tentu tidak cukup masa untuk saya bacakan. Yang anehnya kedua-dua anak syarikat ini diketuai oleh Y.A.B. Ijok (Menteri Besar

Selangor) sebagai pengurusnya. Walau apa pun alasan yang dibuat oleh Y.A.B. Ijok, beliau yang selalu digembar-gemburkan oleh Pakatan Rakyat sebagai ahli korporat yang tersohor bertanggungjawab secara moral dan undang-undang prinsip bertanggung jawaban di atas apa yang berlaku kepada PKNS dan Yayasan Selangor. Ini baru dua yang kita buka (PKNS dan Yayasan Selangor), banyak lagi. Banyak lagi nak cakap.

- YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker.
- YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Sebelum menutup kes PKNS ini.
- YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Beri laluan.
- YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : ada satu lagi isu besar mengenai PKNS. Saya telah menerima satu petisyen.
- TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. Ya, Hulu Kelang minta penjelasan.
- YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Ya, saya habiskan sikit lagi PKNS. Lepas ni saya buka.
- YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Mengenai isu PKNS ni.
- YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Desakan terhadap Encik Osman bin Omar untuk meletak jawatan sebagai Pengurus Besar PKNS yang ditandatangani oleh 531 orang pegawai dan kakitangan PKNS yang berbunyi demikian (ada dengan saya) ; *“adalah dengan ini kami (selaku Ahli-ahli Persatuan PKNS) dengan suci hati dan sebulat suara ingin menyatakan pendirian kami bahawa kami telah hilang kepercayaan ke atas Encik Osman bin Omar untuk terus menerajui organisasi PKNS yang kami cintai ini. Ini kakitangan kita. Beliau telah gagal memimpin yang kami harapkan untuk menjaga kepentingan PKNS sebaliknya telah meletakkan PKNS di dalam keadaan yang kucar-kacir. Lebih-lebih lagi setelah salah laku beliau telah didedahkan dalam persidangan dewan undangan negeri pada hari Selasa, 9 November 2010 yang mana pendedahan tersebut telah mencalarkan imej bersih PKNS selama ini di mata rakyat, negeri dan negara. Sebelum PKNS terus menyimpang dari fungsi peranan dan tanggungjawab kepada rakyat adalah wajar beliau meletak jawatan secara terhormat serta-merta”*. Saya ada. Tandatangan semua orang ada dengan saya (531 orang) ada dengan saya. Tidak pernah dalam sejarah PKNS sejak 47 tahun ditubuhkan, warga PKNS dan semua lapisan pegawai dan kakitangan berbilang kaum berani menuntut Pengurus Besar meletakkan jawatan dengan segera. Mereka sudah tidak tahan lagi melihat di depan mata mereka berlaku beberapa kes penyalahgunaan kuasa, penyelewengan di siang hari yang dilakukan oleh bos-bos mereka yang baru dua, tiga tahun berada di PKNS. Sebenarnya mereka mewakili semua warga PKNS. Mereka adalah wira-wira PKNS, mereka telah berjaya berpuluh-puluh tahun dengan PKNS, mereka telah bersusah payah dulu dengan PKNS. Semasa berlaku krisis kelembapan ekonomi dan pasaran harta tanah tahun 1986-1988, sebanyak hampir 7,000 buah rumah tidak dapat dijual, mereka bekerja keras siang malam, sanggup hilang banyak kemudahan untuk pastikan PKNS bernaafas, akhirnya PKNS pulih semula. Mereka jugalah yang telah bekerja keras membawa PKNS sehingga menjadi sebuah perbadanan negeri yang terunggul di negara ini. Kalau saya jadi Pengurus Besar PKNS, saya perlu bertanggungjawab dan meletakkan jawatan dengan segera kerana anak-anak buah sudah hilang kepercayaan. Bagaimana dengan pendirian Y.A.B. Ijok? Masih barangkali mahu mempertahankan Pengurus Besar yang beliau lantik atau tidak ada pilihan lain memecat Pengurus Besar ini? Rakyat Selangor khasnya warga kerja PKNS nak lihat sejauh mana Y.A.B. Ijok menjunjung prinsip (dengan izin) *accountability* – prinsip bertanggungjawab yang selalu digembar-gemburkan oleh

Y.A.B. sendiri. Dengan beberapa pendedahan di atas terbukti bahawa dalam tempoh pemerintahan Pakatan Rakyat selama tiga tahun saja sudah banyak penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam pentadbiran jentera kerajaan negeri ini. Perkara ini boleh berlaku kerana pelantikan pegawai yang tidak beramanah dan bertanggungjawab oleh Y.A.B. Ijok. Tuan Speaker. Selaku ketua eksekutif negeri dan pengurus-pengurus agensi-agensi utama kerajaan seperti PKNS dan Yayasan Selangor, Y.A.B. Ijok sendiri gagal memantau perjalanan badan-badan tersebut dan mendisiplinkan pegawai-pegawai penting yang dipertanggungjawabkan. Ini baru tiga tahun, barangkali cukuplah penggal ini sahaja.

Tuan Speaker, realitinya memang mudah nak menuding jari kepada yang lain. Membuat berbagai-bagai janji ke bulan dan ke langit sebelum memegang tumpuk pemerintahan. Tetapi apabila telah diberi kuasa dan menghadapi realiti onak ranjau, barulah pentadbiran kerajaan tidak semudah itu untuk mempertahankan apa yang dikata dan dijanji. Justeru perkara itu, kita tidak boleh lagi memberi peluang kepada Pakatan Rakyat ini untuk turut memerintah negeri Selangor yang tercinta ini.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Silakan Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Y.B. Kuang. Dengan keterangan yang telah diberikan di dalam dewan, sekiranya SELCAT memanggil untuk diadakan pendengaran awam tentang PKNS, adakah Y.B sanggup hadir sebagai saksi untuk memberi keterangan?

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Terima kasih Hulu Kelang. Boleh panggil, saya boleh datang. Y.B. Tuan Speaker, sesungguhnya rakyat negeri Selangor menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan yang sentiasa prihatin dengan isu-isu integriti dan urus tadbir baik dalam pentadbiran kerajaan. Kerana inilah asas kepada kesejahteraan, keberkesan dan kewibawaan kerajaan negeri di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Selaku ahli dewan undangan negeri yang bertanggungjawab kepada rakyat, saya akan sentiasa memantau sejauh mana kerajaan Pakatan Rakyat benar-benar dapat memenuhi hasrat murni Duli Yang Maha Mulia Sultan yang kita kasih. Sekian, terima kasih Y.B. Speaker. Saya menyokong.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Y.B. Tuan Speaker.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Y.B. Tuan Speaker.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor di majlis perasmian pembukaan mesyuarat pertama penggal keempat sidang dewan negeri Selangor kali yang ke-12.

Selamat petang, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berharap bahawa dewan yang mulia ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu khususnya yang melibatkan kepentingan rakyat di negeri

Selangor. Sungai Pelek amat setuju dengan saranan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang berharap bahawa semua kita ini dapat menerima nasihat itu dan menjaga kepentingan rakyat dan bukan hanya mementingkan politik masing-masing dan berpolitik di dalam dewan yang mulia ini. Sungai Pelek mengatakan demikian adalah kerana segala keputusan yang kita capai di dalam sidang dewan ini perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Speaker, ahli-ahli yang berhormat. Sebentar tadi apabila saya sebutnya salam 1 Malaysia sejak semalam sehingga hari ini, saya hairan dan saya dengar ada orang ada sesuatu yang dikeluarkan. Inilah teringatnya saya apabila peniaga-peniaga di negeri Selangor dilarang memakai logo ‘1 Malaysia’ oleh kerajaan negeri Selangor dan khususnya daripada Exco Y.B. Pandamaran yang mengatakan logo ini dilarang dipakai di negeri Selangor. Lepas tu, kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.A.B. dari Ijok pula kata boleh pakai. Bagi saya, logo ‘1 Malaysia’ ini cuma tulisan ‘1’ dengan bendera Malaysia sahaja. Apa yang nak ditakut-takutkan? Tak payah takut. Terutamanya EXCO dari Pandamaran. Paginya sebut macam ini, malamnya lain macam, jadi nasib baik. Y.A.B. MB negeri Selangor.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Mohon laluan Tuan Speaker.

**YB TUAN YAP EE WAH** : mengatakan memang logo ‘1 Malaysia’ itu boleh di pakai di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Ya Y.B. macam mana? Sri Muda bangun.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Y.B. Sungai Pelek. Tadi Y.B. ada sebutkan bahawa penggunaan logo ‘1 Malaysia’ yang diharamkan penggunaannya di Selangor dan kemudian dibenarkan penggunaannya di Selangor. Jadi saya nak memperjelaskan dan di samping itu nak bertanya dengan Y.B. Sungai Pelek, lambang ‘1 Malaysia’ ini adalah ciptaan UMNO dan Barisan Nasional. Lambang ini digunakan untuk bawa aspirasi kerajaan UMNO dan Barisan Nasional hinggakan semua agensi kerajaan yang berada di peringkat pusat termasuklah juga Polis Diraja Malaysia menggunakan lambang itu di balai polis bergerak dan juga di semua urusan-urusan di Malaysia bahkan pegawai-pegawai pun diarahkan memakai lambang ‘1 Malaysia’. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku begitu. Di Selangor, kita ada Program Merakyatkan Ekonomi Selangor tetapi tidak ada pegawai yang dipaksakan untuk memakai logo pun bahkan logo pun kita tak buat. Sebab kita tahu bahawa ini ialah yang kerajaan negeri bawa untuk dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kerajaan tetapi tidak dipaksakan. Tetapi dalam kes logo ‘1 Malaysia’ hampir kesemua agensi kerajaan dipaksakan pakai logo ‘1 Malaysia’. Inilah perbezaan di antara ‘1 Malaysia’ dengan MES (Merakyatkan Ekonomi). Jadi saya nak minta komen Y.B tentang perkara itu.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Sri Muda. Saya tak tahu apakah yang dikata oleh Sri Muda ini benar. Saya pakai logo ‘1 Malaysia’ ini dengan rela hati dan saya rasa bangga. Saya rasa bangga. Begitu juga rasa saya kakitangan kerajaan persekutuan yang memakai logo ‘1 Malaysia’ ini bukan dipaksa adalah rela. Kenapa apa? Kenapa? Begitu juga kerajaan negeri Merakyatkan Ekonomi Selangor. ‘rakyat ekonomi Selangor, harta Selangor untuk rakyat Selangor’. Itu slogan yang dikatakan oleh kerajaan negeri Selangor. Kerajaan persekutuan pula logo ‘1 Malaysia’, transformasi kerajaan, transformasi segala-galanya’ untuk kebaikan dan kepentingan negara kita termasuknya negeri Selangor. Rasa saya tidak ada salah. Gagasan ‘1 Malaysia’ yang dibawa oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato’ Seri Najib kepada rakyat. Rasa saya rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan sungguh berjaya.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Y.B. mohon laluan.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Sungguh berjaya. Kalau tidak, rasa sayalah Barisan Nasional tidak akan menang pilihan raya kecil Hulu Selangor, tidak akan menang pilihan raya kecil Tenang, tidak akan menang pilihan raya kecil Merlimau termasuk pilihan raya kecil Kerdau.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Y.B. mohon laluan.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Rasa saya ini juga apabila pilihan raya negeri Sarawak.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Y.B. mohon laluan. Terima kasih Y.B. Saya rasa yang menjadi persoalan ialah kita tidak pasti apa status '1 Malaysia' ini. Yang bayar 'APCO' ialah rakyat Malaysia (pembayar-pembayar cukai). Tapi ia digunakan sebagai logo kempen politik, pada masa yang sama juga SPR pun kena buat logo SPR apabila dalam bilik mengundi tak boleh bawa logo parti tapi orang BN pakai logo '1 Malaysia'. Saya rasa itu satu persoalan yang harus dijawab adakah ia logo kerajaan ataupun logo parti.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : saya nak menambah Tuan Speaker. Minta laluan sikit. Sekejap saja. Boleh?

**YB TUAN YAP EE WAH** : Bila itu Y.B. Bila ke sekarang kita menghadapi pilihan raya. Ini dah pakai hampir dua tahun, tak ada pilihan raya umum pun. Bila pun tak tau kita. Seperti mana yang dikatakan oleh Bukit Antarabangsa semalam, mungkin kali ini yang terakhir. Tapi dalam hati saya dan otak saya fakir mungkin Bukit Antarabangsa nak umumkan pembubaran negeri Selangor, saya tak tahu tapi tak ada memang tak ada setakat ini logo itu dilancar dipakai sehingga sekarang jadi janganlah takut kalau sesuatu itu membawa kebaikan, kesejahteraan kepada rakyat jelata di negara kita. Jangan kita...

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan bangun.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Sungai Pelek. Saya ingin nak minta penjelasan sebab kalau ini kita bahas titah ucapan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dalam ucapan titah Tuanku tak ada pun 1 Malaysia, tak ada saya tengok tak ada 1 Malaysia tapi disebut 1 Malaysia hampir sepuluh minit dah. Saya minta Speaker, kalau boleh tolonglah.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker, berkait, berkait kenapa saya kata berkait, dalam titah ucapan mengatakan kita, kita perlu usahakan untuk mementingkan segala masalah rakyat yang 1 Malaysia ini sama juga. Rakyat diutamakan, pencapaian di dahulukan. Rakyat negeri Selangor termasuk rakyat jelata negara kita. Aaa itulah so memang berkait. Tuan Speaker, satu lagi perkara

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek,

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Saya minta penjelasan, tadi Sg. Pelek ada menyatakan bahawa yang rakyat didahulukan Saya nak bertanyalah, kepada Sg. Pelek kalau benar rakyat Selangor didahulukan ini kalau RM 16 bilion hasil negeri cukai yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan kenapa hanya dipulangkan kepada kerajaan negeri dipulangkan balik hanya RM 400 juta kalau benar rakyat negeri Selangor ini termasuk di dalam senarai rakyat yang didahulukan. Cakap sebegini saya rasa cuma cakap politik dia tak berani kalau betul nak dahulukan, bagi balik RM 1 bilion daripada Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Itu pertanyaan atau penjelasan daripada Seri Muda, penjelasan. pasal peruntukan atau pasal duit. Maksud Sg. Pelek rakyat didahulukan sebagai

contoh Kementerian Dalam Negeri sekarang mengadakan permohonan PR kewarganegaraan dilaksanakan di setiap kawasan di negeri Selangor untuk ugama memohon PR tu so itu bukan rakyat didahului, sedangkan dulu kena pergi ke Putrajaya dan sekarang datang turun ke padang itu salah satu contohlah.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Ya, terima kasih.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Rasa saya, saya nak sebutkan sedikit Tuan Speaker, saya nak sambung, Tuan Speaker, saya nak sambung

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Bukannya pasal Polis ke kita nak tanya cabar balik kerajaan pulangkan RM 1 bilion.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Saya sebut apa soalan itu. Ok Tuan Speaker, saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Bukit Antarabangsa, bangun pula.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya dengar tadi Sg. Pelek menyatakan bahawa dia pakai lencana 1 Malaysia ini tanpa paksaan. Kerana dia yakin dengan konsep 1 Malaysia. Saya nak tanya Sg. Pelek apa perasaan Sg. Pelek sebagai seorang pemimpin masyarakat Cina, apabila ada pemimpin UMNO, Pegawai Khas kepada Perdana Menteri yang menonjolkan imej 1 Malaysia dalam satu taklimat menyatakan Orang Cina ini asalnya datang ke Tanah Melayu sebagai pelacur, Orang India datang ke sini sebagai peminta sedekah dan mereka menghalau Orang Cina balik Tongsan. Apa perasaan Sg. Pelek yang bagi saya memang pelek apabila ada pemimpin UMNO yang menghina kaum kamu sendiri itu yang pertama. Yang kedua, apa kita benar-benar boleh yakin dengan 1 Malaysia ini.. Saya baru balik daripada IPD Ampang, saya dipanggil oleh pihak Polis untuk merakamkan keterangan saya Apa tuduhan terhadap saya. Saya melakukan 1 perhimpunan haram pada 25 Mac yang lalu. Saya bertanya kepada pihak Polis yang merakamkan keterangan saya, majlis penerangan itu selaku Ahli Parlimen berlaku dalam premis saya dalam pejabat saya Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Gombak. Apa salahnya sedangkan pada malam tadi Muhyidin buat ucapan politik di Pandan di tempat yang terbuka di mana 1 Malaysia? Apa Polis beri permit kepada Muhyidin tidak kepada saya. Mengapa saya diambil keterangan tidak diambil keterangan Muhyidin? Muhyidin boleh guna sekolah-sekolah sama ada di Kuala Langat ataupun di Pandan. Guna sekolah ucapan politik, di mana 1 Malaysia?. Sebab itu jangan kamu bohong diri kamu sendiri. Ya, sebab itu bagi kita ini semua retorik politik untuk memancing undi tetapi saya nak beri tahu rakyat Malaysia tidaklah sebodoh pemimpin UMNO dan Barisan Nasional.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Bila sebutnya ada orang UMNO yang mengatakan mengeluarkan kenyataan-kenyataan apa yang disebut oleh Bukit Antarabangsa sebentar tadi memang Sg. Pelek ini tak pelek, Sg. Pelek inipun tak sokong apa yang dia cakap tetapi itu merupakan pendirian seseorang. Itu bukan datangnya daripada keputusan Barisan Nasional, pendirian MCA macam itu juga, kita MCA bagikan keterangan kita nafikan apa yang dia cakap dan kita tak mahu dia cakap. Inilah pendirian saya, pendirian MCA dalam surat khabar saya rasa itu boleh baca semua. Ok. Kepada sekolah tadi apa silapnya sebagai seorang Menteri Pelajaran pergi ke SJK( C ) Jenjarom, bagi wang RM 1.2 million pada sekolah tu, salah ke? Bagi saya peruntukan itu dibagi kepada sekolah untuk kebaikan sekolah untuk kebaikan masyarakat di Jenjarom dan Kuala Langat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sg. Pelek, tak faham soalan saya, saya tidak pertikaikan sumbangan itu tanggungjawab kerajaan untuk memberikan sumbangan kepada

sekolah. Yang saya pertikaikan guna sekolah untuk buat ucapan politik sedangkan Menteri Pelajaran sendiri mengatakan sekolah tidak boleh digunakan.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Dia Menteri Pelajaran, apabila nak bagi itu sebutlah sesuatu.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sumbangan itu tanggungjawab kerajaan tak kan tak faham Sg. Pelek.

**TUAN SPEAKER** : Jeram, Jeram, semua tenang, semua tenang, semua tenang. Batu Caves sila duduk tolong Bukit Antarabangsa, tolong semua duduk. Sg. Pelek pun duduk, Seri Muda pun duduk, semua duduk, semua duduk Speaker cakap sini. Bergaduh. Diam... Baik sekarang ni saya dah, saya bagi amaran, saya bagi amaran bahawa peraturan 41 pada Jeram, pada Batu Caves, pada Bukit Antarabangsa, kalau ini berlanjut saya akan arahkan mereka yang melanggar peraturan 41 keluar ya, Jeram, Batu Caves dan Bukit Antarabangsa. Silakan Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker, satu perkara lagi yang ingin Sg. Pelek sebut di dalam Sidang Dewan ini. Sidang Dewan tergempar pada 24 Januari 2011 yang lalu mengenai pelantikan SUK yang baru, ini satu lagi cara Kerajaan Negeri yang disifatkan banyak berpolitik untuk melaksanakan tanggungjawab yang sebenar. Kita sedia maklum di dalam Dewan ini, Ahli Dewan Negeri ini dari Pakatan Rakyat ada 35 orang, Ahli Dewan Negeri Barisan Nasional ada 21 orang memang usul itu tidak akan diluluskan dan usul itu dibawa juga ke Dewan ini. Rasa saya ini adalah salah satu cara bahawasanya politik di negeri Selangor yang diguna-gunakan selalu di dalam Dewan untuk memancing ikan. Memancing undi sorry. Memancing undi pada masa yang akan datang seolah-olahnya nak bagi tahu kepada rakyat negeri Selangor sokong,

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves bangun.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Saya nak teruskan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Nak teruskan, maksudnya nak bagi ke tak bagi, cakap dengan betul. Jangan bagi Speaker, teka..

**YB TUAN YAP EE WAH** : Tak bagi, terima kasih. So itu salah lagi contoh berpolitik, Tuan Speaker, dalam titah ucapan DYMM Sultan Selangor, yang menyentuh mengenai kerajaan hendaklah sentiasa melakukan perbelanjaan secara berhemah dan tidak pembaziran dan berbelanja secara tidak boros. Begitu juga apa yang disebutkan oleh Seri Serdang semalam yang disebutkan oleh Sg. Burong tadi dan Ahli Yang Berhormat daripada Kuang contoh-contoh yang sudah dikemukakan daripada mereka ini mengenai Yayasan Selangor . Laporan Audit daripada PKNS, Yayasan Selangor, saya tak nak ulang lagi bagi Sg. Pelek memang segala yang dicakapkan atau yang dibawa oleh Seri Serdang, Sg. Burong, Kuang, memanglah itu hakikat dan saya rasa pihak-pihak yang berkenaan seperti Kerajaan Negeri Selangor terutamanya YAB Menteri Besar kita haruslah mengambil langkah untuk mengatasi segala perbelanjaan yang disifatkan sebagai boros dan tidak bertanggungjawab. Ini juga apa yang disarankan oleh DYMM Sultan Selangor.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyentuh sedikit kepada apa yang pernah saya suarakan dalam Sidang Dewan yang lepas, mengenai geran individu Taman Murni Sepang. Sudah 3 tahun geran individu Taman Murni Sepang masih tidak diperolehi oleh pemilik hartaanah di Taman Murni Sepang. Pemaju sehingga sekarang tidak dapat memberikan geran dan 3 tahun selepas Pakatan Rakyat menerajui Kerajaan Negeri Selangor masih belum dapat memberikan geran tersebut kepada pemilik tanah. Saya difahamkan dan saya sama

juga duduk dalam Jawatankuasa Khas PADAT bahawa setiap pemilik rumah harta di Taman Murni yang mengandungi 444 unit

kedai termasuk rumah kediaman terpaksa bayar sekurang-kurang atau lebih kurang 500 ringgit untuk bayaran cukai tanah. Untuk makluman dewan, sebelum 3hb. Mac, 8hb. Mac tahun 2008 Kerajaan Barisan Nasional telah memaksa pemaju iaitu Sigma Development untuk membayar hampir 4 juta hampir empat ratus lebih ribu supaya geran individu ini dapat diselesaikan dan dikeluarkan kepada pemilik-pemilik hartanah di Taman Murni. Namun demikian sehingga sekarang saya difahamkan bahawa 500 ringgit yang dibayar oleh pemilik hartanah di Taman Murni memang dengan tidak rela hatinya ada yang memang nak bayar dan ada yang memang tak nak bayar dan ada yang tidak mampu bayar. Bagi Sungai Pelek ini memang merupakan tanggungjawab pemaju dan bukan memberatkan lagi beban kepada pemilik hartanah di Taman Murni Sepang. Jadi harapan saya kepada Kerajaan Negeri yang Jawatankuasa Khas PADAT sudah pun bermesyuarat, sudah pun menghantar keputusan atau cadangan kepada Kerajaan Negeri dan saya berharaplah Kerajaan Negeri akan mengambil proses yang tidak lama lagi kepada mereka-mereka yang sekian lama menunggu keputusan atau geran individu Taman Murni Sepang.

Tuan Speaker, sekali lagi Sungai Pelek mengucapkan terima kasih kerana di berikan peluang untuk Sungai Pelek mengambil bahagian dalam perbahasan sidang kali ini. Sekian terima kasih.

#### **TUAN SPEAKER : Seri Setia**

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Seri Setia ingin menjunjung kasih di atas titah ucapan DYMM Tuanku sempena majlis pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang Dewan Negeri Selangor Ke Dua belas. Pertama sekali Seri Setia merasakan sudah sampai masanya Kerajaan Negeri Selangor memainkan peranan untuk membincangkan semula federalisma yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan agar sesuai dengan keperluan abad ke 21. Banyak pembaharuan yang hendak diperkenalkan oleh Pakatan Rakyat pimpinan YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim di Selangor di halang prinsip federalisma yang sudah pun terhakis di Negara kita. Kita harus ingat bahawa Negara kita mendapat kemerdekaan sebagai sebuah Negara Persekutuan negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri selat. Cadangan Kerajaan Kesatuan menerusi Malayan Union yang diusulkan penjajah British di bantah dalam usaha memelihara kedudukan Raja-Raja Melayu dan identiti unik negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Semangat sama diteruskan apabila Persekutuan Malaysia di bentuk dengan Sabah, Sarawak dan Singapura pada tahun 1993. Namun meskipun kita satu-satunya Negara persekutuan di rantau ini. Hari ini realitinya kita mempunyai sistem pemerintahan yang paling dipusatkan. Segala isu daripada jenayah, pendidikan hatta kutipan sampah sekalipun diputuskan daripada Putrajaya sedangkan saya fikir negeri ataupun PBT lebih arif mengenainya. Malah dalam isu seperti JKJK yang berada di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dengan mudah membentuk JKKP. Ini jelas khianat kepada DYMM Sultan dan Kerajaan Negeri Selangor. Rakyat sendiri ramai yang tidak faham perbezaan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan ramai yang kecewa pasca 8 Mac 2008 apabila melihatkan Kerajaan Negeri tidak ada kuasa membatalkan tol lebuh raya mahu pun memperkenalkan gaji minima yang telah kita janjikan dalam pilihanraya umum yang lepas. Negeri Indonesia misalnya yang merupakan Negara Kesatuan sudah pun melalui proses **desentralisasi** selepas era reformasi 1998. Provinsi dan Kabupaten Indonesia pada hari ini mempunyai lebih banyak kuasa berbanding dengan negeri-negeri di Malaysia. Walau pun untuk mengatasi masalah ini bukanlah sesuatu yang mudah, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memulakan wacana dengan meluas bagi membincangkan bagaimana memartabatkan prinsip **federalisma** sesuai dengan abad ke 21. Tahun lepas Kerajaan Negeri

bersama-sama Majlis Peguam Malaysia telah melancarkan **Kempen Perlembagaanku** yang membincangkan hubungan Kerajaan Pusat Negeri. Baru-baru ini juga diadakan satu wacana ilmiah secara kerjasama antara Pejabat Penasihat Ekonomi dan MBSA yang mengundang Dato' Sri Anwar Ibrahim dan Profesor Dr. Aziz Bari dari UIA tentang isu federalisma. Saya masih ingat ketika satu forum bersama Tuan Speaker satu ketika dulu dimana beliau menyatakan kita seharusnya menilai kuasa Kerajaan Negeri dengan lebih meluas sesuai dengan hari ini. Mungkin Kerajaan Negeri boleh mengadakan lebih banyak forum dengan mengundang pakar-pakar akademik, badan-badan NGO dan rakyat yang ramai agar rakyat menyokong usaha menilai semula **federalisma** yang ada daripada kaca mata abad ke 21.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya terkejut mendengar pendedahan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa bahawa Majlis Perbandaran Selayang boleh menjadi tuan rumah satu program yang hanya menjemput wakil rakyat dan penyelaras parlimen atau DUN daripada Barisan Nasional dan tidak menghiraukan langsung wakil rakyat Pakatan Rakyat. Sekali pun jika program ini dianjurkan oleh Kementerian Kerajaan Pusat ini satu lagi bukti kejahilan tentang **federalisma** memandangkan Pakatan Rakyat juga mempunyai mandat daripada rakyat setempat. Pada tahun 2009 saya telah dijemput merasmikan Mesyuarat Agong Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya, namun pada waktu itu pihak hal ehwal pelajar UM cuba menyamar sebagai mahasiswa dengan menelefon saya dan memaklumkan program tersebut di batalkan. Apabila saya mendapat tahu perkara tersebut dan tetap ke program itu, pengawal keselamatan pula di arah untuk mengenal pasti kenderaan saya dan menyekat saya daripada masuk ke dalam kampus. Tetapi sebagai seorang wakil rakyat muda yang ingin meraikan jemputan mahasiswa, saya bersetuju bertemu mahasiswa di luar kampus kemudian memakai jaket mahasiswa dan membongceng di atas motosikal mahasiswa untuk seludup masuk ke dalam kampus. Bayangkan seorang Yang Berhormat yang sudah pun mendapat mandat rakyat terpaksa berbuat demikian untuk memenuhi jemputan mahasiswa. Tapi saya harus mengucapkan tahniah kepada pihak mahasiswa dan Universiti Islam Antarabangsa yang lebih matang. Mereka telah mengadakan siri forum ilmiah melibatkan kepimpinan politik Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dan NGO serta ahli akademik. Saya sendiri pernah bercakap di atas satu platform dengan YB Khairy Jamaluddin dan YB Datok Mukhriz Mahathir di UIA. Justeru saya berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat membawa budaya yang sama di dalam IPT-IPT milik Kerajaan Negeri khususnya Universiti Selangor UNISEL dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS. Kita jadikan IPT-IPT ini dari segi falsafahnya zon bebas akta universiti kolej universiti AUKU. Pertukaran nama Universiti Selangor menjadi Universiti Industri Selangor menjadi UNISEL ataupun Universiti Selangor adalah satu petanda baik untuk kita mulakan pembaharuan ini. Sesuai juga dengan penggantian Naib Chanselor penggantian Chanselor UNISEL daripada Datin Paduka Rosmah Mansor kepada Raja Tan Sri Dato' Sri Arshad Tun Uda sebagai satu petanda positif ke arah perubahan ini. Sememangnya pintu kedua-dua IPT ini sudah pun terbuka untuk pimpinan Pakatan Rakyat sejak 2008 tetapi biarlah kita pergi lebih jauh lagi dengan mengadakan siri forum ilmiah melibatkan Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional. Kita boleh jemput Yang Berhormat Taman Templer misalnya, Sri Serdang saya nak sebut tapi dia tak ada. Sungai Panjang untuk mereka datang berbincang secara ilmiah bersama wakil rakyat-wakil rakyat Pakatan Rakyat dan biar mahasiswa menilai sendiri apa yang terbaik untuk mereka. Saya tidak mahu Yang Berhormat Taman Templer terpaksa membongceng motosikal macam saya di Universiti Malaya dahulu. Kadar IPT Malaysia yang lesu akibatkekangan AUKU juga telah melihatkan ramai ahli akademik tempatan yang berkhidmat di luar Negara. Misalnya Profesor Azli Rahman pensyarah Universiti Utara Malaysia yang dipecat kerana enggan menandatangani aku janji dan kini tiada masalah berkhidmat di Universiti Colombia Amerika Syarikat. Kita juga ada seorang anak Gombak Syeikh Mohamad Afifi al Akiki yang kini merupakan pensyarah pengajian Islam di Universiti Oxford United Kingdom. Profesor Jomo K.S. yang pernah berkhidmat di Universiti Malaya dan

kini bersama Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu di Amerika Syarikat dan ramai lagi. Buat jangka masa pendek dalam usaha menjadikan IPT-IPT Selangor ini zon bebas AUKU, Seri Setia ingin menyarankan UNISEL dan KUIS mengadakan program-program akademik dengan tokoh-tokoh ini. Pada jangka masa panjang baik sekiranya UNISEL dan KUIS dapat melantik tokoh-tokoh seperti ini menjadi pensyarah sekali gus akan mengangkat martabat IPT-IPT Selangor.

Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian, DYMM Tuanku juga menyeru dalam titah baginda agar wakil rakyat membangkitkan kepentingan rakyat dalam projek-projek yang dilaksanakan termasuk aliran transit masa MRT. Seri Setia menganggap MRT ini walau pun pada falsafahnya satu projek yang baik tetapi pelaksanaannya sebagai satu projek mee segera yang dibuat tanpa tender dengan memintas proses-proses perundingan kerana pilihanraya umum semakin hampir sama ada tujuannya untuk membuktikan kepada rakyat Kerajaan Persekutuan bukan hanya bercakap kosong, atau sebagai sumber dana pilihanraya saya tidak tahu. Misalnya YB Nurul Izzah pernah mendedahkan sebuah syarikat Scomi kalau zaman Perdana Menteri kelima dahulu syarikat Scomi ini cukup naik namanya, tetapi sebab Perdana Menteri telah berganti, nama Scomi ini kita tidak kedengaran di Negara kita lagi. Scomi ada sebuah cadangan untuk membuat sistem projek transit dengan kos 25 bilion ringgit, 10 bilion lebih murah daripada cadangan Gamuda. Tetapi Kerajaan memilih cadangan MRT Gamuda. Adakah perbezaan terlalu besar ini untuk masuk kocek parti-parti politik tertentu. Projek mee segera ini bukan benda asing bagi BN sewaktu BN memegang Kerajaan Negeri Selangor mereka mengusahakan projek setinggan sifar semata-mata untuk memberi tanah yang luas kepada pemaju-pemaju yang menjadi kroni mereka. Kita masih ingat bagaimana penduduk Kampung Berembang yang satu ketika dahulu merupakan kubu kuat UMNO dihalau seolah-olah pendatang di negara sendiri pada zaman kerajaan yang lalu. Hasilnya flat-flat kos rendah yang dibina segera dan dalam keadaan yang menyediakan ini menjadi tempat rakyat kita tinggal. Seri Setia menanggung masalah ini memandangkan perobohan Kampung Ghandi dan Kampung Penaga di Jalan Klang Lama yang digantikan dengan Desa Mentari sehingga hari ini menimbulkan masalah. Ujud hampir empat ribu unit dengan dua puluh ribu penduduk di Desa Mentari sahaja yang hampir separuh daripada mereka Melayu dan separuh lagi India. Memandangkan kemudahan ibadat, dewan orang ramai dan taman rekreasi terlalu terhad, pelbagai masalah timbul. Bila masjid naik penduduk India panik akibat hasutan MIC. Bila sekolah Tamil naik penduduk Melayu pula panik akibat hasutan UMNO. Itulah politik Barisan Nasional.

Seri Setia menghargai pendekatan pro aktif kerajaan negeri khususnya Menteri Besar dan EXCO dari Cempaka yang memilih Desa Mentari antara kawasan yang menerima peruntukan 1.7 juta ringgit daripada Kerajaan Negeri untuk memperbaiki lif. DUN Seri Setia turut menerima faedah sumbangan cat oleh MBPJ dan PKNS bagi flat-flat kos rendah di Kampung Lindungan dalam PJS 8. Seri Setia berharap diujudkan satu badan bertanggungjawab membuat kajian jangka masa panjang bagaimana memperbaiki kemudahan dan keadaan diflat-flat kos rendah seperti Desa Mentari. PKNS misalnya telah mempunyai pengalaman yang luas dalam aspek ini dan kita perlu pendekatan yang lebih spesifik bukan lagi pendekatan *adhoc* bagi menangani keadaan dan masalah kehidupan di flat-flat ini secara jangka masa panjang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah jenayah adalah masalah asas yang dihadapi oleh semua rakyat. Rakyat berhak hidup bebas daripada ketakutan terhadap jenayah. Seri Setia sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan MBPJ atas inisiatif mengujudkan Polis Bantuan sekalipun di vitor oleh Kerajaan Persekutuan dan Bukit Aman. Sebagaimana yang dibangkitkan dalam pertanyaan di waktu padi tadi Seri Setia agak pelik bagaimana pemaju seperti Sunway boleh memperkenalkan Polis Bantuan di kawasan perumahan mereka

di kawasan DUN Subang Jaya jiran saya, tetapi Kerajaan Negeri tidak dibenarkan berbuat demikian. Beberapa bulan lepas wakil-wakil rakyat di Petaling Jaya di kejutkan dengan cadangan pihak-pihak tertentu di MPBJ untuk merobohkan pondok-pondok pengawal bagi komuniti berpagar yang dibina oleh penduduk sendiri kerana dikatakan tidak selaras dengan undang-undang. Alhamdulillahcadangan tersebut ditarik balik selepas bantahan keras daripada wakil-wakil rakyat. Di sini kita berharap sebarang undang-undang haruslah melihat realiti masyarakat dan logik apa yang dipanggil *commonsense* dengan izin bukan hitam putih perundangan semata-mata. Inisiatif penduduk tertentu mengurangkan jenayah dengan mengujudkan komuniti berpagar mestilah dipuji di dalam keadaan polis sendiri kekurangan anggota dan cadangan polis bantuan MPBJ tidak dapat dilaksanakan. Saya fikir jika polis tidak buang masa cuba menyoal siasat Bukit Antarabangsa, Batu Caves dan Hulu Klang mungkin mereka boleh mengatasi jenayah dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian,

Seri Setia ingin berkongsi keprihatinan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa untuk mengetahui status projek *High Bred Wireles Infrastructure Network Highwin* di Selangor yang diwar-warkan sebelum ini. Internet kini memainkan peranan amat penting khususnya bagi generasi muda yang biasa dengan *blog*, *facebook*, *twitter* dan peralatan Internet mudah alih seperti *Blackberry*, *Iphone* dan sebagainya. Seri Setia ingin berkongsi cadangan Bukit Antarabangsa mungkin kita boleh buat usul potong gaji bagi EXCO yang belum lagi mempunyai kemudahan-kemudahan ini. Kita melihat pertentangan antara media baru dan politik lama di Malaysia memandangkan rakyat sudah muak dengan propaganda parti dan perkauman yang melampau yang didendangkan media-media seperti Utusan Malaysia atau apa yang Sekinchan panggil utusan meloya dan juga TV3. Justeru tidak mengejutkan jika kita lihat peta tentang kepadatan akses Internet di Negeri Selangor dengan keputusan Pilihan Raya 2008 umumnya lagi tinggi penggunaan Internet, lagi lemah pengaruh Barisan Nasional di situ. Seri Setia ingin mengesyorkan sementara kita menanti *High Win* yang dikatakan hanya akan meliputi seluruh Selangor dalam tempoh 5 tahun lagi, Kerajaan Negeri mengusahakan kiosk-kiosk Internet bergerak mahupun di balai-balai raya di kawasan-kawasan di seluruh, di seluruh kawasan-kawasan luar bandar. Ini mungkin menggugat Barisan Nasional di kawasan-kawasan ini tetapi lebih penting lagi kita dapat mengatasi masalah jurang digital ataupun *digital divide* dengan izin yang memberikan dan memberikan peluang yang lebih baik kepada masyarakat luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Seri Setia juga ingin mengucapkan tahniah pada keputusan Kerajaan Negeri membatalkan pembangunan komersial di Taman Subang Ria yang sudah lama diperjuangkan jiran saya, Yang Berhormat Subang Jaya. Namun kita lihat dalam banyak projek-projek pembangunan di Negeri Selangor, wujud rungutan bahawa keputusan akhir lambat dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan. Tidak kira jawapannya ya, tidak, mahupun kelulusan bersyarat tetapi semua pihak sama ada penduduk, badan bukan Kerajaan mahupun pemaju mahukan jawapan yang segera. Kita tidak boleh kerap menangguhkan keputusan memandangkan keputusannya melibatkan banyak pihak dan kos yang tinggi. Sebagaimana yang dititahkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, masalah birokrasi Kerajaan tidak seharusnya menjadi penghalang kepada pembangunan yang lestari di Negeri Selangor. Sebelum ini Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengarahkan PKNS menyerahkan Tasik Kelana yang terletak di DUN Seri Setia kepada MBPJ untuk dikekalkan sebagai kemudahan rekreasi. Namun sehingga hari ini penduduk masih menunggu penyempurnaan penyerahan tersebut serta penggazetan Tasik Kelana. Seri Setia berharap penantian 3 tahun penduduk Kelana Jaya dapat berakhir.

Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian,

Seri Setia ingin mengucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Negeri kerana beberapa dasar pembaharuan yang diperkenalkan dasar-dasar seperti cuti bersalin 90 hari, dan hari tanpa beg plastik kini turut di ciplak oleh Kerajaan Pusat Barisan Nasional. Ternyata Selangor terus unggul memimpin perubahan. Justeru Seri Setia berharap pertimbangan yang dibuat oleh Seri Setia dalam ucapan pada petang ini dapat diambil serius oleh Kerajaan Negeri agar kita dapat terus memimpin perubahan. Seri Setia menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ia, Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Rawang untuk turut serta dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim serta barisan EXCO kerana berjaya meneruskan agenda perubahan ataupun *reform agenda* dengan izin dan melaksanakan dasar merakyatkan ekonomi Negeri Selangor yang menekankan kepedulian kepada rakyat. Walaupun kita tahu dalam tempoh 3 tahun ini kita menghadapi sekatan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Barisan Nasional dan juga serangan bertubi-tubi daripada media arus perdana pihak polis dan juga SPRM yang telah digunakan sebagai alat politik untuk menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor ini. Dasar merakyatkan ekonomi Negeri Selangor ini harus diteruskan dengan usaha bersepada daripada semua pihak bagi membantu rakyat daripada golongan yang memerlukan khasnya dalam Negeri Selangor ini tanpa mengira bangsa, kaum, agama serta latar belakang politik. Walaupun Menteri Dalam Negeri telah menolak tawaran Kerajaan Negeri Selangor untuk menempatkan polis bantuan bagi mengurangkan kadar jenayah dan menjaga keselamatan warga Negeri Selangor namun saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya menuahkan satu dana keselamatan yang khas di setiap PBT untuk membantu PBT khasnya untuk menambahkan ciri-ciri keselamatan seperti *sport light* dengan izin lampu jalan dan infrastruktur yang berkenaan melalui jawatankuasa bandar selamat. Dana ini juga harus terbuka kepada permohonan persatuan penduduk dan badan-badan NGO tempatan yang selama ini menjalankan usaha untuk menjaga keselamatan komuniti di tempat tinggal mereka masing-masing. Seumpamanya di Rawang, saya pernah mendapat permohonan daripada pihak Rukun Tetangga khasnya untuk mendapatkan peruntukan bagi hanya untuk membeli *walkie talkie*. Dan mereka begitu gembira apabila kita dibekalkan kelengkapan seperti ini untuk mereka memudahkan menjalankan rondaan. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan supaya jumlah itu yang hendak diberi kepada pihak polis bantuan yang setakat ini ditolak oleh pihak Menteri Dalam Negeri digunakan untuk pihak PBT menambahkan ciri-ciri keselamatan di kawasan PBT masing-masing.

Yang kedua, saya juga ingin menekankan yang mana dalam ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menekankan supaya Negeri Selangor menjadi terus negeri yang selesa didiami melalui penyampaian dan perkhidmatan yang cekap dengan memfokus konsep *Cleaner, Cleaner and Safest Selangor* iaitu sebuah negeri dengan persekitaran yang selamat, bersih dan menghijau. Aspek kebersihan memang merupakan satu aspek ataupun satu perkhidmatan asas yang sering menjadi pertikaian pembayar cukai di PBT masing-masing. Saya sendiri sebenarnya di Rawang juga selalu menerima aduan tentang pengutipan sampah yang tidak menepati waktu dan juga pembuangan sampah haram. Dengan ini saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri khasnya EXCO yang bertanggungjawab untuk

PBT supaya mewajibkan bahawa setiap PBT mendirikan papan tanda di setiap zon pembersihan dengan memaparkan nama, nombor hubungan dan juga syarikat yang bertanggungjawab dengan masa pengutipan sampah supaya pihak penduduk tempatan boleh sama-sama terlibat dalam memantau proses dan kerja pengutipan sampah ini. Dan kontraktor yang tidak mematuhi spek ataupun kerja dengan nilai kontrak yang diberikan haruslah ditamatkan perkhidmatan mereka kerana tidak menawarkan perkhidmatan yang sepatutnya kepada pembayar cukai. Dan saya juga ingin mencadangkan supaya konsep zon bersih itu ditukar menjadi satu konsep bukan sahaja bersih tetapi kita jadikan satu konsep zon mampan, dengan izin *sustainable* supaya kita bukan sahaja bersihkan sampah tetapi juga mengintegrasikan prinsip ataupun pemahaman tentang kitar semula tentang keprihatinan terhadap pembangunan alam sekitar di kawasan masing-masing dengan mewujudkan *sustainable zon* ini, dengan izin.

Dan akhir sekali saya juga ingin menekankan tentang perlunya satu kajian yang terperinci dalam perancangan dan pembangunan tempatan yang menekankan pembinaan dewan dan tempat rekreasi kepada penduduk-penduduk tempatan. Di kawasan-kawasan yang membangun dengan pesat seperti di Rawang, memang didapati kekurangan yang kompleks untuk golongan belia khasnya untuk menjalankan aktiviti, rekreasi dan sukan. Dan saya ingin mencadangkan juga supaya kompleks ataupun balai penghulu yang sedia ada ataupun balai penghulu yang akan dibina akan datang ditukar konsepnya menjadi kompleks penghulu supaya semua pusat-pusat ni boleh diintegrasikan dalam satu tempat dengan memasukkan pusat komuniti untuk golongan belia, pusat komuniti untuk golongan wanita, untuk golongan usia mesra emas dan juga untuk penghulu kita juga untuk menjalankan, untuk mereka menjalankan aktiviti masing-masing. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada sahabat-sahabat saya dari golongan wanita sebab ini merupakan sambutan ke 100 tahun untuk pada tahun ini untuk Hari Wanita Sedunia. Dan saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada EXCO untuk Jawatankuasa Wanita yang telah melaksanakan banyak dasar dan polisi yang *woman friendly* dengan izin, untuk golongan wanita yang menduduki dan mendiami di Negeri Selangor ini termasuk dengan pelancaran kempen OSCC One Stop Crisis Centre untuk memberi kesedaran kepada golongan wanita tentang saluran yang perlu dirujuk sekiranya menghadapi kes keganasan termasuk juga pelancaran polisi 90 hari cuti bersalin kepada golongan penjawat awam wanita dan juga 14 hari kepada suami yang mana isterinya bersalin. Tetapi saya ingin menyeru supaya polisi untuk cuti bersalin ini juga dipanjangkan dan diimplementasikan di semua GLC di Negeri Selangor ini. Supaya kita golongan wanita dan juga golongan suami juga khasnya boleh mendapat manfaat daripada polisi ini yang menjaga kebijakan wanita di Negeri Selangor ini. Dan saya juga ingin mencadangkan supaya satu buku panduan diberikan atau dibuat khasnya untuk golongan ibu tunggal sebab saya memandangkan banyak program-program yang telah dilaksanakan di bawah portfolio wanita ini yang akan memberi manfaat kepada golongan-golongan ibu tunggal khasnya yang selama ini memerlukan bantuan yang lebih daripada pihak Kerajaan. Kerana menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dan United Nasional Development, UNDP bagi pembangunan pelan tindakan nasional untuk ibu tunggal pada November 2010 ini menunjukkan 89% ibu tunggal adalah dikategorikan sebagai miskin dengan 66% adalah miskin tegar. Dan 13% ibu tunggal adalah tidak berpendidikan manakala 25% hanya mendapat pendidikan setakat sekolah rendah. Pendidikan menengah 60% dan hanya 2% sahaja yang berpeluang untuk mendapat pendidikan tinggi. Jadi ini adalah cadangan yang saya ingin bawakan. Dan untuk aspek pendidikan juga saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa supaya satu pelan perancangan pendidikan untuk sekolah vokasional khasnya diadakan dan satu pelan yang lebih proaktif perancangan di keseluruhan di Negeri Selangor harus dikaji dengan mengambil kira keperluan untuk sekolah-sekolah Cina, untuk Sekolah Tamil dan Sekolah Agama Rakyat sejajar dengan pembangunan di kawasan

masing-masing bagi memenuhi keperluan pertambahan komuniti tempat di sesuatu kawasan tersebut.

Rawang juga ingin menyentuh sedikit tentang usaha Kerajaan untuk memberi wifi percuma kepada semua rakyat di Negeri Selangor ini. Saya amat bersetuju dengan usaha yang proaktif ini dan saya ingin bertanya tentang status pusat info desa yang selama ini diwujudkan di JKJKK di Negeri Selangor ini. Pusat ini sebenarnya adalah amat baik untuk memainkan peranan sebagai satu pusat untuk penduduk kampung dan mereka yang duduk berdekatan untuk menjalankan kelas-kelas komputer ataupun aktiviti-aktiviti yang berdekatan dengan informasi teknologi. Dan saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk memberi komputer secara percuma kepada budak-budak kecil yang berasal daripada keluarga yang kurang mampu supaya kita boleh menaiktarafkan dan juga status informasi, pencapaian informasi ini sejajar dengan status Negeri Selangor sebagai negeri yang maju. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini dengan menekan dan mengucapkan selamat tahniah dan syabas kepada Pejabat Tanah di seluruh Negeri Selangor kerana dalam ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Tuanku juga menunjukkan bahawa kutipan tanah, hasil tanah di Negeri Selangor telah meningkat daripada 75% kepada 80%. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula insentif yang diberikan kepada setiap Pejabat Tanah setakat ini memandangkan prestasi pegawai-pegawai telah meningkat dan hasil kutipan cukai telah meningkat. Khasnya untuk Pejabat Tanah Daerah Gombak, selama ini mereka telah bertungkus-lumus untuk menyelesaikan untuk isu geran tanah yang telah begitu lama kelmarin di Kampung Indian Settlement di Batu Caves, Kampung Kundang, Kampung Batu Arang dan akan datang di Kampung Sungai Kundang, di Rawang. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh mengkaji insentif yang diberikan dan juga mengkaji jumlah bilangan S.O., Surveyer Officer yang ada di setiap Pejabat Tanah memandangkan kerja yang begitu agresif yang dijalankan setakat ini untuk menyelesaikan isu permohonan tanah yang telah lama tertangguh untuk beberapa tahun dan akhir sekali Rawang juga ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian pihak Kerajaan Negeri terhadap pembangunan infra khasnya jalan di kawasan Rawang untuk menyelesaikan isu kesesakan jalan. Ada satu jalan iaitu FT3209 setelah Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah, memang tiada peruntukan yang diberikan sebab ini adalah satu jalan di bawah JKR di bawah Kerajaan Persekutuan. Tetapi saya memohon kalau boleh pihak Kerajaan boleh memperuntukkan satu dana yang khas untuk melebarkan jalan itu. Sebab jalan itu memang sekiranya dilebarkan akan menyelesaikan majoriti isu kesesakan lalu-lintas di Rawang termasuk di kawasan La Frage sebenarnya *botanic* ini di kawasan La Frage satu kilang simen yang besar di Rawang dan juga untuk penduduk-penduduk dan sekolah-sekolah yang terletak berdekatan dengan *botanic* tersebut, dengan izin. Dan sebenarnya Yang Berhormat daripada Gombak Setia telah turun sendiri untuk tengok keadaan di situ dan saya difahamkan satu *proposal* dengan izin, satu cadangan telah diberikan tetapi saya berharap dalam tahun ini pihak Kerajaan boleh ambil keprihatinan terhadap keperluan penduduk di Rawang ini untuk hidup dalam satu keadaan yang lebih selesa tanpa dengan kesesakan jalan yang begitu teruk di DUN Rawang ini. Dengan itu saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Ia, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Oleh sebab urusan Dewan ini masih panjang, ramai lagi yang hendak berucap, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya dengan ini mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :

Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan hari ini sehingga jam 6.00 petang.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Hari ini cuma saya seorang yang bertugas. Saya rasa kita ada satu lebih dari satu setengah jam. Maka dengan ini saya tangguhkan untuk 15 minit untuk Yang Berhormat berehat. Jadi kita kembali 15 minit selepas ini. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.17 petang)**

**TUAN SPEAKER** : Dewan sambung semula. Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Assalammualaikum Wrt. Wbt. Salam sejahtera, salam satu Malaysia. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Paya Jaras mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di dalam Dewan yang mulia ini. Titah ucapan dan harapan Duli Yang Maha Mulia Sultan sentiasa menekankan bahawa kepada Pentadbiran Kerajaan yang berintegriti telus bertanggungjawab dan mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat, Negeri Selangor hendaklah menjadi landasan kepada pentadbiran kepimpinan parti dan Kerajaan Pakatan Pembangkang Negeri Selangor. Tetapi apa yang berlaku dalam tempoh 3 tahun Kerajaan Pakatan Rakyat sanggup mendukacitakan. Salah satu Isu yang sedang mendapat perhatian rakyat ialah pembangunan ICT Shah Alam dan sikap Kerajaan yang Pro Pemaju. Tuan Speaker sebenarnya dasar perancangan dan pembangunan ICT Shah Alam Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. Kg. Tunku bangun.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Biarlah saya baca dulu barulah. Baru nak mula

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Sikit sahaja.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Kalau boleh biar saya baca kemudian saya beri laluan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Bahagian yang saya hendak tanya tadi sudah habis.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Baru *introduction*.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Bahagian yang saya hendak tanya sudah habis. Jadi saya hendak bertanya bahagian yang sudah habis.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Bahagian apa tadi.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Bahagian yang sudah diucapkan tadi Oleh Yang Berhormat tadi sudah habis. Jadi saya nak tanya bahagian yang sudah habis.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Baru nak baca dah jadi macam ini. Tak apa saya beri laluan. Tapi lain kali jangan banyak macam ni.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tadi Yang Berhormat cakap tadi bahawa satu konsep yang saya tidak pernah dengar iaitu konsep kerajaan Pembangkang. Saya tidak pasti Kerajaan apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Kalau Kerajaan, Kerajaan. Kalau Pembangkang, Pembangkang. Siapa Kerajaan, siapa Pembangkang.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Saya berkata Kerajaan Pakatan Pembangkang Negeri Selangor.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Kalau Kerajaan, Kerajaan.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Negeri Selangor.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Kami Kerajaan. Yang Berhormat Pembangkang.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Memang kami Pembangkang. Di Selangor.....

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Selangor Kerajaan. Kerajaan Pakatan Rakyat. Kerajaan Barisan Nasional. Yang berhormat Pembangkang.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT Johor** : Kerajaan Barisan Nasional adalah Pembangkang di Negeri Selangor tetapi di Malaysia Pembangkang.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tapi kita di Negeri Selangor.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Ayat yang kedua saya cakap Pakatan Rakyat. Saya sudah sebut tadi.

**TUAN SPEAKER** : O.Klah cukup, cukup. Dah bagi rehat pun masih lagi bercelaru. Macam mana ni.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Sebab rehatlah jadi macam ini. Tetapi terima kasihlah. Sebenarnya dasar Perancangan dan pembangunan ICT Shah Alam Selangor telah dimuktamadkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum Pilihan Raya bulan 12 dahulu. Apa yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ialah untuk memantau perlaksanaan pembangunan ICT berdasarkan dengan persetujuan yang telah pun dicapai oleh semua pihak yang berkepentingan iaitu Kerajaan Negeri, Perbadanan Kerajaan Negeri Selangor (PKNS), Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Pemaju tanah itu sendiri memajukan tanah itu sendiri iaitu Sumber Wang Development Sdn. Bhd. Di antara perkara-perkara penting yang telah dipersetujui bersama adalah seperti berikut:

- i. Kerajaan Negeri dan MBSA bersetuju dengan permohonan Pihak Pemaju untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai Pusat Perniagaan dan Institusi dengan nama ICT Selangor.
- ii. Pemaju tidak perlu membina rumah-rumah kos rendah di kawasan tersebut bagi menempatkan bekas pekerja-pekerja Mindland yang tinggal di kawasan projek ICT.
- iii. Kerajaan Negeri melalui PKNS, akan membina dan merizabkan rumah-rumah kos rendah di Seksyen 7, Shah Alam di tanah PKNS yang berhampiran untuk dijual kepada Pekerja-pekerja Ladang Mindland yang tinggal di kawasan ICT dengan harga subsidi yang ditanggung bersama oleh PKNS dan Pemaju. Ini bermakna Pemaju dapat mengurangkan kos kerana tidak perlu membina rumah-rumah kos rendah.
- iv. Kerajaan Negeri melalui PKNS juga akan memindahkan Sekolah Rendah Tamil yang berada di situ di sebahagian tanah ICT dan sebahagian kawasan padang awam di Seksyen 7, Shah Alam buat sementara waktu. Dan seterusnya membina sementara Sekolah Tamil perbelanjaan lebih kurang RM200,000. Sekolah Tamil tersebut kemudian akan dipindahkan ke tapak kawasan din ICT seluas lebih kurang 4 ekar. Apabila tapak tersebut telah disiapkan dan telah ada peruntukan untuk pembinaan sekolah tersebut. Mesyuarat EXCO MTES bil. 17 2006 yang telah diadakan pada 25 Julai 2006 telah mengekalkan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf Sekolah Tamil kepada Sekolah Bestari Tamil (*Tamil Smart School*) dengan izin.
- v. PKNS dengan kerja sama MBSA akan memindahkan pekerja-pekerja ladang tersebut apabila rumah-rumah Kos Rendah PKNS telah disiapkan.
- vi. Pembinaan unit-unit Kedai Kos Rendah dibina bersama-sama dengan unit-unit yang lain tertakluk kepada semakan PTG Selangor berkaitan dengan hak milik Strata.
- vii. Kerajaan Negeri dan MBSA tidak ada halangan untuk meluluskan pada dasarnya pembinaan satu persimpangan bertingkat berhampiran dengan tol Sg. Rasa yang dimohon Pemaju ICT untuk menghubungkan lebuh raya Persekutuan ke ICT Selangor dengan dua (2) syarat penting seperti berikut:
  - a) Pihak Pemaju hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM)
  - b) Pembinaan persimpangan bertingkat hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh Pihak Pemaju kerana persimpangan bertingkat adalah khas untuk kegunaan ICT Selangor sahaja.

Syarat-syarat ini juga yang telah dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat-syarikat Pemaju di Negeri Selangor termasuk PKNS. Milik Kerajaan Negeri. Contohnya 3 persimpangan bulatan yang menghubung Lebuh Raya Persekutuan ke Bandar Shah Alam dan persimpangan bertingkat di Negeri Selangor *Science Park* oleh PKNS.

Kedua persimpangan di Kota Kemuning Bukit Rimau Lebuh Raya KESAS. Kedua-dua syarat tersebut juga telah dipersetujui oleh Pemaju ICT Selangor apabila permohonan tersebut di kemukakan kepada Kerajaan Barisan Nasional dahulu dan MBSA.

Tuan Speaker, pada 5 Julai, 2010, Pengerusi tetap Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Kajian dan Penyelidikan Negeri Yang Berhormat ADUN Pandamaran telah membuat kenyataan akhbar bahawa 1 persimpangan bertingkat dengan kos yang dianggarkan bernilai RM50 juta akan dibina di Plaza Sg. Rasau yang menghubungkan dengan Bandar ICT di Seksyen 7 Shah Alam. Pembinaan tersebut akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor dan dijangka siap dalam tempoh 3 tahun.

Bagaimanapun pembinaan simpang tersebut masih di peringkat perancangan kerana peruntukan tersebut perlu mendapat kelulusan Dewan Undang Negeri Selangor. Permohonan untuk mendapat peruntukan RM50 juta tidak dibawa di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada bulan Julai 2010. saya menunggu juga bajet 2010 pada bulan November tetapi tidak juga diberi peruntukan oleh Kerajaan. Malah *token work* pun tidak diperuntukkan. Saya merasa lega dengan keputusan tersebut. Tetapi saya sekarang difahamkan bahawa Pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PKNS dan MBSA akan memberi sumbangan besar dalam pembinaan persimpangan tersebut akan dimulakan pada tahun ini. Berdasarkan kepada latar belakang dan asas-asas kelulusan projek ICT tersebut, saya bersetuju supaya projek persimpangan bertingkat tersebut diteruskan tetapi tidak bersetuju dengan kos projek tersebut yang dianggarkan lebih kurang 50 juta dibiayai oleh sumbangan Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Shah Alam, PKNS dan Pemaju sendiri.

Saya difahamkan sebahagian besar daripada jumlah tersebut akan ditanggung bersama Kerajaan Negeri, PKNS dan MBSA. Apa rasionalnya terutamanya MBSA membuat sumbangan. Sedangkan kedudukan kewangan MBSA tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan asas kepada pembayar-pembayar cukai MBSA. Demi Ketulusan saya mohon Kerajaan Negeri memberi butir-butir penuh mengenai sumbangan pihak-pihak yang berkaitan. Bantahan saya adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- 1) Projek tersebut adalah untuk kepentingan dan faedah sepenuhnya kepada ICT Selangor dan pemilik-pemilik hartaanah-hartaanah di kawasan tersebut yang sepatutnya dibiayai oleh Pemaju dan bukan oleh rakyat Negeri Selangor. Saya tidak bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Pengerusi Tetap Kerajaan Tempatan Yang Berhormat ADUN Pandamaran seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 5 Julai 2010. Bahawa projek tersebut menjadi laluan pilihan kepada pengguna untuk memasuki Shah Alam. Selain dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Seksyen 7, Shah Alam. Untuk masuk ke Seksyen 7, Shah Alam tidak perlu melalui persimpangan ini kerana ada lagi tiga jalan yang ada sekarang sudah mencukupi. Dan tidak mendatangkan masalah walau pun adanya pembangunan baru yang berlaku di Seksyen 7.
- 2) Daripada lebuh raya NKVE, Bukit Raja dan banyak lagi jalan-jalan masuk dari Seksyen 2 dan 8. Cuba tengok pelan ini persimpangan bertingkat hanya untuk masuk ke ICT. Penduduk Seksyen 7 boleh masuk dari dua jalan di Seksyen 7, Shah Alam seperti yang diperkatakan tadi.
- 3) Keduanya, kelulusan ini jika dijadikan dasar Kerajaan akan menjadi ikutan dan presiden dengan izin kepada projek-projek swasta di masa akan datang. Ini akan membebankan Kerajaan dan rakyat Negeri Selangor pada keseluruhannya. Wang RM 50 juta boleh digunakan untuk kepentingan rakyat di kawasan-kawasan lain. Mana janji Kerajaan Pakatan Rakyat untuk kebajikan rakyat Selangor, ini untuk kebajikan pemaju sahaja.

- 4) Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor telah banyak memberikan kemudahan dan pengecualian kepada ICT Berhad. Memandangkan projek ini memang memberi faedah kepada Negeri Selangor dan Shah Alam. Cukuplah dengan apa yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor. Saya juga tidak bersetuju dengan dakwaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Dalam Berita Selangor.com pada 2 November 2009 bahawa Kerajaan Negeri Barisan telah mengenakan beban yang sangat besar kepada pemaju. Sedangkan banyak kemudahan dan pengecualian yang telah diberikan kepada ICT. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sepatutnya mengambil kira sejarah perancangan dan pembangunan ICT sejak tahun 1995 lagi. Nampaknya Yang Amat Berhormat Menteri Besar lebih bersimpati dengan pemaju daripada kepentingan rakyat terutamanya penduduk-penduduk Shah Alam.
- 5) Persetujuan Kerajaan Negeri untuk membiayai projek tersebut sepenuhnya adalah satu lagi bukti bahawa Kerajaan Negeri melindungi dan membantu salah satu kroninya iaitu Air Berhad. Di antara kemudahan-kemudahan yang telah disokong diberikan kelulusan kepada Air Berhad ialah seperti berikut:
  - a) Membatalkan projek Sekolah Tamil seluas 4 ekar di ICT, yang boleh menguntukkan pemaju sekurang-kurangnya 17 juta ringgit. Harga tanah yang lebih dari itu pendapatan projek pembangunan komersil di kawasan tersebut.
  - b) Pemilihan kontraktor Air Berhad melalui Westset Water Air Berhad Konsortium sebagai salah satu kontraktor yang akan melaksanakan projek pembangunan Sg. Klang yang keseluruhannya bernilai 50 bilion.
  - c) Membaiyai beberapa projek promosi ICT melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan MBSA yang sepatutnya dibaiyai oleh pihak pemaju. SSIC Selangor State Investment Center berpindah dari bangunan MBSA dan menyewa ruang pejabat di ICT walau pun Menara MBSA adalah milik Kerajaan Negeri.

Apa keistimewaan Air Berhad. Cuba siasat akaun ICT Berhad. Adakah kos 50 juta ini akan akhirnya dimasukkan sebagai kos yang ditanggung oleh pembeli atau kalau keuntungan ini diluluskan dan kemudian dikenakan sebagai kos yang ditanggung oleh pembeli. Ini bermakna 50 juta ini akan menjadi tanggungan atas angin kepada pemaju. Isu ini sangat jelas. Peruntukan besar sumbangan Kerajaan adalah untuk kepentingan pemaju. Bukan rakyat. Ini merupakan satu rompakan siang hari duit rakyat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Jangan bodoh-bodohkan rakyat dengan alasan yang tidak masuk akal. Maka melalui Dewan yang mulia ini saya mendesak pihak Kerajaan bersama-sama dengan PKNS, MBSA membataalkan keputusan untuk membiayai projek tersebut. Jika Kerajaan meneruskan pembinaan projek tersebut adalah terbukti Kerajaan membelakangkan kepentingan rakyat dan mengutamakan pihak pemaju yang telah banyak mendapat kemudahan Kerajaan Negeri. Tuan Speaker. Saya juga ingin membangkitkan kedudukan Sekolah Tamil Bistari di kawasan ICT Shah Alam yang sebenarnya masih menjadi isu besar penduduk Seksyen 7 Shah Alam. Keputusan Kerajaan Negeri membataalkan perizinan tanah seluas 4 ekar untuk Sekolah Rendah Tamil dan mengambil sebahagian besar tanah padang awam di Seksyen 7 merupakan satu keputusan yang tidak bertanggungjawab. Membelakangkan kepentingan rakyat. Tidak munasabah dan membelaikan sejarah perancangan dan pembangunan projek tersebut. Pada tahun 1996 Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan tukar syarat tanah tersebut daripada Sumur Wang Development Sdn. Bhd., untuk pembangunan bercampur. Dan salah satu syarat yang telah ditetapkan ialah pihak pemaju hendaklah menyediakan tapak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil seluas lebih kurang 4 ekar bagi mengantikan sekolah yang sedia ada yang

terletak di sebahagian kawasan ICT. Keputusan ini telah dikekalkan di dalam Mesyuarat MTES 17 / 2006 pada 25 Julai 2005 malahan menaikkan taraf kepada Sekolah Bistari Tamil. Walau pun Kerajaan Negeri mendakwa bahawa Sekolah Tamil di Seksyen 7 adalah paling sesuai kerana kedudukannya yang berhampiran dengan rumah-rumah pangsa Seksyen 7 yang mana majoriti bekas pekerja Ladang Midfield sekarang tinggal dipersejutui oleh mereka. Bagaimana pula dengan bantahan penduduk-penduduk di Seksyen 7 yang akan kehilangan besar padang permainan. MBSA sudah mengadakan pendengaran awam. Apa keputusannya. Dengan membekalkan rizab 4 ekar ini pemaju boleh jual tanah tersebut bernilai sekurang-kurangnya 70 juta ringgit sedangkan pihak pemaju telah bersetuju merizabkan tanah tersebut untuk Sekolah Tamil. Saya difahamkan pihak pemaju telah memberi sumbangan sebanyak 3 juta untuk pembinaan Sekolah Tamil di Seksyen 7, Shah Alam. Jumlah 3 juta sepatutnya sangatlah kecil jika dibandingkan dengan nilai 70 juta tanah tersebut. Keputusan-keputusan Kerajaan Negeri untuk membatalkan perizinan tanah 4 ekar Sekolah Tamil dan pengambilan sebahagian besar padang awam di Seksyen 7 telah memberi kesan dan implikasi berikut:

- 1) Masyarakat India di Seksyen 7 dan Shah Alam keseluruhannya akan kehilangan satu tapak yang begitu strategik di kawasan multimedia ICT Selangor Shah Alam. Tapak ini bernilai tinggi kerana mempunyai status pegangan bebas dengan anggaran nilai lebih kurang 17 juta masa ini.
- 2) Projek Sekolah Bistari ini akan menjadi model dan kebanggaan masyarakat India bukan sahaja di Shah Alam tetapi di seluruh Negara. Pendirian Kerajaan Negeri bahawa pembinaan Sekolah Tamil tersebut di kawasan ICT Shah Alam akan menjelaskan pihak pelabur luar Negara adalah tidak berasas dan merupakan satu penghinaan kepada pembangunan Sekolah Tamil tersebut.
- 3) Pengekalan Sekolah Tamil sementara di kawasan padang Seksyen 7, Shah Alam dan pembesaran kawasan Sekolah Tamil sehingga 4 ekar daripada luas 7 ekar akan merampas hak dan kemudahan padang riadah bagi penduduk di Seksyen 7, Shah Alam. Kawasan Seksyen 7 merupakan kawasan yang terbesar di Shah Alam dan inilah sahaja padang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan PKNS di kawasan tersebut.
- 4) Penduduk-penduduk di Seksyen 7, Shah Alam telah membuat bantahan mengenai keputusan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih sebahagian besar tanah tersebut bagi tapak Sekolah Tamil kerana sudah ada tempat yang lebih strategik di kawasan ICT Shah Alam.
- 5) Pihak pemaju akan mendapat keuntungan berganda dengan keputusan tersebut berdasarkan kepada butir-butir berikut:
  - a) Keuntungan besar daripada pembangunan kawasan 4 ekar projek Sekolah Tamil untuk pembangunan komersil.
  - b) Penjimatan peringkat awal kelulusan kawasan tersebut kerana tidak perlu membina rumah kos rendah pembayaran pemindahan dan pemindahan Sekolah Tamil sementara di Seksyen 7, dan kos pemindahan pekerja-pekerja Ladang Midland yang ditanggung oleh PKNS sendiri.
- 6) Keputusan Kerajaan Negeri sekarang telah banyak menguntungkan pihak pemaju tanpa mengambil kira kepentingan rakyat yang akan hilang pertamanya tapak Sekolah Tamil Bestari, kedua tapak padang awam 11.7 ekar di Seksyen 7, Shah Alam. Walau pun

Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan muktamad untuk meneruskan pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil Ladang Midland di sebahagian kawasan padang Seksyen 7, Shah Alam, penduduk-penduduk Seksyen 7 tetap membantah keputusan tersebut. Kerajaan Negeri mendakwa bahawa bekas penduduk-penduduk Ladang Midland yang sekarang tinggal di Seksyen 7 bersetuju dengan keputusan tersebut. Tetapi mereka telah dikelirukan dengan fakta sebenar dan mungkin terdesak untuk menyelesaikan isu Sekolah Tamil tersebut dengan segera.

Berdasarkan fakta-fakta di atas terutama latar belakang perancangan dan pembangunan projek ICT tersebut dakwaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dalam berita Selangorkini.com bertarikh 2 November 2009 bahawa Kerajaan Negeri Barisan Nasional telah mengenakan beban yang sangat besar kepada pemaju telah adalah tidak tepat dan sangat mengelirukan. Dalam konteks ini nampaknya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor lebih bersimpati kepada pemaju yang telah dapat banyak keistimewaan dan kemudahan dan terang-terangan telah membelakangkan kepentingan yang terlibat di Shah Alam.

Tuan Speaker. Akhir sekali saya ingin membangkitkan semula isu penyelesaian pinjaman Talam Corporation seperti yang saya pernah bangkitkan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang lalu. Penyelesaian isu hutang Talam adalah satu penyalahgunaan kuasa Kerajaan Negeri untuk menyelamatkan kroni Kerajaan. Analisa Ketua Audit Negeri 2009 mendapati bahawa salah satu punca utama peningkatan ketara perbelanjaan mengurus adalah disebabkan pemberian geran kepada MBI bagi pembelian hutang syarat Talam kepada SSIC berjumlah 391 juta 391.99 juta. Rakyat ingin mengetahui perkembangan dan kemajuan penyelesaian isu pinjaman Talam Corporation. Berapakah jumlah dan nilai asset-asset sebenarnya Talam Corporation yang telah dijual atau masih dipegang oleh MBI. Senaraikan secara terperinci untuk pengetahuan rakyat. Berapakah jumlah aset yang telah diperolehi dalam bentuk tunai melalui penjualan aset-aset tersebut. Berapakah yang telah digunakan untuk Program Merakyatkan Ekonomi Selangor seperti yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sehingga hari ini mengapa Kerajaan belum lagi mengeluarkan kertas putih seperti yang telah dijanjikan dalam Dewan Yang Mulia ini. Dengan ini saya mendesak Kerajaan untuk memberikan penjelasan perhubungan berhubungan dengan isu ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker. Isu-isu yang saya bangkitkan di atas jelas membuktikan bahawa dalam tempoh tiga tahun pemerintahan Pakatan Rakyat gagal memenuhi janji-janji untuk mewujudkan satu urus tadbir yang berwibawa, telus, bertanggungjawab dan bertentangan dengan janji-janji mereka untuk mengutamakan kepentingan dan kebajikan rakyat Selangor. Saya harap Kerajaan Negeri akan mengambil serius titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang selalu menekankan urus tadbir baik dan kami di pihak ADUN-ADUN BN akan sentiasa memantau sejauh manakah Kerajaan Negeri menghormati dan memenuhi harapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, Paya Jaras menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Subang Jaya

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Subang Jaya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Perbahasan saya kali akan memberi *focus basic to basic* dengan izin kerana inilah masalah yang dihadapi oleh kebanyakan kawasan DUN di Selangor. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah bertitah bahawa penyampaian perkhidmatan awam yang cekap sangat penting untuk memastikan konsep *cleaner, greener and safer* Selangor tercapai. Zon-zon bersih telah pun dikenal pasti oleh PBT. Tetapi

seharusnya semua kawasan di Selangor harus diberi target sebagai zon bersih dan bukan sesetengah kawasan sahaja. Jika ada satu bidang kuasa yang mempunyai banyak ruang untuk diperbaiki, ia sememangnya bahagian perkhidmatan bandar di bawah pentadbiran PBT. Tuan Speaker. Saya sering kali dimaklumkan oleh penduduk dan Ahli Majlis di kawasan Subang Jaya, USJ dan Bandar Sunway bahawa kes pembuangan sampah haram *illegal dumping* dengan izin masih berlaku terutamanya di kawasan perumahan. Perkara ini telah dibawa ke setiap *town hall meeting* atau pun program mesra rakyat bersama penduduk dan mereka selalu diingati supaya tidak membuang sampah di merata-rata. Ini yang ada di tepi jalan perabot lama, kotak-kotak dan sampah kebun atau pun *garden waste* dengan izin. *Garden waste* ini berlaku kerana ramai penduduk tidak tahu mengenai skop kerja kontraktor. Perkara ini sudah banyak kali diberitahu kepada Jabatan Perkhidmatan Bandar MBSJ. Bila saya membuat aduan tindakan diambil tetapi tiada usaha untuk memastikan perkara ini tidak berulang. Tidak ada inisiatif atau pun *preventive measure* untuk mendidik penduduk. Tindakan penguatkuasaan juga tidak diambil. Apa gunanya mempunyai *supervisor* jika kerja-kerja pemantauan tidak dibuat setiap hari dan bergantung kepada aduan untuk pengambilan tindakan. Saya meminta Datuk Bandar dan YDP untuk memberi fokus terhadap masalah ini. Saya juga menyeru Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah menyelaraskan usaha mendidik rakyat Selangor. Satu langkah praktikal yang boleh diambil oleh semua PBT ialah dengan mengepilkhan risalah mengenai pengutipan sampah dan saman yang boleh dikenakan bersama bil cukai taksiran setiap tahun. Ini tidak akan menelan kos yang tinggi. Dan selepas langkah ini diambil tiada penduduk yang boleh mendakwa bahawa mereka tidak tahu mengenai peraturan atau pun skop yang sedia ada dan tindakan tegas boleh diambil terhadap mereka yang terus membuang sampah haram. Saya yakin dengan adanya tindakan penguatkuasaan dan kerja pemantauan yang cekap masalah *illegal dumping* ini boleh ditangani.

Tuan Speaker. Isu kedua yang ingin saya bawa ialah mengenai kes pencantasan pokok. Baru-baru ini pada 14 Mac 2011 di kawasan DUN Subang Jaya satu kemalangan telah berlaku akibat tertumbangnya pokok besar di Persiaran Kewajipan semasa hujan lebat. Mengikut makluman yang telah diberikan oleh PBT kemalangan ini telah menyebabkan mangsa patah tengkorak. Saya faham, kadang-kadang memang cuaca tidak boleh dijangka. Tetapi sekali lagi saya ingin tegaskan *preventive measures* harus diambil untuk mengurangkan risiko berlakunya perkara sedemikian. Tuan Speaker, satu lagi contoh di kawasan PJS 9 Bandar Sunway. Pokok besar tidak sering dicantas menyebabkan kebakaran hampir berlaku kerana pokok dan wayar atau pun kabel TNB bertindih. Di PJS 7 pula, satu aduan kes pencantasan pokok perlu menunggu berbulan-bulan lamanya kerana pelantikan kontraktor. Sudah tiba masanya PBT mempunyai *responsive* sendiri yang boleh melakukan kerja-kerja *basic* seperti ini dalam masa 24 jam dan tidak menunggu pelantikan kontraktor.

Tuan Speaker, isu ketiga, masalah tikus, lipas dan burung gagak. Saya percaya ini bukan saya di SS 15, Subang Jaya, tetapi di kawasan pentadbiran PBT yang lain. Merujuk kepada satu insiden di Klang, bulan Februari yang lalu, di mana tikus yang mati dijumpai terapung dalam perkakas simpanan minyak. Selain daripada menghentikan operasi restoran-restoran kotor, saya berpendapat PBT seharusnya membuat *beating* ataupun langkah lain yang berkesan untuk melawan haiwan perosak yang boleh membahayakan kesihatan rakyat. Isu bajet tidak harus digunakan sebagai alasan kerana ini melibatkan kesihatan penduduk dan menjadi tanggungjawab PBT untuk memantau kebersihan kawasan pentadbiran. Fokus utama PBT harus tertumpu pada keperluan ‘*back to basic*’ dan elakkan membuat bisnes atau program yang sekunder, dengan izin ‘*secondary in-nature*’. Kalau boleh saya menyeru EXCO Kesihatan supaya memastikan keperluan ini dijaga oleh setiap PBT.

Tuan Speaker, isu keempat, pembersihan longkang-longkang dan padang orang ramai. Ribut dan hujan di kawasan Lembah Kelang semakin menakutkan. Untuk mengelakkan banjir daripada berlaku sekali lagi pemantau oleh PBT mesti dijalankan dengan tekun. Kontraktor yang tidak mampu membersihkan longkang-longkang kerana tidak mempunyai tenaga kerja dan perkakas yang mencukupi, mesti ditamatkan kontrak mereka. Bayangkan jika Alam Flora yang besar syarikatnya hanya mempunyai 2 kenderaan jetnya untuk pembersihan longkang di seluruh Selangor seperti yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa semalam, bagaimana pula dengan kontraktor yang lain. DYMM Sultan juga mengingati bahawa masalah birokrasi kerajaan tidak harus menjadi penghalang berterusan kepada manfaat bagi rakyat dan jika perlu pengubahsuaian sistem pentadbiran kerajaan boleh diperkenalkan untuk menangani masalah. Penjawat awam mesti kembali merenung semula peranan besar mereka dalam menggerakkan pembangunan negeri dan tidak mengambil sikap selesa kerana mereka merupakan barisan depan pelaksanaan dasar dengan izin, *front liners*. Satu langkah praktikal yang boleh diambil ialah membuka lebih banyak kaunter servis di PBT. Kadang-kadang saya membuat *sport check* di MPSJ dan saya boleh melihat penduduk menunggu, tetapi cuma 3 atau 4 kaunter dibuka, yang lain ditutup. Kita tidak harus membuat penduduk menunggu 1 jam, 2 jam untuk membayar cukai ataupun lesen.

Tuan Speaker, satu lagi contoh saya nak beri. Saya menerima aduan daripada seorang penduduk mengenai akar pokok yang telah tikus. Setelah penduduk tersebut menunggu selama sebulan untuk PBT mengambil tindakan, pegawai PBT pun datanglah ke rumah, tetapi yang ditebangnya bukanlah akar tetapi bahagian atas pokok. Apabila penduduk mengadu bahawa ini tidak menyelesaikan masalah beliau, beliau diberitahu oleh pegawai PBT untuk membuat satu lagi aduan yang baru. Masalah ini diselesaikan setelah saya turun padang untuk melihat pokok tersebut. Bayangkanlah jika aduan yang sebegini mudah pun perlu menunggu ADUN untuk turun padang, baru boleh diselesaikan, saya gentar memikirkan aduan yang beratus-ratus yang lebih kompleks. Kadang-kadang aduan atau kes ditutup sebelum masalah diselesaikan. DYMM Sultan Selangor telah pun bertitah bahawa masyarakat awam mestilah merasai perkhidmatan awam sebagai pembantu yang memudahkan urusan mereka diselesaikan dan bukan membebankan mereka dengan berbilang aduan.

Tuan Speaker, dengan ini saya akhiri perbahasan saya dengan melaungkan sekali lagi betapa pentingnya agensi kerajaan memberi fokus pada tugas asas mereka '*back to basic*'. Jika masalah asas seperti ini tidak boleh diselesaikan tiada gunanya kita meluangkan masa memikirkan idea-idea ataupun polisi canggih '*futureristik*' yang lain. Bak kata pepatah, bahagian paling penting setiap perniagaan ialah untuk tahu apa yang sepatutnya dibuat, '*the most important part of every business is to know what ought to be done*', dengan izin. Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih, Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim*, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucap terima kasih serta menjunjung kasih ucapan DYMM Sultan Selangor.

Terlebih dahulu saya nak menarik perhatian Tuan Speaker bahawa pagi tadi saya tidak dapat hadir kerana dipanggil untuk membuat keterangan di Balai Polis Ampang bersama dengan Bukit Antarabangsa dan Batu Caves. Sebelum itu pihak Polis telah hadir ke rumah saya pada malam sebelum, pada 11.45 malam untuk menyerahkan notis untuk dipanggil ke balai. Namun oleh kerana terdapat kesilapan dalam catatan notis tersebut, mereka membuat pembetulan dan datang semula dengan penuh dedikasi dan komitmen pada 1.15 pagi, tengah saya tidur. Walau bagaimanapun pada pagi tadi kami telah membuat keterangan, dan apa yang memerlukan

kami, saya sendiri berdepan dengan 22 soalan. Dan setiap soalan itu membawa kepada satu pengertian yang cukup menakjubkan kepada peguam. Antaranya kami disoal tentang tindakan ceramah yang diadakan di kawasan Ahli Parlimen Gombak yang kawasan persendirian, tanah kerajaan negeri yang terbukti perhimpunan sah, perhimpunan aman. Tetapi akta polis mengatakan perhimpunan itu perhimpunan haram. Dan tindakan akan diambil sekiranya sah terbukti kesalahan. Apa yang dinyatakan di dalam, saya ingin menarik perhatian ini kerana ada kaitan dengan ucap titah Tuanku tentang hasrat baginda untuk menjadi Selangor lebih makmur dan maju.

Dalam keterangan yang saya berikan kami ingin disiasat bahawa adalah merupakan satu kesalahan untuk mengajak rakyat menyedari kesalahan dan kepincangan kerajaan Barisan Nasional. Ini amat memerlukan peguam kami. Kedua kami juga disoal, saya juga disoal dan seolah-olah merupakan satu kesalahan untuk membangkitkan dan memberitahu rakyat tentang kebangkitan rakyat di Mesir dan di Tunisia. Dan yang amat mengejutkan lagi adalah apabila soalan-soalan berkisar di sekitar penggunaan orang muda, belia, penggunaan *twitter*, *face book* dan *You Tube*. Inilah keadaan UMNO yang sudah semakin gawat dan kecut melihat kebangkitan rakyat pada hari ini. Tuan Speaker, sebenarnya perhimpunan yang diadakan di pusat khidmat rakyat Parlimen Gombak adalah perhimpunan yang sah. Dan berbanding dengan apa yang dianjurkan oleh Muhyiddin Yassin menggunakan tapak awam untuk kegunaan parti. Dan bahkan di atas nama Timbalan Perdana Menteri telah meminta JAIS mengeluarkan surat di suatu kawasan di Pandan untuk membenarkan beliau berucap di masjid. Tapi nyata apabila surat kebenaran JAIS dikeluarkan oleh Pengarah JAIS, nyata handbill, iklan, bendera-bendera BN dan UMNO yang berkibar. Ini satu kesalahan yang cukup besar dalam konteks amalan demokrasi di negara Malaysia ini. Dan apabila Ahli Parlimen Gombak, DUN Antarabangsa membangkitkan tentang ketidakadilan kepincangan yang sedang berlaku, di manakah keadilan apabila Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Presiden UMNO boleh berucap tanpa permit di tempat awam sedangkan kami pimpinan Wakil Rakyat, Wakil Rakyat Pakatan Rakyat, tidak diberikan permit. Maka pegawai polis mengatakan, tunggulah you jadi kerajaan. Apakah maknanya tuan puan. Maknanya selama ini, kalau jadi kerajaan boleh salah guna kuasa, boleh langgar undang-undang, boleh buat sewenang-wenangnya. Inilah yang diterapkan oleh UMNO Barisan Nasional selama ini kepada kakitangan kerajaan, kepada pihak polis, dan ini satu benda yang sangat merunsingkan hingga saya yakin dalam konteks yang berlaku dalam negara kita, kerosakan demi kerosakan telah dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional. Di mana ada kerosakan di situ ada UMNO, di mana ada UMNO, di situ ada kerosakan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang, Bukit Antarabangsa bangun ni.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Ya, silakan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih, Hulu Kelang. Saya ingin minta penjelasan daripada Hulu Kelang, Hulu Kelang sedar atau tidak kedudukan saya dengan Muhyiddin sama taraf. Muhyiddin Timbalan Presiden UMNO, saya Timbalan Presiden Keadilan. Jadi mengapa polis hanya membenarkan kepada Timbalan Presiden UMNO, tidak membenarkan Timbalan Presiden Keadilan. Apa pandangan Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya tak setuju. Saya tak setuju, Bukit Antarabangsa sama tahap

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Biar dia jawab dulu.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Biar saya jawab dulu. Kerana Bukit Antarabangsa lebih tinggi kedudukannya daripada Muhyiddin Yassin. Kerana apa, Muhyiddin Yassin hanya Timbalan Presiden UMNO, sedangkan Bukit Antarabangsa adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat yang mewakili pakatan Rakyat. Bukan hanya peringkat Nasional, kalau Barisan, barisannya Nasional, tapi ini Pakatan seluruh rakyat Malaysia yang akan terus menumbangkan UMNO Barisan Nasional dalam Pilihan raya yang akan datang. Sila, sila,saya..

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Hulu Kelang. Kita sehati sejiwa dalam pakatan rakyat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya minta mencelah, boleh. Semalam pun saya dah sebut, tunggulah Bukit Antarabangsa, itu saya kata tak layak jadi Menteri Besar, nanti jadi Timbalan Perdana Menteri, atau Perdana Menteri tapi tak sama taraf lagi.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, ini forum saya, dia..

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dia minta celahan daripada Hulu Kelang, jangan tanya saya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukit Antarabangsa pun bercakap, jadi apa salah saya pun bercakap untuk Bukit Antarabangsa.

**TUAN SPEAKER** : Ha, ini dah silap dah, ketua pembangkang. Dulu jadi Timbalan Speaker, sepatutnya tahu. Sekarang ni siapa punya 'floor' ni. Silakan Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Apa yang penting Ahli-ahli Dewan yang mulia, adalah sikap pemimpin-pemimpin kerajaan Barisan Nasional terhadap semangat Persekutuan. Tuanku mahu program '*river of life*' dijayakan. *River of life* adalah inisiatif daripada Perdana Menteri. Dan Dato' Menteri Besar kita walaupun ada program pembersihan Sungai Kelang menganggapnya sebagai satu daripada 6 rangsangan pakej ekonomi negeri Selangor. Bersangka baik, *husauz zam*, bersangka baik dengan hasrat mulia menjayakan program persekutuan dan kerjasama dengan negeri Selangor. Maka tiba-tiba mesyuarat telah diadakan seolah-olah projek pembersihan sungai Kelang di'*hijack*' dengan izin, oleh Persekutuan. Program '*river of life*' membelakangkan perundingan-perundingan awal yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor dengan beberapa konsultan dan jururunding. Bahkan tanpa merujuk kepada kerajaan negeri Selangor, kerajaan Persekutuan telah meminta mengarahkan JPS mengeluarkan tender untuk membuka tender pembersihan kawasan sungai kelang. Dengan membelakangkan Lembaga Urus Air Selangor, membelakangkan PBT-PBT yang ada di sekitar Sungai Kelang, tidak membayar apa-apa ganti rugi dan sebagainya, bahkan telah melantik satu syarikat kroni MRCB-Ecovest. Sedang kerajaan negeri Selangor telah melantik beberapa syarikat dan syarikat yang komited untuk menjayakan program menjayakan program ini tidak diberikan apa-apa ganti rugi. Jadi kita nak memberitahu bahawa kalau nak berlapang dada, nak bersangka baik dengan pimpinan negeri, dengan pimpinan Barisan Nasional tak ada lagilah. Tak ada harapanlah. Kalau betul-betul nak bangunkan negeri Selangor saya menyeru Dato' Menteri Besar terus jalankan, kalau perlu bertembung, bertembung di Mahkamah, kita lawan tetap lawan. Dah tak ada guna nak beri harapan berlapang dada, (*husauz zam*), yang penting UMNO Barisan Nasional ni, mesti *su'us-zam* sangka buruk, baru dapat pahala. Jadi ini satu perkara yang saya cukup kecewa dengan tindakan pimpinan Barisan Nasional yang membelakangkan kepentingan rakyat dan saya yakin program '*river of life*' ini hanya retorik

politik. Dia tidak akan dilaksanakan. Sedangkan Dato' Menteri Besar telah membuat kiraan dan 'calculation' mengadakan kiraan yang memang boleh program itu membawa pembangunan ekonomi negeri Selangor. Tetapi kalau lahir program ini berjaya, ia akan memberi *millage* yang terus membolehkan rakyat buka mata membuang menolak UMNO Barisan Nasional dan terus memperkasakan dan mendaulatkan Pakatan Rakyat Negeri Selangor.

Tuan-tuan Ahli Dewan yang saya muliakan, berlainan dengan UMNO Barisan Nasional kerajaan Pakatan Rakyat ini telus. Kita ingin rakyat dapat akses, bukan hanya akses tapi hak kepada maklumat. Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat bukan itu sahaja telah menubuhkan Dewan Yang Mulia Ini satu Jawatankuasa. Jawatankuasa untuk menyemak, menilai dan menambah baik merakyatkan bahkan dalam Jawatankuasa ini 2 wakil Pembangkang dari UMNO pun dilantik tapi tak pernah hadir iaitu Kuang dan Tanjung Sepat. Seluruh dunia fokus, CPA, *Commonwealth Parliamentary Association* dalam fokus tajuk rencana yang akan datang dalam *Parliamentarian* akan memberi tumpuan satu rencana tentang FOI *Freedom Of Information Act* dari Negeri Selangor. Malaysia tak buat, Malaysia ke belakang sedangkan Malaysia yang dipimpin oleh Barisan Nasional tak buat undang-undang ini Selangor yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat akan menjadi satu negeri yang pertama melaksanakan undang-undang ini di Malaysia.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Hulu Kelang.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Minta laluan, nak celah.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Tuan Speaker dan Hulu Kelang. Saya ingin balik kepada Yang Berhormat Hulu Kelang tadi. Dia ada sebutkan sikap untuk mesra dengan UMNO Barisan Nasional tidak wujud, ada cakap-cakap di luar sana menyatakan bahawa berkawan dengan UMNO BN ini adalah amat teruk lebih baik berkawan dengan Israel kerana walau pun Israel jahat sekurang-kurangnya tindakan dia masih lagi mampu untuk bawa Perdana Menteri dia ke Mahkamah, ini apa pandangan Yang Berhormat.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya yakin itu jelas kerana saya dizalimi oleh Akta UMNO. Saya meringkuk, saya disoal siasat 70 hari 70 malam di bawah ISA. Saya meringkuk di Kem UMNO, Kem Tahanan Tanpa Perbicaraan UMNO selama 730 hari.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Minta laluan.

**TUAN SPEAKER :** Nantilah, Speaker bercakap, nanti dulu Speaker bertanya dia berdiri, sabar nak celar, sabar dulu. Sila

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Boleh cakap Tuan.... Lepas ini, lepas ini, saya bagi ruang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Lepas ini, saya bagi ruang. Kezaliman UMNO Barisan Nasional yang menternak melahirkan pegawai-pegawai polis yang menghentam saya, menghina saya, menghina saya, mendera saya dan sebagainya. Jangan cakap lain, jadi ini kita dah tahu. Kalau Israel ada undang-undang zalim ini, dia tahan 15 hari di bawah *Military Order 1550* dengan izin tetapi bawah ISA UMNO tahan rakyat 60 hari tanpa bicara. Kalau Israel Yahudi zionis nak sambung dia sambung 6 bulan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, minta laluan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Nanti lepas ini saya bagi izin. Tetapi UMNO Barisan Nasional sambung dua tahun, dua tahun, dua tahun sampai bila-bila. Ah... silakan tapi zalim..

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Seri Serdang kalau nak mencelah pun berdiri, Speaker nampak bagi syarat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Berdiri Speaker, beri laluan.

**TUAN SPEAKER** : Nantilah tunggu, nanti tunggu bila Speaker....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Speaker petang Speaker pun nak marah sahaja.

**TUAN SPEAKER** : Sri Serdang nak dengar ke tidak ini?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nak dengar

**TUAN SPEAKER** : Nak dengar buat berdiam, kalau nak mencelah, berdiri Speaker nampak Speaker akan panggil yang berucap, tunggulah dia habis ayat dia baru saya berhentikan dia. Semua orang begitu Ketua Pembangkang tak tahu berdiri tunggulah, berdiri terus bercakap ah... saya tengok orang Barisan Nasional semua buat cara tak betul. Ketua Pembangkang buat tak betul macam mana.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Pasal Ketua Pembangkang yang dulu lagi tak betul.

**TUAN SPEAKER** : Dulu buat betul dia tak tahu ikut. Kalau nak belajar, belajar dari bekas Ketua Pembangkang

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ah sampai balik ikut peraturan dalam bakul sampah.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang ini siapa ajar siapa ini. Sri Serdang nak dengar petua daripada saya atau pun nak bidas. Nak bidas saya minta keluar. Kalau tak nak bidas jangan cakap lebih. Sekarang ini nak mencelah.

**YB. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nak mencelah.

**TUAN SPEAKER** : Nak celah, Hulu Kelang dah beri. Silakan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : *Straight to the point.*

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Negara kita kan ada undang-undang. Kadang-kadang penyiasatan itu belum tentu bersalah jadi apa nak ragu, soal penyiasatan sudah tentu berbagai-bagai cara. Dan ini banyak bersekitar di kawasan apa ini dalam kuasa Persekutuan jadi mengapa harus di bincang dalam Dewan Negeri. Kalau misal tak puas hati dalam tindakan tanduk Kerajaan Persekutuan, Polis ini di bawah Kerajaan Persekutuan. Pakatan Rakyat ramai juga Ahli-ahli Parlimen jadi bahaslah di sana jadi apa

perlunya manfaat berbahas di sini. Itulah saya kata Negara kita ada undang-undang. Bila dah disiasat bukan bererti dia bersalah ramai orang yang disiasat tak juga di bawa ke Mahkamah ada yang lepas tapi kalau dia buat salah ada undang-undang yang mengatakan boleh maka dibawalah jadi apa masalah tentang ... itu lah nak menjaga nama Negara. Yang hairannya ...

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya nak tanya sedikit

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nanti dulu, saya belum habis lagi, sabarlah dulu tadi saya boleh sabar takkan sekarang tak boleh sabar. Sabarlah dulu. Tuan Speaker, lepas itu kalaualah benarnya kita konon-kononnya buruk UMNO Barisan Nasional tapi hairan sejak kebelakangan ini ramai pula Ahli-ahli Parti Keadilan keluar dari Parti Keadilan. Itu sangkaan buruk yang dikata beli. Okey kita dengar penjelasan Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER** : Betul juga itu. Kita dengar penjelasan Hulu Kelang. Sila duduk.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker pun kata betul juga. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Betul, ah itu betul. Itu cara tanya. Ah betullah, sila duduk. Hulu Kelang jawab.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya jawab, jawapannya senang sahaja. UMNO kini dan selamanya, UMNO di Pusat sama dengan UMNO di Selangor. UMNO di Selangor UMNO di Pusat zalim, UMNO di Selangor pun zalim. Jadi kita nak beritahu rakyat Negeri Selangor bahawa zalim di Pusat UMNO itu sama dengan zalim UMNO Selangor sama-sama zalim. Itulah kita nak beritahu seluruh rakyat Selangor untuk tahu UMNO Selangor zalim. Dengan itu rakyat Selangor kena tolak UMNO.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Selangor bukan Pemerintah Selangor Pembangkang yang memerintah Pakatan Rakyat betul...betul bermakna dia ada kuasa di Peringkat Negeri. Ini soal dia memerintah bermakna dia ada kuasa di Peringkat Negeri. Kita tidak ada kuasa di Peringkat Negeri. 1 M. Betullah itu 1Malaysia kalau nak pakai baguslah kalau tak pakai terserah. Ada kuasa, ada kuasa, kuasa di Peringkat Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Duduk, dengar sila Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya teruskan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya nak sebutkan yang dikutuk-kutuk ramai Ahli-ahli keluar parti itu yang hairan itu. Hairan... hairan... betul tak hairan.

**TUAN SPEAKER** : Sila jawab ini.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** :

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB**: Saya minta izin Tuan Speaker teruskan Tuan Speaker. Tuan Speaker dalam Sidang kali ini sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan Tetap 36(6) dan Peraturan Tetap 60(1)(2) dia akan bakal membolehkan Dewan Yang Mulia Ini membaca

Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat Bagi Kali Yang Ketiga sebagaimana yang dimaklumkan oleh pihak jawatankuasa seperti yang terkandung dalam pernyataan jawatankuasa pilihan. Jika proses ini berjaya dilalui maka Dewan Yang Mulia Ini sekali lagi mencipta sejarah dengan meluluskan sebuah Rang Undang-Undang melalui Peraturan Tetap 36 dan sekali gus membuktikan bahawa Pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat benar-benar melaksanakan *doctrine pemisahan kuasa*. Pada masa yang sama Dewan Negeri Yang Mulia Ini sudah mula melangkah menjadi dengan izin sebuah *transformational Legislature* dan bukan semata-mata *Rubber Stamp Legislature*. Sebagaimana amalan UMNO Barisan Nasional selama ini di Negeri Selangor. Tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker saya ingin merujuk kepada Titah Ucapan Tuanku Sultan yang berharap Belanjawan 2011 yang bertemakan Hasil Negeri untuk Rakyat dengan menekankan pengurusan sumber dengan bijaksana. Hulu Kelang ingin mengucapkan ucapan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya membantu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebanyak RM6 juta pada tahun 2009, 2010 dan pada tahun ini juga dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sebanyak RM4 juta pada tahun 2009, 2010 dan pada tahun ini. Usaha ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat benar-benar berusaha untuk mengukuhkan permuafakatan antara masyarakat beragama dan kaum Negeri Selangor. Jadi kita berharap peruntukan yang akan dilakukan pada tahun ini dapat diteruskan dengan baik saksama dan adil. Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri Selangor yang berjaya memperuntukkan RM6 juta pada Sekolah Agama Rakyat dan istimewanya melebarkan pengertian Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Maahad Tahfiz yang digerakkan oleh Rakyat Masyarakat Islam yang susah tetapi berdedikasi komited untuk melahirkan golongan huffaz al-Quran di seluruh Negeri Selangor. Melalui EXCO Pendidikan Kerajaan Negeri telah melebarkan definisi ini dan Alhamdulillah telah dapat banyak manfaat. Sebahagian besar kemudahan-kemudahan mereka ini agak daif di mana terdapat 312 buah Sekolah KAFA yang asalnya adalah Sekolah Agama Rakyat yang diuruskan oleh Anggota Masyarakat pihak Masjid dan JKKA Kampung. Pihak Kerajaan Negeri melalui EXCO Pendidikan ada membuka tawaran kepada Sekolah-sekolah ini membuat permohonan bantuan membaik pulih membaiki kerosakan dan selenggaraan. Ramai di kalangan mereka yang membuat permohonan melalui ADUN, ADUN memberi sokongan tetapi bila dapat tidak semua yang dapat merasa agihan tersebut buat masa ini. Dengan itu Hulu Kelang mencadangkan agar pihak Kerajaan ini yang diketuai oleh Dato' Menteri Besar mempertimbangkan agar dalam bajet 2012 ditambah peruntukan pada setiap Sekolah Agama Rakyat Anjuran Pihak Persendirian dan semua kaviar mendapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Dengan itu Hulu Kelang mencadangkan peruntukan sebanyak RM15 juta dari RM6 juta peningkatan RM9 juta disalurkan melalui EXCO Pendidikan dalam Bajet 2012 untuk tujuan ini. Tuan Speaker tahniah juga Hulu Kelang ucapan kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan dan mengagihkan sejumlah RM 6 juta untuk Rumah-rumah Ibadat Bukan Islam. Hampir semua Rumah-rumah Ibadat Bukan Islam termasuk gereja, tokong, kuil dan Gurdwara Sikh telah sama-sama menerima bantuan sumbangan daripada Kerajaan. Walaupun sumbangan ini jumlah kecil berbanding kepada keperluan Ibadat Rumah ibadat tersebut apa yang penting adalah pihak pengurusan merasakan mereka amat di hargai kerana mereka diingati dan sebelum ini mereka tidak mendapat apa-apa dari pentadbiran lama tetapi apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor gereja mendapat peruntukan, tokong dapat sedikit, kuil dapat sedikit, gereja dapat sedikit, pun dapat. Mereka menganggap bahawa ini adalah satu perubahan yang besar telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat iaitu mereka amat hargai dan mereka menyatakan sokongan padu pada Pakatan Rakyat pada pilihan raya yang akan datang. Tuan Speaker walau pun Masjid dan Surau dibawa pengawasan JAIS mamun di segi Pengurusan dan Pentadbiran 362 buah Masjid dan 1621 buah Surau di seluruh Negeri Selangor adalah di bawah Pentadbiran Masjid dan Surau yang diketuai oleh Nazir dan Pengurus dibantu oleh Masjid dan Surau yang menguruskan Pentadbiran dan Penyeliaan tambah taraf sebagai Masjid dan Surau. Bantuan didapati daripada ahli-ahli Kariah, Badan-badan Korporat dan swasta serta sedikit daripada

sumbangan ADUN di kawasan. Selaras dengan titah Ucapan Tuanku Sultan Selangor yang menegaskan bahawa Negeri Selangor merupakan penyumbang terbesar KDNK dengan jumlah 21 peratus maka Hulu Kelang ingin mencadangkan bermula 2012 diperuntukkan agar setiap Masjid, setiap daripada 362 buah Masjid di seluruh Selangor mendapat peruntukan tetap tahunan daripada RM20,000 ke RM40,000 sebuah Masjid setiap tahun. Dan bagi surau pula Hulu Kelang mencadangkan bahawa setiap daripada 1,621 buah Surau di seluruh Negeri Selangor diagihkan secara tetap setiap tahun Surau RM10,000 dan RM20,000 setahun. Dengan ini Hulu Kelang mencadangkan Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk membuat peruntukan tambahan kepada JAIS bagi tujuan ini dalam Bajet 2012 sebanyak RM35 juta. Terima kasih dengan ini Hulu Kelang menyokong Usul.

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : *Bimilahi rahmani rahim Assalamualaikum WBT.* Terima kasih Speaker, Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Kerajaan BBC dan teman-teman daripada Barisan Nasional Pembangkang. Batu Caves mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan dan ruangan yang telah diberikan untuk sama-sama Membahaskan Ucapan Junjung Kasih Di Atas Titah DYMM Sultan Selangor sempena Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang Dewan Negeri Selangor bagi Kali Kedua Belas. Bagi pihak rakyat, penduduk dan pengundi masyarakat di Batu Caves kami rakyat Negeri Selangor Menjunjung Kasih dan menghargai keprihatinan yang ditunjukkan oleh DYMM Tuanku terhadap beberapa perkara khususnya bagi menjadikan cita-cita dan hasrat murni Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat sebagai sebuah negeri yang sejahtera, yang bahagia, yang maju serta berkebajikan kepada masyarakat dan rakyat secara keseluruhannya. Justeru, saya kira Batu Caves mengucapkan penghargaan ini sebagai tanda penghargaan kepada Tuanku di atas sikap beliau yang sangat *supportive*, dengan izin, malahan diakui dalam sepanjang titah beliau bahawa Tuanku mempunyai hubungan yang sangat baik dengan Kerajaan Negeri lalu nasihat menasihati yang diulang beberapa kali termasuk ketika menyampaikan titah ketika Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Namun begitu ada sesetengah pihak tertentu yang gemar untuk memainkan sentimen-sentimen perkauman termasuk cuba mengheret istana dan membawa institusi raja ke dalam lembah dan percakaran politik. Termasuk dalam ucapan-ucapannya yang kita boleh dengar daripada wakil-wakil daripada pihak pembangkang dalam Dewan Negeri Selangor. Saya terdengar beberapa ucapan mereka apabila menyentuh tentang Sidang Khas yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk meminda kembali Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dengan mengikuti serta menyerapi kembali semangat asas federalisme dan sikap kita dalam menghargai serta mengiktiraf peranan raja-raja Melayu dalam penubuhan serta perlaksanaan serta pengurusan tata kerja Kerajaan.

Saya ingin membetulkan beberapa fakta yang kononnya Sidang tersebut dilakukan dan dibuat untuk menarik serta menggugurkan ataupun melantik dan menaikkan mana-mana calon sebagai pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan. Yang paling pentingnya saya ingin sorot kembali dalam bulan Januari yang lepas, 24 Januari, kalau tidak silap, bahawa Sidang ini dibuat atau Sidang tersebut dilakukan untuk mengembalikan kuasa Sultan sebagaimana yang ada dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor sebelum tahun 1993 akibat daripada kerakusan pemimpin-pemimpin tertentu dalam UMNO yang bernama Dr. Mahathir, yang telah merampas, mencerca, mengaibkan Sultan serta menyebabkan kuasa yang selama ini ada kepada raja-raja Melayu terhakis dan kita buktikan dengan fakta-fakta sejarah termasuk ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin UMNO dalam Perhimpunan Agong UMNO sebagai acara rasmi mereka, ataupun Persidangan Agong UMNO. Saya agak tertarik dengan Sg. Pelek dan beberapa yang lain tadi, apabila mengatakan ia satu usul dan persidangan sia-sia yang

bersikap politik. Kalau benar mereka ingin menjunjung hasrat awal perlembagaan Negara yang tertubuh dan menubuhkan Malaysia, dengan adanya *federal state* ataupun negeri-negeri bersekutu, dengan adanya negeri-negeri tidak bersekutu, dengan adanya negeri-negeri selat, dengan ada pengasingan dan perbedaan kuasa yang jelas itu, mengapa mereka tidak berbesar hati dan terbuka dada untuk menyelamatkan dan mengembalikan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri kepada perkara asal. Sebab itu saya rasa ini melampaui daripada politik kepartian. Tetapi UMNO dan Barisan Nasional dalam Sidang yang lepas terbukti kerana arahan VIP, arahan ketua, arahan daripada Putrajaya, yang saya bimbang arahan daripada Rosmah, menyebabkan mereka menolak dan tidak mahu meletakkan kembali kuasa yang ada pada tahun 1993 atau sebelumnya. Jadi saya kira latar dan tulisan kanvas sejarah membuktikan bahawa Kerajaan Negeri ini sentiasa cuba untuk menurut kepada aturan dan jalur perlembagaan Negara, semangat yang didendangkan dalam pengisytiharan kemerdekaan, semangat dan tiang seri yang ada dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri sebagaimana yang kita laksanakan. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri cuba sedaya upaya, dengan upaya kita tetapi atas sebab kecenderungan politik sikap tidak menghormati raja-raja sebagaimana yang telah dilakukan dan tidak mahu mengakui kesalahan yang dilakukan. Mereka mengambil sikap tersebut, yang saya kira ada dalam titah Duli Yang Maha Mulia, disentuh agar bekerjasama dengan Kerajaan Negeri terutama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga berkaitan dengan perkara-perkara yang melampaui dan jangan terlalu tertutup, terkurung dalam pandangan serta sikap politik yang tidak membawa kemajuan dan kemakmuran serta kebaikan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Speaker, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, selepas tahun 2008, pihak Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Pakatan Rakyat menunjukkan sikap yang sungguh objektif dan sikap yang sungguh progresif dalam memajukan serta menjadikan setiap sendi penting dalam Dewan, dalam Kerajaan Negeri Selangor, ataupun apa yang dipanggil sebagai penubuhan Kerajaan Negeri ini dapat menjalankan fungsinya yang terbaik. Banyak program-program yang kita panggil sebagai program reformasi politik, program reformasi kebudayaan, program reformasi sikap yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam banyak program yang saya ingin juruskan dan saya huraikan dalam perbahasan ini. Ahli Dewan yang budiman, pertamanya mari kita lihat, apakah perubahan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menanggapi serta menjadikan Dewan ini, menjadi satu Dewan yang benar-benar berfungsi sebagaimana yang disebut Hulu Kelang tadi sebagai Dewan yang benar-benar menjadi satu tempat kepada kita untuk melahirkan undang-undang, enakmen, melahirkan pendekatan serta polisi dan kebijaksanaan Kerajaan, dengan membenarkan Ahli-ahli Dewan membahaskan ucapan mereka mengikut kepada undang-undang serta peraturan Dewan yang sedia ada.

Saya rasa Sekinchan dan wakil Speaker ataupun Speaker mengalami sangat ngeri dalam beberapa tahun lalu, akibat kerakusan Kerajaan Barisan Nasional pada ketika itu menjadikan Dewan untuk sebagai getah pengecap meluluskan undang-undang, melakukan tindakan-tindakan serta menyebabkan hak-hak Ahli Dewan kadang-kadang teranaya. Sebagai contoh, saya ambil contoh apa yang berlaku kepada Ahli Dewan Negeri Sungai Pinang, Speaker pada ketika itu, yang telah digantung dalam sesi Dewan, tanpa melalui proses sebagaimana yang perlu diikuti dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan. Malahan selepas dijatuhkan hukuman, dijatuhkan hukuman kali kedua, tanpa perlu memberi ruang kepada Ahli Dewan tersebut membela diri dan menyampaikan apa maksud daripada tindakan beliau sebagai Ahli Dewan. Ia berbeda dengan apa yang dilakukan terhadap Ahli Dewan Negeri Barisan Nasional. Kita jemput mereka, kita panggil mereka malahan kita benarkan peguam mereka selebih daripada 4 ke 5 orang untuk berbahas dan menyatakan pandangan. Tetapi sikap mereka yang *ego, arrogant* serta tidak mahu menerima kenyataan bahawa mereka ini adalah pembangkang, melakukan kesilapan. Mereka mengambil sikap untuk tidak mengambil peduli dan akhirnya

digantung. Itu pun dijadikan isu politik, malahan cuba mengheret Dewan yang mulia ke dalam Mahkamah sebagaimana yang dilakukan mereka terhadap SELCAT ataupun Jawatankuasa Tetap Mengenai Kebertanggungjawaban dan Transpirasi ataupun Ketelusan.

Lihatlah berapa badan telah ditubuhkan oleh Dewan ini, SELCAT sebagai contoh, Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri yang sebelum ini memang ada, Jawatankuasa Khas mengenai GLC, Jawatankuasa Khas mengenai PBT, Jawatankuasa Mengenai Pejabat Tanah atau yang disebut sebagai PADAT. Kita memantau dan menjadikan fungsi Dewan berfungsi bukan hanya bersidang tiga empat kali tetapi seboleh mungkin berjalan untuk menyemak apa jua tindakan yang dilakukan oleh rakan-rakan kita daripada eksekutif walaupun mereka seperti dan seperjuangan dengan kita. Sikap membuka ruangan inilah dengan kita benarkan wakil Barisan Nasional menyertai tapi mereka menganggap, saya dengar Kuang sebut tadi, sia-sia, buang masa. Saya tak tahu apa pandangan mereka sebagai fungsi Ahli Dewan kerana mungkin mereka telah lama terperap dengan budaya UMNO dan Barisan Nasional yang menjadikan wakil-wakil Barisan ini ataupun wakil-wakil Rakyat ini kerjanya hanya betulkan longkang, betulkan lampu jalan, tunjuk mana jalan lubang, mana program nak buat dan turun ke bawah yang sebenarnya lebih berfungsi dan sepatutnya Ahli-ahli Majlis.

Saya tidak sebutkan bahawa itu kerja-kerja sia-sia yang kami lakukan, itu pun kami lakukan. Tapi tugas sebagai penggubal undang-undang ini yang telah diteroka dalam reformasi serta pendekatan kita dalam mengetengahkan corak dan susur atur Dewan ini yang memberi ruang kepada semua termasuk kita cuba lantik wakil pembangkang sebagai Pengurus PAC, itu pun ditolak dengan alas an kita bermain politik. Siapa yang bermain politik dan siapa yang sebenarnya jujur untuk menjadikan negeri kita ini benar-benar mengikut piawaian dan aras tanda negeri maju sebagaimana yang kita dapat lihat di Negara-negara lain.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian, justeru Batu Caves menyokong dan mengangkat dengan rasa penuh prihatin agar reformasi yang dijalankan terhadap Dewan Undangan Negeri ini yang sebenarnya bukanlah satu yang pelik kalau kita lihat kepada negeri yang maju atau sebuah Negara yang mantap demokrasinya tetapi usaha kita untuk menjadi contoh malahan saya mendengar usaha daripada pihak Speaker dan Ahli-ahli Dewan untuk menubuhan dan mengembalikan kuasa Dewan ini melalui penubuhan SELESA telah mendapat perhatian yang sangat tepat dan sangat istimewa daripada Speaker ataupun Yang Dipertua Dewan Rakyat yang daripada Barisan Nasional. Tapi wakil mereka, kerana kecenderungan politik yang saya rasa disinggung dan ditegur dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan ini, yang saya rasa sama-sama kita fahami, harus kita cuba sedaya upaya untuk melupakan serta membuang warna-warna politik kita dalam membawa kepentingan dan kemajuan rakyat.

Saya ambil contoh FOI, *Freedom of Information Enactment*, dengan izin, ataupun Akta Kebebasan maklumat, kita melalui proses yang sangat terbuka. Kita jemput wakil Kerajaan, kita jemput wakil parti, kita jemput wakil GLC, kita jemput pegawai-pegawai Kerajaan, kita jemput NGO-NGO, tapi malang Ahli-ahli Dewan Barisan Nasional yang dipanggil untuk menyertai proses dan exercise ini, mengambil sikap *Senekal* malahan menganggapnya sebagai perkara yang sia-sia. Bagi saya, seruan saya kepada seluruh warga yang mendengar di luar sana, anggaplah inilah sikap dan perilaku wakil-wakil UMNO dan Barisan Nasional yang sebenarnya tidak menjalankan tugas mereka dalam Dewan sebaliknya menggegar dengan isu-isu politik, membawa isu-isu picisan, membawa isu-isu perkauman yang kadang-kadang amat melukakan hati walaupun mereka menjerit dan melaung 1 Malaysia, tapi di saat 1 Malaysia di laungkan itulah, wakil-wakil UMNO dan Barisan Nasional mengusung kepala lembu, di saat melaung 1 Malaysia itulah, mereka juga sedang mencerca dan menghina institusi raja dan tak mahu menarik balik, walaupun ada usaha yang cuba kita lakukan, di saat mereka melaung 1

Malaysia itulah, ketidakadilan diteruskan termasuk di alami oleh Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang dan saya, pagi tadi, ketika dipanggil oleh pihak polis. Saya pun tak faham, pukul 2.00 pagi, datang ke rumah. Saya ada anak kecil, datang ke rumah, telefon, saya pun tak faham. Saya bagi tahu saya tidak lari ke mana-mana, kerana saya tahu hak dan pendirian saya. Tapi mungkin kerana arahan pihak tertentu, rakus dan sikap terburu-buru, balik-balik cakap arahan pihak atas, saya tak tahu, atas, di mana, mungkin ini arahan Kerajaan Langit Ayah Pin. Saya pun tak faham. 2.00 pagi, saya pun tak tahu, tergesa-gesa, cari alamat rumah, salah. Saya pun baik hatilah bagi alamat rumah. Ini menunjukkan kita mengambil sikap yang sangat terbuka, mengambil sikap yang sangat jelas, mengapa kita mengikut aturan itu kerana kita yakin hak kita dalam peraturan dan undang-undang tubuh serta perlombagaan Negara. Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Ya, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Batu Caves. Apa yang diutarakan oleh Batu Caves dan rakan-rakan, sebenarnya adalah merupakan sesuatu yang lewat waktu ini semakin, semakin hari semakin dilakukan secara terang-terangan. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Batu Caves. Untuk maklumat Batu Caves saya juga mengalami situasi serupa apabila pihak polis datang siap sampai ke rumah tunggu 4 – 5 kali pukul 4.00 -5.00 pagi semata-mata untuk menyerahkan notis. Jadi apakah sebenarnya pandangan Yang Berhormat tentang pihak polis, pihak yang dipergodakan oleh UMNO ini? Tindakan mereka akhir-akhir ini boleh kita katakan sebagai tindakan dan nasihat daripada AKO, jadi tolong perjelaskan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Sri Muda. Ya, saya yakin ada unsur-unsur AKO yang menyebabkan Bukit Antarabangsa digantung daripada Parlimen tetapi apa yang ingin saya jelaskan di sini, inilah beda antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional kita memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menjalankan tugas mereka selagi mana mereka mengikut peraturan dan prosedur sedia ada. Kita tidak memberikan tekanan-tekanan politik, malahan saya yakin sebahagian besar pegawai-pegawai kerajaan kita di bawah ada sikap bebas di dalam membuat keputusan yang kadang kala kita Ahli Politik ini juga ditekan oleh wakil-wakil kita di bawah. Namun apa yang patut dan wajar kita lakukan pihak Kerajaan Negeri kekal dengan prinsip kita untuk menjadikan institusi-institusi penting ini, kerajaan negeri ini, Ahli Dewan ini yang dipanggil sebagai eksekutif, EXCO, Kerajaan Negeri dan sebagainya itu menjalankan tugas dan fungsi dan dapat kita lihat percakapan wakil-wakil kita di bawah, malahan wakil kita daripada Pakatan Rakyat ini pun mempersoalkan, menyemak dan membangkitkan persoalan berkaitan agen-agen Kerajaan Negeri yang boleh kita mendengar satu persatu daripada ucapan mereka sebelum ini. Ini tidak pernah berlaku dalam UMNO dan Barisan Nasional, yang berlaku syukur-syukur, ampun-ampun, syukur-syukur bukan syukur di sana. Syukur di sana lain sikit, ya. Amin-amin, puji-puji di sana, ia sangat berbeda dari apa yang ada pada yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Keduanya, dalam bidang pengurusan serta dasar-dasar pelaksanaan pihak eksekutif kerajaan negeri yang terdiri dari dan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah melaksanakan dasar-dasar ke bawah ke atas. Ia boleh dibuktikan dan dilihat apabila Kerajaan Negeri menjelajah ke seluruh PBT dengan hasrat ingin mendapat suara akar umbi dan mendapatkan maklum balas di antara rakyat dan juga kerajaan dan pihak eksekutif Kerajaan Negeri untuk memastikan dasar-dasar serta keputusan-keputusan Kerajaan Negeri yang telah dibukukan menjadi arus dan juga disentuh dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan ini berhasil dan sewajarnya menjadi agenda kita bersama sebagai Ahli Dewan ini. Sikap ini sangatlah berbeda daripada apa yang dilakukan contoh kejadian setinggan sifar yang nampak baik kononnya ingin untuk membawa kemajuan tapi akhirnya membawa keadaan yang cukup kelam kabut, melahirkan rumah-rumah separa setinggan tetapi di atas udara sebagaimana yang dihadapi oleh ramai Ahli-ahli Dewan ini. Sebahagian rumah tersebut berhadapan dengan masalah sistem pengairan, berhadapan dengan sistem lif, berhadapan dengan masalah infrastruktur disebabkan oleh tekanan dan

sikap terburu-buru kerajaan sebelum ini. Namun bagi pihak Kerajaan Negeri kita tidak boleh menunggu masa. Saya mencadangkan dalam dewan dan dalam berbahasan ini agar Kerajaan Negeri melihat satu tindakan yang lebih positif dalam menangani masalah perumahan di dalam kawasan bandar. Saya melihat masalah kemiskinan bandar ini, adalah satu petaka yang tidak, yang akan menghancurkan kebaikan dan kemakmuran negeri jika kita gagal menangani dengan bijaksana. Kalau sebelum ini pihak Kerajaan Negeri ada sistem kerajaan atau ada dasar melalui rumah kerajaan prihatin yang menumpukan kepada rumah-rumah di luar bandar yang mensyaratkan adanya tanah-tanah persendirian, apa salahnya agar sistem ini dikembangkan di bandar untuk memberi ruang kepada golongan miskin bandar ini, yang terperangkap kadang kala dengan kemewahan di bandar ada pendapatan yang lebih baik di kampung tetapi keupayaan dan kemampuan mereka untuk menguruskan kehidupan mereka di bandar dengan segala-galanya serba tinggi. Maklumlah kerajaan Barisan Nasional kerap mengambil subsidi daripada Rakyat. Ini makna rakyat didahulukan dari konsep Satu Malaysia mereka agaknya. Sebab itu saya ingin menyarankan di dewan ini agar kita mempertimbangkan agar rumah-rumah kos rendah ini juga boleh ditimbangkan dengan syarat-syarat tertentu dengan penelitian tertentu, agar mereka yang layak ini, daripada kita laburkan di kampung sahaja, sebaliknya di kawasan bandar juga harus difikirkan bagaimanakah skim perumahan rakyat termiskin. Mungkin PNSB, PKNS boleh bersama-sama menghulurkan tangan untuk membangunkan perumahan-perumahan ataupun yang disebut oleh Dato' Menteri Besar sebagai *selter* (dengan izin) dalam mesyuarat-mesyuarat yang lepas. Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian sebab itu saya sangat tertarik tadi apabila ramai Ahli-ahli Dewan membangkitkan tentang PKNS dan saya ingin bersikap adil kepada pengurusan kerana pihak Kerajaan Negeri telah mengambil sikap yang sangat terbuka dengan mengarahkan audit untuk memeriksa dan melaporkan kepada pihak luar apa yang sebenarnya berlaku. Namun kadang-kadang ada pihak-pihak tertentu yang sengaja menarik perkara-perkara yang nampak betul tetapi menjadi *half true* serta tidak menceritakan hal sebenar. Saya setuju agar PKNS lebih terbuka namun saya percaya bahawa PKNS mampu membangunkan serta membawa kebaikan kepada rakyat. Sebagai contoh PKNS dengan usaha Kerajaan Negeri lah yang bersama-sama yang mampu menyelesaikan isu setinggan di Bukit Botak yang telah bersarang dan berkurn lama sehingga PKNS mengalami kerugian sehingga 100Juta. Penghargaan ini seharusnya diberikan kepada PKNS kerana mereka mampu memberi kerjasama, mereka terpaksa pula melapur kepada *minister finance* kerana PKNS ini merupakan satu perbadanan yang agak unik dan tidak dimiliki sepenuhnya, ataupun tidak dikuasai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa penghargaan dan penyelesaian Bukit Botak ini yang bersarang dan berkurn lama ada sebahagiannya telah membayar sebanyak 500.00 membayar 2000.00. Akhirnya di atas kebijaksanaan pengurusan serta sikap tidak mengambil kepentingan peribadi Kerajaan Negeri mampu menyelesaikan masalah setinggan Bukit Botak. Saya bukan mempertahankan, saya setuju untuk disiasat. Saya percaya PKNS setuju membuka akaun mereka untuk disiasat oleh mana-mana pihak. Namun pencapaian kewangan PKNS semenjak tahun 2008 sehingga 2010 mencatatkan peningkatan yang boleh dianggap tahap jempul atau baik. Pada tahun 2008 *rebetnew* ataupun pungutan PKNS ialah sebanyak RM473.3 Juta dan keuntungan yang dicatat adalah sebanyak RM189.9 Juta. Pada tahun 2009 PKNS mampu mengutip pulangan sebanyak 558.8 Juta dengan catatan keuntungan dengan agak kurang sedikit 166.1Juta. Namun dalam tahun 2010 di atas sikap dan perubahan yang telah dicadangkan oleh pengurusan baru PKNS yang mungkin ada kontroversi, mungkin ada sikap kurang senang dengan beberapa pegawai-pegawai yang sebelum ini sudah selesa dengan cara lama tetapi ia ditunjukkan dengan keuntungan dan kutipan sebanyak 668.4Juta yang membawa pulangan untung sebanyak 196.9 Juta. Ia menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding daripada tahun 2009 dan juga 2008. Namun kalau kita ingin mempersoalkan kita harus lihat persoalan ini dengan jujur supaya dapat melihat perubahan yang dilakukan. Saya tertarik Kuang tadi, membangkitkan, mengambil orang luar, sepatutnya Kuang juga menilai mengapa Kerajaan Pusat mengambil

AKO sebagai penasihat ataupun penasihat kepada urusan komunikasi dan penerangan. Sedangkan Kerajaan Pusat ada Jabatan Penerangan. Di bawah jabatan Penerangan ada JASA, saya tahu fungsi dan tugas mereka kerana saya praktikal di Jabatan Penerangan. Yang tugasnya, memenangkan UMNO dan Barisan Nasional. Tapi sebab JASA gagal, kerana Pejabat Penerangan gagal, sebahagian khususnya bahagian gerakan mereka terpaksa mengambil AKO terpaksa membayar 76Juta tarik subsidi gula dua puluh (20) sen yang membawa keuntungan 156Juta separuh daripadanya diberi pada AKO. Itu pun pemimpin Barisan Nasional tidak pernah hendak tegur pimpinan mereka di peringkat atas. Tapi PKNS bawa orang luar mungkin dipersoal, disemak kenapa ambil tapi keuntungan yang dicatat juga harus dinilai dengan jujur dan di bawa dan dilihat dengan hati dan jiwa yang terbuka. Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan yang saya kasihan sekalian saya yakin ada unsur-unsur tertentu yang boleh disiasat tetapi saya minta dipercepatkan untuk memastikan Kerajaan Negeri tidak terperangkap dengan tohmahan-tohmahan politik yang dibangkitkan. Saya tertarik daripada mana, Paya Jaras, membangkitkan tentang hutang Talam. Kalau Paya Jaras ada sedikit masa, semak *handsard* yang dibekalkan dalam CD, soalan ADUN Batu Caves dalam sidang dewan lepas ada bertanya hutang Talam, saya masih ingat jawapan Menteri Besar. Menteri Besar sebutkan bahawa kita telah selesaikan dan Talam telah beri balik tanah tersebut. Saya pun tertarik kerana hendak selamatkan kroni Kerajaan Negeri. Saya pun tidak tahu Chai Ah Chai ini selalu ikut Khir Toyo ke selalu ikut Tan Sri Khalid, Kalau ikut daripada Sekinchan, Talam Corporation inilah yang selalu lah mengiring Khir Toyo yang diberikan tanah dengan kelulusan projek semberono.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, jangan sebut nama. ADUN ya.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Minta maaf, tersebut ke tadi. Saya minta maaf. Saya tarik balik nama itu dan saya sebut Sungai Panjang. Sebab itu apabila kita anggap persoalan ini, Kerajaan Negeri buktikan pula, kita kutip balik dan bukan kita masuk dalam buat rumah EXCO. Kerajaan Negeri mengalihkan kepada MIMBAR dan Skim Sel sebanyak 70Juta yang selama ini tersimpan dalam kantung Talam yang selama ini tersimpan dalam hartanah Talam yang tidak pernah ada dalam undang-undang, kira-kira wang negeri dimasukkan, kita pungut, masuk dalam rakyat dalam bentuk Skim Sel dan MIMBAR yang membawa kebaikan dan kemakmuran pada rakyat dan diiktiraf dalam titah Duli Yang Maha Mulia. Silakan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Batu Caves, mencelah sedikit. Maknanya dengan begitu banyak sekali pembaharuan yang dibuat dengan tindakan-tindakan yang memberikan keuntungan kepada rakyat tetapi pihak UMNO dan Barisan Nasional ini mereka buta mata, buta hati. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, setuju atau tidak dengan pendapat saya.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih soalan promo kasi. Tapi saya tidak termakan promo kasi, sudah pasti, marah nanti. Nama sama tapi tak apa. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu saya di akhir ini ingin menegur beberapa pendirian yang telah dibuat oleh Barisan Nasional, apabila mereka tidak mampu berhujah dengan alasan yang praktikal dengan hujah ilmiah, mereka membangkit dengan persoalan-persoalan yang *half ture* atau separa benar dengan harapan rakyat akan tertutup mata, dengan harapan rakyat akan tertipu, tapi saya percaya rakyat Negeri Selangor telah berani melakukan perubahan dan tahu apa perubahan yang telah berlaku dan bersedia untuk menerusi legasi Pakatan dalam pilihan raya yang akan datang, sebab apa saya ingin memberi ingatan kalau sudah tidak mampu jangan cipta perkara-perkara lain. Bawa video, politik lucu. Saya beri ingatan surah An-Nur ayat 12 hingga 20 kisah bagaimana yang menyebabkan Baginda Nabi Muhammad S.A.W fitnah yang dilontarkan kepada Aisyah. Mengakibatkan suasana yang kurang elok dalam rumah

tangga Nabi, apa yang di cerita dalam kisah tersebut Aishah kelihatan dipimpin dan dituntut untanya oleh satu lelaki kerana tertinggal dalam rombongan Nabi Muhammad akibat cerita itu, berlaku fitnah yang dilemparkan oleh golongan-golongan munafik dan Yahudi. AKO ada kaitan dengan itu. Masa itu ada AKO Mekah dan menimbulkan suasana yang kurang baik, itulah yang berlaku dalam kes liwat, nampak Anwar Ibrahim naik tangga, sebab nampak tangga konon berlaku sesuatu yang liwat. Utusan Malaysia melapur Anwar nampak masuk kondo tetapi Utusan Malaysia tidak lapor ada dekat sepuluh orang masuk ke kondominium tersebut. Tapi bila kita hendak terang dalam ceramah kita polis membuat alasan ini, mahkamah. Kenapa tidak ambil tindakan terhadap Utusan yang membuat keputusan dan seolah-olah membingkai pemimpin kita salah. Kemudian membuat video seks. Tuan-tuan mengaib dan memfitnah ini bukan budaya baru, saya mengambil kisah dalam kuno India, bagaimana Rupadi yang cantik dan jelita itu dihina dan diaibkan di hadapan orang awam kerana dendam daripada Kerajaan Kuwara kerana kebaikan dan panglima Pang rawa itu tetapi kerana kebesaran daripada tuhan Rupadi diselamatkan, Alhamdulillah semakin banyak cercaan, hinaan fitnah dilontarkan sokongan daripada Pakatan Rakyat semakin melimpah ruah. Kalau mereka hendak *denied* sila rujuk video kehadiran ramai rakyat hampir lebih 10 ribu dalam solat hajat yang dihadiri oleh pimpinan-pimpinan Pakatan Rakyat hampir jam penuh di kawasan sekitar Shah Alam kerana rakyat menolak politik lucuah dan tidak ada asas yang jernih dan bermoral yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin mereka, biarlah mereka tenggelam dalam punggung, mereka tenggelam dalam video yang pentingnya Pakatan Rakyat harus fokus terhadap kerja kita memakmurkan rakyat, membawa kebaikan kepada rakyat dan menjalankan reformasi di samping saya ingin menegur kembali kepada eksekutif untuk terbuka menerima teguran, terbuka menerima amaran dan sama-sama kalau kita bersedia menerima teguran ini, kita mampu memperbaiki dan tidak menjadi elegan dan sompong sebagaimana yang kita lihat kepada kejatuhan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Insya-Allah kita boleh meneruskan untuk kebaikan.

Tuan Speaker saya mohon menyokong agar dan menyokong penuh usul ini akan diterima dengan sebulat suara. *Wabiltaufik wahidayah wassallammualaikum warahmatullahhirabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pukul 6.00 petang maka Dewan ditangguhkan sehingga hari esok 31 Mac jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)**